



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 27 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrudin Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Izal Izlan bin Misnon
Encik Ramli bin Shaiai
Encik Mohd. Redzuan bin Adam
Encik Mohd. Saifulnizam bin Hasmawi
Encik Ahmad Hafizan Yusof
Encik Shahzrin bin Dzahari
Encik Ibrahim bin Mat Mom
Encik Hairudin bin Omar

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang keempat, 27 November 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

I. **BACAAN DOA**

II. **PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Sambungan)

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua. Soalan seterusnya Hulu Bernam, tidak hadir. Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Puan Speaker. Soalan Ijok No.45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(IJOK)**

TAJUK: SEKOLAH TAMIL DESA COALFIELDS

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pembangunan sekolah tersebut telah terhenti. Sila huraikan masalah-masalah pembangunan
- b) Pihak mana sepatutnya bertanggungjawab untuk menyiapkan pembangunan sekolah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Isu ini telah dibangkitkan oleh Ijok adalah berkenaan tentang Sekolah Tamil Desa, Desa Coalfields. Sekolah Tamil Desa Coalfields merupakan projek pembangunan yang dirancang untuk menjaga dan memberi peluang kepada anak-anak pekerja ladang, mendapatkan pendidikan yang sempurna dalam menjamin masa depan mereka. Perancangan dan pembangunan sekolah tersebut telah terhenti seketika berhubung kait dengan penyelesaian isu penyerahan balik tanah oleh pemaju kepada Kerajaan Negeri. Isu tanah ini merangkumi semua aspek antaranya adalah permohonan

pewartaan daripada Lembaga Pengelola Sekolah, proses pembangunan dan susun atur serta keperluan tapak yang mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya dan juga kelulusan-kelulusan berkaitan daripada agensi dan jabatan terlibat sebelum kerja-kerja fizikal di atas tanah dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang bersama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor serta Lembaga Pengelola Sekolah akan memastikan permasalahan yang timbul diselesaikan dengan segera, berdasarkan bidang kemahiran masing-masing bagi memastikan projek pembangunan Sekolah Tamil Desa Coalfields dapat disiapkan mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan. Sekolah Tamil Desa Coalfields merupakan salah satu projek Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang kepada rakyat Selangor khususnya anak-anak pekerja ladang di Negeri Selangor. Pembangunan Sekolah Tamil Desa Coalfields ini terletak di bawah seliaan dan bidang kuasa Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Pelaksanaan pembangunan sekolah ini akan melalui beberapa fasa pembangunan yang dipantau oleh agensi yang berkenaan. Antara perkara dan aspek yang perlu didalam pembangunan sesebuah sekolah adalah seperti plan lokasi, skop projek, keperluan dan spesifikasi sekolah, dokumentasi, pemantauan, pelaksanaan projek dan juga keperluan-keperluan dalam sekolah seperti makmal, pondok pengawal, tempat letak kenderaan dan sebagainya.

Bagi memastikan pembangunan projek sekolah ini terlaksana dan mengikut spesifikasi beberapa siri mesyuarat yang diadakan bersama Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang seperti UPEN, JKR dan PTG dan juga Pejabat Tanah Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Lembaga Pengelola Sekolah dan juga bersama dengan pihak sekolah telah diadakan dan telah ditetapkan agar sebut harga berkenaan dengan sekolah itu diberi dalam masa terdekat. Ini, perbincangan ini telah diadakan, mesyuarat yang, yang, yang akhir telah diadakan pada bulan lalu dan JKR telah menetapkan, telah memberi sebut harga mereka iaitu sebanyak RM7.2 juta. Walau bagaimanapun kepada dasarnya Kerajaan Negeri telah menetapkan peruntukan yang asalnya adalah sebanyak RM4 juta dalam, maka ada telah diminta untuk daripada pihak-pihak yang lain juga agar memberi sebut harga yang berbeza. Kita masih lagi menunggu sebut harga - sebut harga daripada pihak-pihak yang lain, iaitu daripada pengelola sekolah dan juga beberapa pengelola-pengelola sekolah yang lain dalam menentukan mesyuarat yang akan datang, yang akan diadakan pada Disember nanti.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih. Apa yang saya kenal pasti projek ini telah dirancang lama. *Piling* kepada tanah sudah bermula tetapi saya dapati banyak agensi-agensi yang bertelagah, siapa hendak membangunkan projek ni. Adakah rancangan Kerajaan Selangor, projek ini dari dulu, EXCO dulu sampai EXCO sekarang pun masih juga *status quo*. Jadi yang penduduk nak tahu, orang-orang kampung nak tahu bila projek ini akan bermula balik? Itu yang penting.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Saya juga sedia maklum, isu ini memang hangat dibicarakan dalam media massa. Walau bagaimanapun, walaupun dikatakan projek ini telah dimulakan sebelum 2012 lagi, namun apabila saya dilantik sebagai EXCO pada 2013, apabila saya memanggil semua agensi-agensi berkenaan tidak ada satu agensi mengaku bahawa projek ini telah diluluskan ataupun segala perbincangan tentang kerja dalam fizikal, secara telah dilakukan malahan Pejabat Tanah Kuala Selangor pun telah menyatakan bahawa tidak ada permohonan untuk KM ataupun untuk mewartakan tanah tersebut dilakukan. Juga UPEN pun telah memaklumkan bahawa sebelum ini tidak ada segala pemilihan siapa kontraktor pun tidak ada berlaku. Dan JKR pun telah mengesahkan dalam segala perbincangan bahawa tidak ada sebarang kelulusan untuk membuat sekolah tersebut. Dan Kementerian Pendidikan juga daripada telah mengesahkan dalam beberapa siri mesyuarat juga telah menyatakan tidak ada perbincangan dengan mereka. Maka segala perbincangan yang telah diadakan dan juga yang telah *difinalize* yang bulan lalu semua pihak telah bersetuju dengan maka JKR yang perlu dibuat dan dalam, bulan April yang lalu dengan pimpinan Menteri, Mantan Menteri Besar yang lama telah menyatakan agar JKR merancang projek ini dan membawa sebut harga. So, maka itu yang *answered*....

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Speaker. Saya terkejut sikit. Katakan tanah belum diserahkan tapi saya ada pelan sini yang telah pun diluluskan pada tahun 2007 oleh Pejabat PBT Kuala Selangor keseluruhan KM dan serahan tanah-tanah ini di dalam pelan ini untuk sekolah dan sebagainya telah diluluskan oleh kerajaan. KM pun sudah dapat.

TUAN SPEAKER: Soalan?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tanah sekolah pun ada.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas soalan?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nak tanya Kerajaan Negeri Selangor, sini sudah 2 tahun dah lebih dan kita tunggu-tunggu untuk sekolah ini dibina, sebelum pilihan raya *piling* dibuat. Ini ada kebenaran.

Saya nak minta pasal apa lama dia dan apa dia masalahnya untuk sekolah ini dibina. Saya ada pengalaman. Saya pun bina sekolah dan sekolah itu jalan tak ada masalah. Kalau adalah, saya minta Dato' Menteri Besar untuk teliti prosesnya dan sebagainya dan apa yang kita akan lakukan dalam masa yang singkat dengan pembinaan sekolah ini.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Seri Andalas. Tuan Speaker, seperti yang telah saya nyatakan tadi, segala agensi pelaksana telah mengesahkan bahawa tidak ada KM diperolehi ya. Isu tanah yang dikatakan yang telah diserahkan oleh KL-Kepong adalah sebanyak 2.4 ekar. Tanah itu masih tidak diserahkan sehingga 2014. Ya, baru sedang dalam proses pewartaan dan sebahagian tanah adalah sebahagian lagi adalah 1.5 ekar iaitu adalah kawasan sebenarnya tanah kerajaan. 2 plot yang berbeza perlu dicantumkan menjadikan sebagai tanah lot untuk menjadikan tapak SJKT Coalfields ini. Dua-dua perkara ini yang pada dasarnya tidak dibuat langsung. Dan kerja-kerja memacak *piling* itu dilakukan tanpa mendapat kelulusan daripada PEBT Kuala Selangor. Ini telah disahkan oleh PBT, pihak PBT. Maka tidak ada dikatakan di sini perkara ini telah dilambatkan adalah Kerajaan Negeri tidak patut dipersalahkan memandangkan kerja-kerja ini tidak dibuat secara teratur, daripada awal. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. No.47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(SERI SERDANG)**

**TAJUK: PERUNTUKAN INSURAN KESIHATAN UNTUK ADUN DAN
PEGAWAI DI PUSAT KHIDMAT DUN**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah cadangan atau usaha untuk menyediakan insurans kesihatan kepada ADUN-ADUN dan Petugas PKM

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Seri Serdang. Tuan Speaker, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.14/2014 bertarikh 23 April 2014 telah mengarahkan PNSB Insurans Broker menilai dan mengkaji Insurans Perubatan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri berserta tiga (3) orang kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan telah dicadangkan supaya Skim Insurans yang ditawarkan benar-benar bermanfaat kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri. Pentadbiran Jawatankuasa Kesihatan juga telah menerima

beberapa cadangan daripada Penyedia Perkhidmatan Takaful. Perbincangan dan kajian lanjut sedang dibuat bagi memastikan khidmat insurans kesihatan adalah yang terbaik untuk Yang Berhormat ADUN, penjawat awam serta petugas-petugas di Pusat Khidmat Masyarakat di Selangor. Satu kertas kerja MMKN akan disediakan untuk pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN AHMAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Soalan No.48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK: IKLIM PELABURAN NEGERI

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor-faktor yang mewujudkan iklim kondusif dan boleh menarik pelabur asing?
- b) Sejauh manakah kesan pergolakan politik dan pertukaran Dato' Menteri Besar terhadap pelaburan ini?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh JACTIM dan JEXTO. JAKTIM adalah Japanese Chamber of Treat Industry Malaysia dan JEXTO adalah Japan External Treat Organisation. Menurut kajian yang dijalankan oleh kedua-dua ini pada tahun 2013, antara faktor yang mewujudkan iklim kondusif dan boleh menarik pelabur menerusi keutamaan adalah seperti berikut :

- a) Faktor kestabilan politik, polisi pelabur yang konsisten
- b) Kebanyakan pekerja tempatan yang boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris memudahkan komunikasi dengan pihak pelabur
- c) Polisi pelaburan yang mesra pelabur
- d) Kemudahan infrastruktur
- e) Keselamatan
- f) Persekitaran yang selesa dan kemudahan pembelajaran bagi anak-anak *expatriate*

Secara dasarnya pergolakan politik tidak memberikan impak secara langsung kepada aktiviti pelaburan kerana walaupun berlaku pertukaran tampuk kepimpinan negeri, namun polisi pelaburan masih tetap sama dan tiada berlaku sebarang perubahan. Dari segi pentadbiran pula, tiada isu berbangkit kerana walaupun

berlaku pertukaran urusan-urusan pentadbiran masih berjalan seperti biasa. Selain itu Kerajaan Negeri melalui SSIC sentiasa mengadakan pertemuan dengan para pelabur yang melabur di Negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas serta membantu menyelesaikan isu yang berbangkit.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, soalan No.49. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(BATU TIGA)**

TAJUK: PELANTIKAN BADAN PENGURUSAN UPTOWN SEKSYEN 24

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Siapakah dan bagaimana proses pelantikan badan pengurusan *Uptown* Seksyen 24 yang telah mengalami kebakaran pada 15 Oktober 2014 lalu?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Batu Tiga atas soalan .Tuan Speaker Badan Pengurusan Kompleks Muhibah *Uptown* Seksyen 24 Shah Alam yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengawal dan menguruskan operasi *Uptown* Seksyen 24 Shah Alam adalah syarikat Dataran Usahawan Selangor Sdn Bhd ataupun DUSSEB. DUDSSB merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan dibawah Akta Pendaftaran Syarikat 1965. Proses pelantikan di DUSSEB adalah melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke Lapan tahun 2006 yang bertarikh pada 19 April 2006 dan satu perjanjian kontrak pengurusan kompleks muhibah Seksyen 24 Shah Alam telah ditandatangani di antara pihak Kerajaan Negeri Selangor dan pihak Dataran Usahawan ataupun DUSSEB. Kontrak tersebut yang telah tamat pada 31 Disember tahun 2012 telah disambung semula pada 1 Februari 2012 sehingga satu tarikh iaitu 1 Januari tahun 2013 yang ditandatangani oleh pihak Unit Perancang Ekonomi di atas keputusan yang telah dibuat oleh EXCO yang berkenaan pada waktu itu. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Batu Tiga

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya ingin bertanya kepada pihak EXCO, *Uptown* ini adalah satu program ataupun satu usaha pengaliran terus yang dilaksanakan atau pun dibawah urusan EXCO Usahawan dan dijaga juga oleh pihak UPEN. Tetapi kalau kita lihat semenjak 2006 pengusaha ataupun pengurus ianya

masih sama iaitu Dataran Usahawan Sdn. Bhd. apakah ada kriteria dan juga tender terbuka yang dibuat untuk memastikan pengurusan *Uptown* Seksyen 24 dilakukan. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Puan YB Batu Tiga. Pertamanya selepas berlaku kebakaran tersebut pihak Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menyemak semula segala isi kandungan kontrak dan perjanjian di antara DUSSEB dengan Kerajaan Negeri. Dan kita telah membuat satu keputusan hanya pihak Kerajaan Negeri perlu menghantar notis kepada pihak berkenaan dalam masa terdekat dan pihak Kerajaan Negeri juga sedang memutuskan secara menyeluruh untuk membina *Uptown* tersebut dengan lebih komprehensif, lebih selamat dan lebih berdaya saing dan memberikan hasil yang baik kepada Kerajaan Negeri. Untuk maklumat yang bertanya pada waktu ini sebanyak RM7,000.00 disumbangkan kepada Kerajaan Negeri untuk tabung pembangunan usahawan negeri dan duit itulah yang kita gunakan sebagainya untuk membina balik tapak sementara *Uptown* yang telah terbakar. Namun begitu pihak Kerajaan Negeri Sedang menilai semula jumlah tersebut untuk memastikan hasilnya itu memberikan impak yang besar dan seterusnya mampu untuk memberikan sokongan kepada pembangunan usahawan di peringkat Negeri Selangor. Jadi pada waktu ini Kerajaan Negeri Sedang merangka semula memastikan segala terma dan juga isi kandungan tahun 2006 itu disemak kembali bersesuaian dengan isi kandungan dan keadaan semasa pada tahun 2014. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker soalan No. 50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: PINJAMAN KERAJAAN NEGERI KEPADA KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembayaran pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM413.2 juta kepada Kumpulan Darul Ehsan berhad (KDEB) untuk mengambil alih Kumpulan Hartanah Selangor Berhad(KHSB)?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dapat mengutip pinjaman tersebut seperti yang dijanji di sidang bajet tahun lepas?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker YB Damansara Utama ingin mendapat penjelasan berhubung kedudukan pinjaman Kerajaan Negeri kepada KDEB yang berjumlah RM413.20 juta. Untuk makluman YB pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM413.20 juta kepada KDEB akan matang pada 28 November 2014. Pada 13 November 2014 yang lalu Kerajaan Negeri telah meminta KDEB untuk memberikan penjelasan tentang status pinjaman tersebut di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor dan KDEB telah pun membentangkan cadangan penangguhan dan penyelesaian pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM413.20 juta yang mana cadangan adalah seperti berikut:

- i) Pembayaran balik pinjaman sebanyak RM5.0 juta oleh KDEB pada 28 November 2014; dan
- ii) Pembayaran balik baki pinjaman sebanyak RM408.2 juta berserta faedah akan ditangguhkan selama satu tahun sehingga 28 November 2015 bagi membolehkan KDEB meneruskan pelan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam KHSB.

Berikutan daripada pembentangan tersebut, MTES secara dasarnya telah bersetuju dengan cadangan penangguhan dan penyelesaian pinjaman sebanyak RM413.20 juta seperti di atas.

Pembayaran balik baki pinjaman akan diselesaikan melalui opsyen-opsyen berikut (berdasarkan yang mana lebih awal):-

- i) Penyelesaian baki pinjaman sebanyak RM408.2 juta berserta faedah melalui terbitan *Redeemable Non-Convertible Unsecured Loan Stock* pada Oktober 2015 selepas selesai pengambilalihan 100% saham di dalam KHSB.
- ii) Penyelesaian baki pinjaman RM408.2 juta berserta faedah melalui hasil penjualan 100% saham KHSB kepada syarikat berkaitan Kerajaan Negeri dalam sektor hartanah.

Ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memberi anak-anak syarikat yang terlibat dalam sektor hartanah untuk mengetuai industri yang berkenaan. Bagi mengurangkan risiko KNS berkenaan pembayaran balik pinjaman, KDEB telah mencadangkan kepada MTES untuk mencagarkan baki saham-saham KHSB yang bebas dari cagaran sebanyak 371,502,285 unit saham iaitu bersamaan 82.56% ekuiti saham di dalam KHSB sebagai sekuriti kepada pinjaman dari KNS. Berikutan itu KNS akan mempunyai cagaran bernilai RM297.2 juta berdasarkan nilai aset sesaham KHSB sebanyak RM0.80 sesaham pada 31 Disember 2013 bersamaan lebih kurang 72% daripada nilai baki pinjaman.

Akhirnya YB Damansara Utama dalam soalan yang kedua tentang Kerajaan Negeri dapat mengutip pinjaman, pinjaman daripada Kerajaan Negeri kepada KDEB akan matang pada 28 November 2014. KDEB akan membuat pembayaran balik sebanyak RM5.0 juta pada 28 November 2014. Majlis Tindakan Negeri Selangor dalam mesyuaratnya bertarikh 13 November 2014 secara dasarnya telah meluluskan cadangan KDEB agar pembayaran balik baki pinjaman sebanyak RM408.2 juta berserta faedah akan ditangguhkan selama satu tahun sehingga 28 November 2015 bagi membolehkan KDEB meneruskan pelan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti di dalam KHSB. Sehingga 31 Oktober 2014, KDEB memegang 94.80% kepentingan ekuiti di dalam KHSB. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

YB. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Berkenaan pinjaman KDEB ini yang sebelum ini kita dimaklumkan, ahli-ahli Dewan dimaklumkan dia pinjam hanya setahun sekarang setahun dah sampai enggak bisa pulang balik.....ya....bayar balik. Saya nak tanya sama ada Kerajaan Negeri ada dikenakan *charge* denda tambahan kepada KDEB supaya bayar pada akan datang ni ada satu kompaun dan sebagainya. Saya nak tanya satu dan kedua bagaimana dengan dividennya, dividennya....terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB Sekinchan. Seperti yang telah saya nyatakan tadi pada 28 November 2014 KDEB akan membuat pembayaran pendahuluan sebanyak lima juta ringgit. Selebihnya sebanyak RM408.02 juta akan ditangguhkan selama satu tahun berserta faedah.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak tanya tadi*correct me if I'm wrong*, dengan izin, adakah ini bermaksud bahawa apa yang *plan* yang dia pembayaran balik adalah apabila Kerajaan Negeri pinjam kita pinjam *cash but what we are getting now* adalah *share convertible loan securities* bukan *cash....correct me if I'm wrong*.
Thank you.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya....itu sebagai jaminan untuk memastikan pinjaman ini dapat diperolehi semula oleh Kerajaan Negeri. Memandangkan kita memberikan penangguhan selama setahun sehingga 28 November 2015 dan seperti yang disebut oleh YB Sekinchan tadi perjanjian asal ialah supaya pembayaran ini dibuat dalam tempoh setahun. Oleh kerana ada permohonan untuk melanjutkan dan kita mahu jaminan diberikan oleh pihak peminjam maka kita meletakkan syarat-syarat baru supaya ada jaminan pembayaran ini dibuat. Dan seperti yang saya jelaskan tadi jaminan yang diberikan itu adalah 72% daripada nilai baki pinjaman

dan setakat ini KDEB telah pun memegang 94.80% ekuiti di dalam KHSB. Jadi ada sedikit lagi peratusan yang perlu diselesaikan dan ianya melibat beberapa pemegang saham yang berpangkalan di luar Negara yang perlu diselesaikan mengikut peraturan yang kewangan yang sedia ada.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Sebab...aa...saya agak....*it's counter inquitive* 94% sudah diambil alih *and now* sebanyak 408 juta kita kena tunggakan satu tahun. So *majority of the shares we have already* ambil alih. Tetapi kenapa tidak dapat kita ambil balik yang tu dalam bentuk *cash* ? Dan satu soalan yang belum *answer* lagi ialah apakah faedah yang kita *charge* dekat KDEB.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB Damansara Utama. Memang benar KDEB telah pun memegang 94.80% dalam kepentingan ekuiti dalam KHSB ada sekitar 5.2% yang sedang diuruskan dengan pemegang-pemegang saham yang berpangkalan di luar dan ianya memerlukan kelulusan daripada badan-badan kewangan yang diperlukan. Dan sebab itu untuk menyelesaikan pengambilalihan cara keseluruhannya mereka meminta supaya perkara ini dapat ditangguhkan selama setahun dan untuk maksud itu kita mengenakan kadar faedah berserta dengan jaminan yang telah saya senaraikan sebentar tadi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Apakah kadar faedah

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kadar faedah yang dikenakan , saya tidak ada maklumat di sini saya boleh maklumkan kepada YB nanti berapa kadar faedah yang dikenakan kepada KDEB untuk pinjaman yang diberikan.....Berapa....4% YB Damansara Utama.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya adakah ini menjadi suatu kebiasaan ataupun polisi Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi pinjaman kepada anak syarikat Selangor untuk membuat, dan kalau ikut kita kebiasaan pinjaman tu sebenarnya dia bayar *fasa by fasas*. Saya setuju dengan Damansara Utama kerana dia sudah *complete* dengan *ninety over percent*, dengan izin, kenapa tidak boleh dibayar sedangkan dia bole ada caranya untuk *cash out* ataupun macam mana.....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB Rawang. Kalau YB Rawang melihat perbincangan saya sebagai ADUN Bukit Antarabangsa ketika pinjaman ini diberikan memang saya berpendirian yang sama dengan YB Rawang supaya pinjaman yang begini besar tidak perlu diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada anak syarikat Kerajaan Negeri kerana sekiranya *book value* syarikat yang berkenaan mempunyai nilai yang baik pastinya bank-bank tempatan bersedia untuk memberikan pinjaman dan tidak perlu membebankan Kerajaan Negeri dengan jumlah yang begitu besar. Dan ini boleh kita semak dalam perbincangan yang lalu. Namun oleh kerana pinjaman ini telah pun dilakukan maka tanggungjawab pentadbiran yang baru ini untuk memastikan jumlah pinjaman yang telah diberikan itu dapat dikutip semula. Sebab itu kita meletakkan beberapa syarat yang ketat dan ini adalah lanjutan yang terakhir yang kita berikan kepada KDEB. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB: Tuan Speaker soalan No. 51

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: KOMPETENSI Pengerusi DAN AHLI-AHLI JKJK

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Pengerusi dan Ahli JKJK di seluruh Selangor?
- b) Apakah tugas-tugas utama Pengerusi dan Ahli-ahli JKJK?
- c) Apakah rancangan kerajaan dalam memberi latihan agar pengerusi dan Ahli-ahli JKJK mampu menguasai serta menerangkan dasar-dasar kerajaan kepada orang ramai?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker soalan Hulu Kelang berkaitan dengan kompetensi Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung. Jumlah Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung atau JKJK di seluruh Selangor pada masa ini dianggarkan 4,885 orang. JKJK di setiap kampung terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan Ahli-ahli yang lain. Pada dasarnya jumlah keanggotaan JKJK hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 5 orang atau tidak melebihi 15 orang yang mewakili semua lapisan masyarakat. Komposisi JKJK hendaklah mengandungi perwakilan seperti berikut: satu Nazir Masjid atau Pengerusi Surau seorang, Wakil wanita seorang dan wakil belia seorang. Tugas-tugas utama Pengerusi adalah mempengerusikan mesyuarat

JKKK, bertanggungjawab menentukan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan juga keselamatan kampung daripada masa ke semasa, bertanggungjawab menentukan segala program dan aktiviti yang dirancang oleh kerajaan berjalan lancar dan sempurna, menjadi penolong penasihat mengikut mana-mana tatacara dan kaedah yang berkaitan kepada Badan Sukarela lain yang ada di dalam kampung seperti Jawatankuasa Masjid ataupun Surau, Persatuan Belia dan Perkumpulan Wanita. Tugas-tugas setiausaha pula memanggil mesyuarat JKKK supaya apabila diperlukan atas arahan Pengerusi, menjadi Setiausaha Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Kampung, bertanggungjawab menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat JKKK serta melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pengerusi JKKK. Tugas-tugas ahli JKKK yang lain adalah memberikan pandangan dan pendapat, membina dengan jelas, sentiasa bersedia dan menerima menjalankan tugas-tugas dengan penuh tanggungjawab dan termasuklah juga mengetahui biro-biro yang ditubuhkan, menghormati Pengerusi dan ahli-ahli lain serta keputusan yang diambil, mendapat maklumat kampung, memaklumkan kepada Pengerusi dan ahli-ahli lain. Melaksanakan tugas-tugas yang diberi oleh Pengerusi atau yang diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung serta menyimpan rahsia mesyuarat. Apa yang saya sebutkan ini segala-segalanya ada di dalam manual panduan kerja Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung Negeri Selangor Darul Ehsan. Yang mana ia boleh didapati daripada Unit Perancang Pembangunan Negeri Selangor.

Rancangan Kerajaan Negeri dalam memberikan latihan agar Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung mampu menguasai serta menerangkan dasar-dasar kerajaan kepada orang ramai ialah melaksanakan kursus-kursus dan seminar yang berkaitan iaitu kursus-kursus menyediakan minit mesyuarat Ketua Kampung, seminar pemantapan JKKK, bengkel kenali kampung ku, program sasaran kerja tahunan dan sebagainya. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga menganjurkan program ramah mesra antara EXCO bersama-sama Penghulu dan Ketua-ketua Kampung bagi memaklumkan dasar-dasar dan program baru Kerajaan Negeri untuk disampaikan dihebahkan kepada orang kampung.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Yang Berhormat EXCO soalan yang nak saya timbulkan apakah polisi atau pun dasar sikap Kerajaan Negeri terhadap JKKKP kerana ada sebahagian kampung menunjukkan kerjasama dalam proses pengendalian program-program surau dan masjid. Dan ada setengah JKKK yang menyerapkan wakil atau pun Pengerusi JKKKP dalam jawatankuasa di peringkat kampung jadi minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Pada dasarnya Kerajaan Negeri mengiktiraf JKKKP walau bagaimana pun sekiranya ia berlaku yang mana keterlibatan JKKKP ini di dalam Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri dan apatah lagi sekiranya program-program itu adalah bertentangan ataupun program-program itu tidak mempunyai tujuan yang baik atas Kerajaan Negeri pada masa ini maka ianya bolehlah dilaporkan kepada Unit Perancang Pembangunan Negeri ataupun terus kepada saya untuk kita lihat ada beberapa perkara sebenarnya kita boleh ambil tindakan kerana segala yang dilakukan oleh Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung itu sepatutnya memenuhi tatacara ataupun manual panduan kerja yang ada yang disediakan oleh Kerajaan Negeri terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker soalan nombor 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: RIZAB KEWANGAN

- a) Berapakah jumlah rizab kewangan negeri terkini?
- b) Apakah dasar, prinsip dan strategi negeri terhadap simpanan rizab tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong yang ingin mendapat penjelasan kewangan negeri. Yang Berhormat Sungai Burong kewangan negeri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Oktober 2014 adalah berjumlah RM3,328.03 juta dengan perincian seperti berikut:

Wang Awam	RM Juta
Wang Tunai	113.80
Pelaburan	3,214.23
Dipegang Bagi: Kumpulan Wang Disatukan	
Akaun Hasil Disatukan	1,476.31
Akaun Pinjaman Disatukan	11.94
Akaun Amanah Disatukan	1,839.78

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, rizab kewangan negeri adalah terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

Oleh yang demikian, tidak kesemua rizab Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah dan arahan amanah. Lebihan rizab tunai Kerajaan Negeri pada dasarnya bertujuan untuk mengurus kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan seperti digunakan bagi menampung perbelanjaan defisit, perancangan, perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus, menyediakan peruntukan tanpa perlu mencari sumber lain serta dijadikan sumber bagi perbelanjaan luar jangka.

Justeru, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Selangor pada Dewan Negeri Selangor Sidang November 2013 telah meluluskan penggunaan rizab negeri bagi projek-projek pembinaan jambatan ketiga Klang sebanyak RM150 juta dan pembinaan rumah mampu milik sebanyak RM100 juta. Program dan projek yang telah dirangka ini adalah sebahagian daripada rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi pembangunan sosioekonomi rakyat Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih pada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah memberi penjelasan. Daripada jumlah rizab yang besar terdapat lebihan tersebut kita lihat mungkin ini salah satu daripada sebab mengapa Kerajaan Negeri membuat belanjawan defisit. Walau bagaimanapun saya melihat dalam belanjawan defisit ini membiayai air diberikan *nominal token vot*. Jadi adakah sebahagian daripada dasar atau prinsip strategi ini untuk membiayai pembiayaan air percuma untuk Negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong seperti yang telah dijawab dalam beberapa soalan sebelum ini Kerajaan Negeri akan meneruskan program air percuma untuk tahun-tahun yang akan datang dan ianya melibatkan satu jumlah yang agak besar RM160 juta setahun. Walau pun kita akan memuktamadkan industri penstrukturan air dalam masa yang terdekat seperti yang saya nyatakan tadi selewat-lewatnya suku tahun ketiga 2015 namun kita perlu membincangkan semula dengan pihak pengurusan air Selangor sekiranya program ini perlu dibiayai oleh air Selangor mungkin ia perlu menaikkan tarif dan sudah tentu kita tidak mahu perkara ini berlaku dan membebankan rakyat Negeri Selangor maka

ada ketika ini Kerajaan Negeri berhasrat mahu meneruskan program air percuma bagi rakyat dengan kos yang saya nyatakan tadi terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan nombor 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: BAYARAN GRATUITI KEPADA KAKITANGAN MENTERI BESAR
INCORPORATED (MBI) YANG MENAMATKAN TEMPOH
PERKHIDMATAN SEMASA MENTERI BESAR TERDAHULU.**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah keseluruhan bayaran tersebut.
- b) Sila senaraikan nama-nama penerima dan jumlah bayaran yang telah diberikan.
- c) Apakah formula yang digunakan oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) untuk membuat bayaran tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik, soalan tentang bayaran gratuiti kepada kakitangan MBI. Yang Berhormat Kota Anggerik ingin mengetahui jumlah keseluruhan yang telah dibayar jumlah keseluruhan bayaran gratuiti kepada kakitangan MBI baru-baru ini melibatkan implikasi kewangan syarikat sebanyak RM2.3 juta. Yang kedua tentang penerima-penerima yang terlibat dalam pembayaran ini terdiri daripada pertama Faekah bt Haji Husin, Ketua Pegawai Eksekutif menerima sebanyak RM695,400, kedua Rohani bin Dato Talib menerima RM524,400 ketiga Arfaizah bt Abdul Aziz menerima RM478,935, keempat Mustafa bin Mohd Talib menerima RM265,320, kelima Rahimah bt Kamaruddin menerima RM265,650, Dr Sulaiman Masri menerima RM182,385, Tuan Nazuri bin Tuan Ismail RM115,200, Abdul Halim Mohd Yusof RM186,300, Azrul Azyai bin Mohd Tajuddin RM36,000, Hajah Saadiah bt Haji RM30,000, Norsidah bt Abdul Majid RM15,000, Mohd Shahni Munir bin Mohd Isnin RM6,678. Amanda Ling Sue Ming RM12,000 dan Noraini bin Shamsudin RM14,355. Soalan yang dikemukakan tentang formula yang digunakan untuk pembayaran tersebut sukacita saya memaklumkan bahawa mesyuarat pengarah MBI pada 25 Ogos 2014, Mantan Pengerusi MBI telah bersetuju agar penghargaan dan pampasan dibuat berpandukan keputusan MMKN pada 3 September 2014 berkenaan ganjaran para ahli MMKN yang ditamatkan perkhidmatan mereka.

Ganjaran yang diberikan adalah berdasarkan pengiraan pada kadar 17.5% dari satu bulan gaji untuk sepanjang tempoh perkhidmatan yang telah diberikan. Walau bagaimanapun atas desakan beberapa Ahli Dewan Negeri ketika itu membahaskan ucapan perbelanjaan Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mempertimbangkan supaya laporan audit ini akan dibentangkan secara terbuka dalam sidang dewan ini maka Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri akan bersidang yang esok untuk memutuskan perkara ini sebelum ia dibentangkan dalam sesi ini dan kemungkinan pada minggu depan kesemua perincian laporan audit dapat dibentangkan pada dewan yang bersidang pada sesi ini terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: MMKN memutuskan bahawa ganjaran diberi ialah 17.5% seperti mana ganjaran lain tetapi sebaliknya untuk kali ini ganjarannya tidak seperti mana dalam MMKN dan apakah kerajaan rasa ini satu kewajaran dan kalau tidak wajar apakah tindakan selanjutnya yang dibuat oleh kerajaan supaya memastikan bahawa wang rakyat ini dipulangkan semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik seperti yang sama nyatakan tadi proses yang perlu dipatuhi ialah untuk laporan audit ini dibentangkan dalam dewan ini ianya perlu disahkan oleh MMKN dan di dalam laporan audit ini banyak perkara yang boleh di bahas dan dibincangkan apabila laporan audit ini dibentangkan pada minggu depan sebab itu kita telah memutuskan untuk MMKN bersidang esok pagi sebelum sidang dewan bermula untuk mengesahkan laporan audit tersebut dan ianya akan dibentangkan dalam sidang dewan ini dan boleh kita bincangkan langkah-langkah akan diambil dan dibincangkan esok.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Adakah MMKN ataupun Kerajaan Negeri ada satu garis panduan gratuiti untuk semua anak syarikat di Selangor ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Garis panduan yang diguna pakai setiap GLC sudah tentu menerima pakai garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah berkenaan dan bagi MBI mereka juga mempunyai garis panduan yang sedia ada untuk dipatuhi. Walau bagaimana pun dalam laporan audit telah dikemukakan mendapati beberapa terma-terma kontrak ini telah tidak dipatuhi maka ianya akan di bentang dan dibincangkan esok dan akan dibentangkan dalam dewan pada minggu depan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Burong ingin bertanya sama ada amalan-amalan diberi ganjaran yang berlebih-lebihan ini yang kita lihat merupakan satu amalan yang baru ini akan dikaji semula, termasuk dalam Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor iaitu PKNS. Kita tahu PKNS ini ditubuhkan sebagai sebuah Perbadanan dan bukan sebagai sebuah syarikat swasta. Dan kerana itu sepatutnya pembayaran-pembayaran ganjaran ini adalah berasaskan kepada garis panduan pertubuhan perbadanan tersebut. Jadi adakah sebagai orang kata pentadbiran yang baru akan melihat mengkaji semula kedudukan pembayaran ganjaran-ganjaran yang berlebihan ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB Sungai Burong. Saya amat bersetuju sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat, kita harus memastikan pembayaran yang berlebihan, yang mewah ini tidak patut diteruskan dan harus berpegang kepada peraturan dan garis panduan yang sedia ada. Yang keduanya ia juga terus diberikan perhatian bukan sekadar garis paduan dan peraturan yang sedia ada tetapi pematuhan kepada garis panduan dan peraturan yang diguna pakai oleh anak syarikat ataupun perbadanan. Masalah yang timbul dalam pembayaran gratuiti oleh MBI baru-baru ini ialah garis panduan sedia ada tidak dipatuhi dan dilanggari. Sebagai contoh ada pegawai yang berkhidmat hanya dalam tempoh yang singkat tetapi diberikan ganjaran berlipat kali ganda dari tempoh perkhidmatan di MBI itu sendiri. Yang keduanya persoalan yang harus kita tanya mengapakah pegawai-pegawai yang disenaraikan tadi dipecat daripada MBI. Sebenarnya mereka tidak perlu dipecat kerana yang tergugur hanya Pengerusi, pegawai-pegawai berkenaan seharusnya kekal di situ tetapi mereka memilih opsyen ini untuk membolehkan pembayaran ini dibuat kerana kalau mereka meletakkan jawatan secara sukarela mereka yang perlu membayar 3 bulan gaji kepada syarikat yang berkenaan tetapi sekiranya mereka dipecat mereka memperolehi gratuiti dan pembayaran seperti ini. Jadi jalan yang dipilih itu juga harus dibincangkan kenapakah perkara ini diberikan laluan yang sedemikian. Terima kasih.

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Saya bagi Jeram. Jeram

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS: Saya minta penjelasan tadi

TUAN SPEAKER: Jeram

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Terima kasih Tuan Speaker. Pertanyaan Jeram ialah memandangkan pihak Menteri Besar memperakui ini merupakan satu kesalahan dari segi garis panduan gratuiti kepada pihak-pihak MBI. Adakah siasatan

menyeluruh akan dibuat kepada perkara ini memandangkan ia melibatkan kewangan rakyat secara keseluruhannya. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB. Jeram seperti yang saya tegaskan bagi pihak Kerajaan Negeri kita akan menyemak keseluruhan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan juga Perbadanan supaya garis panduan yang diguna pakai itu adalah selaras yang diterima oleh sama ada di pihak Kementerian Kewangan atau garis panduan yang dipakai pada ketika ini. Tetapi yang saya tekankan juga tadi bukan sekadar garis panduan tetapi pematuhan kepada garis panduan itu juga penting. Bukan sahaja untuk MBI tetapi kepada semua anak-anak syarikat dan juga Perbadanan termasuk PKNS supaya perkara ini sekiranya ada kecuaiian dan kelemahan perlu diperbaiki dan dipertingkatkan urus tadbir bagi anak syarikat dan juga perbadanan yang berkenaan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Satu Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Permatang

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta pengesahan kepada YAB Menteri Besar sama ada senarai nama dikemukakan tadi ada ramai yang kita tengok saya tidak sempat catat mungkin lebih daripada 10. Apakah semua senarai ini penama-penama atau penjawat-penjawat ini memang kakitangan MBI, atau mereka ini berkhidmat secara kontrak dengan Kerajaan Negeri. Atau apa status yang membolehkan mereka ini mendapat ganjaran. Atau memang sebenarnya mereka dilantik oleh MBI kakitangan MBI kemudian dipinjam ke Pejabat Menteri Besar. Itu yang saya minta penjelasan. Kerana itu menentukan kenapa sama ada mereka layak atau tidak. Sebab kalau memang sebenarnya mereka dilantik atas sebab MBI, itu prosedur masukkan tapi kelayakan itu saya mohon penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: YB Permatang. Pegawai-pegawai yang saya nyatakan tadi adalah pegawai-pegawai yang dilantik secara kontrak oleh MBI dan mempunyai tugas yang tertentu. Terima kasih.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya lebih tertarik dengan bayaran gratuity ini di mana angka yang sebesar ini 2.3 juta dibayar melibatkan wang rakyat ini. Keputusan Mesyuarat MMKN yang meluluskan pembayaran ini. Saya hendak tahu minta penjelasan YAB Dato' Menteri Besar adakah EXCO ketika itu mereka memperdayakan angka-angka ini untuk diluluskan atau mereka tidak tahu perkara ini. Ini saya minta penjelasan maaf saya terpaksa tanya. Demi hendak tahu kebenaran. Ini soalan saya. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: YB Sekinchan. MMKN tidak mempunyai sebarang bidang kuasa untuk menentukan jumlah gratuiti yang perlu dibayar kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, yang menentukan formula dan juga kaedah pembayaran adalah Lembaga Pengarah MBI itu sendiri yang dipengerusikan oleh Mantan Menteri Besar ketika itu. Dan daripada maklumat awal yang saya perolehi akan kita teliti dalam Mesyuarat MMKN esok ialah dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah diputuskan sepayah kaedah dan formula pembayaran itu perlu diteliti dan kembali semula kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk diputuskan. Yang itu tidak berlaku, tidak dibuat dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah itu antara perkara-perkara pelanggaran yang telah dilakukan. Soal dibawa ke MMKN untuk hanya itu maklumat sahaja dan mereka tidak ada bidang kuasa untuk menentukan. Tetapi oleh sebab ini telah menjadi satu isu dan memerlukan penjelasan bukan sahaja penjelasan tetapi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membetulkan keadaan yang telah berlaku maka kita akan bawa ke Mesyuarat MMKN dan mengambil satu pendirian apakah bentuk tindakan yang akan diambil terhadap perkara apa yang berlaku ini supaya ini tidak berulang dan menjamin ketulusan dalam tadbir urus negeri dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan terakhir Sg. Burong.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Bagilah Kota Anggerik.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker Sg. Burong. Terima kasih sebab isunya sangat penting kerana melibatkan kewangan rakyat sangat besar dan tadi YAB Menteri Besar telah menyebutkan bahawa terdapat pelanggaran peraturan. Jadi soalan sekarang ini adakah tindakan akan diambil?. Adakah mereka perkara ini akan dibawa ke SELCAT untuk dibicarakan, dipastikan wujud kemungkinan wujudnya penyelewengan atau penyalahan kuasa dan tindakan-tindakan dan sebagainya yang patut diambil. Sebab kita tidak mahu ia seperti yang lepas apabila terdapat penyelewengan penyalahan kuasa benda itu terlepas begitu begini jumlah wang rakyat yang besar yang perlu kita ambil perhatian.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB Sungai Burong. Saya mengharap Tuan Speaker tiada lagi soalan tambahan selepas ini kerana Kerajaan Negeri telah mengumumkan tadi kita tidak akan *compromise* dalam soal yang tidak menepati garis panduan dan peraturan. Dan kita Kerajaan Negeri sedia untuk membentangkan laporan Audit ini dalam Dewan yang sedang bersidang sekarang supaya ketulusan dan keterbukaan itu menjadi asas pentadbiran Kerajaan Negeri. Yang ketiganya MMKN akan bersidang esok secara di peringkat awal sebelum sidang bermula untuk meneliti bentuk tindakan yang perlu diambil atas insiden

seperti ini. Kerana saya nyatakan tadi sebelum laporan ini boleh dibentangkan dalam sidang Dewan ia perlu disahkan oleh MMKN. Maka saya perlu melalui proses berkenaan. Soal bentuk tindakan yang perlu diambil saya yakin setiap kesalahan perlu diambil tindakan tegas ya. Termasuk sekiranya ada cadangan untuk dibawa ke Pendengaran Awam yang itu saya serahkan Tuan Speaker dan Jawatankuasa Dewan untuk memutuskan. Kerana ini adalah kebebasan antara pihak Eksekutif Dewan dan sekiranya Jawatankuasa SELCAT bercadang untuk mengadakan Pendengaran Awam Kerajaan Negeri tidak akan menghalang perkara tersebut kerana perkara ini adalah kepentingan rakyat di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan. Soalan seterusnya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker ingat soalan tambahan. Soalan saya No.54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT TEATER SHAH ALAM

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pusat tersebut ?
- b) Sila nyatakan bagaimanakah Pusat Teater Shah Alam ini dapat menyumbangkan kepada kesenian dan kebudayaan Negeri Selangor ?
- c) Sila nyatakan apakah perancangan membina Pusat Teater Shah Alam ini menepati prinsip *value for money*?

Y.B. TUAN DR. AMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan menanya berkaitan Pusat Teater Shah Alam. Melalui Cabutan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertarikh 23 Julai 2014 kertas EXCO-MTES No.6/22/2014 yang telah disahkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-29/2014 pada 6 Ogos 2014 telah menimbang dan bersetuju untuk menyerahkan pengurusan Teater Shah Alam kepada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT). Sehubungan itu, pihak PADAT akan menyelaraskan operasi dan pengisian aktiviti penggunaan Teater Shah Alam. Di pihak Majlis pula proses penyerahan akan dilakukan kepada pihak PADAT pada bulan Mac 2015 setelah program terakhir yang telah dijadualkan lebih awal selesai dilaksanakan. Selepas tarikh tersebut, pihak PADAT akan mengambil alih pengurusan keseluruhan bangunan tersebut. Di Negeri Selangor masih belum ada lokasi khas bagi penggiat seni dan budaya khususnya penggiat seni teater untuk mempamerkan karya-karya

mereka. Golongan ini terpaksa mencari fasiliti dan *platform* di tempat lain khususnya di sekitar Lembah Klang. Dengan adanya Teater Shah Alam, ia memberikan satu kemudahan yang amat dinanti-nantikan bukan sahaja kepada penggiat teater tetapi juga kepada penggiat seni dan budaya di Negeri Selangor untuk mengadakan aktiviti dan program berkaitan. Teater Shah Alam akan menjadi lokasi tumpuan penggiat seni dan kebudayaan bukan sahaja di Negeri Selangor malahan diharap dapat menarik penggiat seni dari seluruh Negara. Pembinaan Teater Shah Alam ini merupakan komitmen Kerajaan Negeri untuk menyediakan fasiliti yang lengkap dan bersesuaian untuk memperkasakan aktiviti seni dan budaya di negeri Selangor kerana kecemerlangan dan ketamadunan sesebuah Negara bangsa bukan sahaja diukur dari segi pembangunan, kemakmuran dan kepesatan ekonomi sahaja tetap dilihat dari segi perkembangan aktiviti seni dan budaya. Sehubungan itu, Teater Shah Alam ini merupakan lambang kepada kemajuan dan ketamadunan Negeri Selangor iaitu Negeri yang termaju di Malaysia. Bangunan Teater Shah Alam ini juga dibina sebagai satu fasiliti yang lengkap bagi penggiat seni untuk mempersembahkan idea kreatif dan nilai-nilai seni dan budaya untuk dikongsi dan ditatap oleh komuniti. Selain daripada aktiviti seni dan budaya, Teater Shah Alam juga dibuka untuk aktiviti dan program yang mempunyai nilai-nilai komersial sejajar dengan prinsip *value for money*. Dengan hasrat ataupun keazaman Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri ini khususnya kota-kota Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai Kota Seni saya kira perancangan pada Tahun 2015 bersama-sama dengan EXCO yang memegang Portfolio Kebudayaan PADAT akan melihat yang mana penggunaan Teater Shah Alam ini dapat dirancangkan supaya perancangan itu secara optimum juga mendapat nilai yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya adakah satu Jawatankuasa Khas dibentuk maksudnya ada wakil daripada bidang seni Kebudayaan supaya mereka yang benar-benar ini profesional dalam bidang ini boleh bersama-sama membantu dan menguruskan Kerajaan Negeri mencadangkan untuk *tender out* (dengan izin) pengurusan Teater ini. Shah Alam ini akan dilakukan pada bulan Mac 2015 kerana pengurusan pada masa ini adalah di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam dan pun begitu di bawah PADAT bersama-sama dengan Portfolio Kebudayaan kita akan merancang untuk mengadakan satu jawatankuasa khususnya membuat perancangan bagaimana ianya akan bermanfaat seperti mana yang saya katakan tadi, kepada penggiat-penggiat seni dan juga budaya ini dan setakat ini kita belum ada perancangan sama ada kita akan *tender out* dengan izin pengurusan Teater Shah Alam ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya berkenaan dengan Teater Shah Alam ini kerana kita ingin mempergiatkan seni di Negeri Selangor dan dari konsep *value for money* yang saya nampak jawapan daripada EXCO, adakah Teater Shah Alam ini menepati *value for money*? Di mana berapa peruntukan yang digunakan untuk Teater Shah Alam ini ia dibina dan berapa peruntukan, kenapakah sampai hari ini tidak dapat digunakan? Minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Secara *detailnya* kos pembinaan itu tidak ada pada pagi ini, saya akan bagi kemudian. Cuma sebenarnya Teater Shah Alam ini juga menghadapi beberapa perkara yang tidak memenuhi ataupun tidak memuaskan hati seperti syarat-syarat pembinaan yang awal. Sebab itu ada beberapa perubahan atau ada penambahbaikan yang terpaksa dilakukan sebelum ia dapat digunakan dan itulah yang menyebabkan kelewatan dan berlaku penggunaan Teater Shah Alam ini dan *Insyah-Allah* saya kira pada masa ini ia boleh digunakan dan pada perancangan itulah bahawa kita melihat bagaimana kita nak benda dah ada, bagaimana kita nak optimumkan untuk sebagaimana yang dikatakan oleh Sekinchan tadi prinsip *value of money* itu dapat kita realisasikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Soalan 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SAMPAH HARAM

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah pelan jangka panjang bagi mengatasi masalah ini.
- b) Berapakah kerugian kerajaan dalam menguruskan sampah haram.
- c) Berapakah jumlah tapak pelupusan sampah haram yang telah dirampas serta kompaun sejak Pakatan Rakyat memerintah.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Jaya. Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan pelan tindakan

jangka panjang untuk tempoh 3 hingga 20 tahun dalam pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor. Antara tindakan yang akan diambil dalam pelan ini termasuk:-

- a. Kajian melalui Syarikat TA Research Sdn. Bhd. bagi menyediakan pelan pengurusan sisa pepejal bersepadu di Negeri Selangor yang akan menentukan kaedah pengurusan dan pelupusan yang efektif dan mengikut kajian kos untuk tempoh tertentu 10 hingga 20 tahun.
- b. Mengubah Enakmen Pemungutan Pembuangan dan Pelupusan Sisa Pepejal Negeri Selangor.
- c. Melaksanakan pembersihan awam secara *in-house* di PBT secara berperingkat mulai tahun 2015 dan dapat menyediakan SOP dokumen tender dan proses pelantikan kontraktor kutipan sampah di seluruh PBT.

Anggaran jumlah kos PBT bagi menguruskan sampah pukal dan haram pada tahun 2014 adalah sebanyak RM4,872,175.84. Sebanyak 10 rampasan tanah telah dilaksanakan dan 22 notis pemuliharaan tanah telah dikeluarkan melalui Pejabat Tanah Negeri Selangor sejak Pakatan Rakyat memerintah. Untuk makluman kebanyakan lokasi tapak pelupusan sampah haram ini dilakukan di tanah-tanah milik kerajaan seperti di ban, parit JPS atau di tepi-tepi jalan JKR. Jika sampah haram tersebut di dapati dibuang di tanah persendirian, Pejabat Tanah akan mengeluarkan Notis Pemuliharaan Tanah Seksyen 128 Kanun Tanah Negara kepada pemilik tanah supaya memulihkan atau membersihkan kawasan tapak tanah tersebut sebelum mengeluarkan Notis 8A KTN Rampasan Tanah. Jika tiada tindakan dilakukan barulah rampasan atau pelucutan tanah dilakukan oleh Pejabat Tanah di bawah Seksyen 130, Kanun Tanah Negara. Sekian.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Terlalu banyak soalan tambahan dari Rawang. Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, apakah tempoh bagi menangani tapak sampah haram ini dari mula sehingga selesai kerana saya dapati jika tidak ditangani dengan segera ia melibatkan kos yang sangat tinggi. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Taman Medan. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memang memandang serius tentang pembuangan sampah haram di Negeri Selangor. Itu sebab pentadbiran yang baru kita mengambil tindakan dengan segera untuk mengadakan satu program pembersihan di seluruh Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM31 juta untuk membantu PBT menyelesaikan masalah dengan segera. Dan apa yang saya kata tadi, adalah

beberapa rancangan yang telah dirancang untuk kita mengatasi masalah ini dengan lebih efektif.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMMED TALHA: Belum jawab soalan saya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Belum jawab Seri Kembangan.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMMED TALHA: Saya tanya tempoh yang ditetapkan untuk tangani isu sampah haram.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Kita untuk jangka masa, pelan untuk jangka masa pendek untuk 3 bulan ini adalah kita selesaikan masalah pembuangan sampah di Negeri Selangor dengan peruntukan yang saya kata tadi disalurkan kepada PBT.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Sampah haram ini bukan sahaja di kawasan-kawasan tertentu tetapi sampah haram ini ada juga di dalam kawasan-kawasan perumahan dan perbandaran. Apakah tindakan-tindakan untuk tahun depan akan diambil oleh PBT-PBT tentang sampah haram ini yang selalu sentiasa wujud di dalam kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya sebab ini akan melibatkan kos lebih kepada PBT untuk dibersihkan tetapi tanggungjawab kita dan pertanyaan dari penduduk ialah apa tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil oleh PBT atas sampah haram ini di kawasan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Kerajaan Negeri telah mengarah memberi arahan kepada semua PBT supaya mempertingkatkan rondaan di *hot spot - hot spot* pembuangan sampah yang haram supaya kita dapat menangkap siapa yang membuang sampah di tapak tersebut dan saya juga ingin menyeru kepada pihak JKR dan JPS supaya kita sama-sama kerjasama mengatasi masalah tersebut.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih Puan Speaker, Soalan tambahan saya seperti mana yang dilaporkan tadi, *Alhamdulillah* bagus cumanya apabila tindakan diambil, tindakan telah diambil, seperti sita tanah, lepas tu kita korek longkang supaya dia tak masuk, tapi seperti mana yang berlaku seperti di

Dusun Tua, saya kira Yang Berhormat sendiri turun, saya kira perkara itu terus berlaku, ada samseng jadi saya kira apakah tindakan kerajaan seterusnya sebab benda itu macam tak ada tindakan, pembuangan sampah terus berlaku di kawasan Dusun Tua.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Semalam saya masih ingat saya ada bagi *reply* kepada Dusun Tua dan itu tapak saya pernah membuat lawatan. Arahan telah diberi kepada MPKj dan kita akan kerjasama dengan pihak Polis untuk menutup tapak tersebut kerana memang ada samseng yang mengutip, kita kata *tipping fee* daripada kontraktor yang masuk ke tapak tersebut. Arahan telah kita bagi dan akan dilaksanakan dengan secepat mungkin.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, soalan no. 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PROFIL KEMISKINAN BANDAR

d) Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Berapakah jumlah cukai tertunggak bagi tahun 2008 hingga 2014 mengikut PBT?
- (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah cukai tertunggak?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Bismillahir rahmannir rahim.* Terima kasih. Jumlah cukai taksiran tertunggak meningkat dengan purata 100% setiap tahun. Tunggakan cukai taksiran 12 PBT negeri Selangor bagi tahun 2014 sehingga September adalah berjumlah RM271 juta. Berikut atau saya akan mengedarkan maklumat yang diminta iaitu cukai tertunggak bagi tahun 2008 hingga 2014 mengikut PBT. Walau bagaimanapun, saya akan membacakan jumlah tertunggak bagi setiap tahun.

Tahun 2008	-	RM349.72 juta
Tahun 2009	-	RM361.15 juta
Tahun 2010	-	RM360.57 juta
Tahun 2011	-	RM373.97 juta
Tahun 2012	-	RM372.39 juta

Tahun 2013 - RM378.21 juta

Dan setakat September 2014 adalah RM271.29 juta.

Tentang apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar kutipan cukai sebanyak 90% dan kutipan tunggakan cukai taksiran sebanyak 70% bagi semua PBT. Selain dari itu PBT komited dalam memastikan tunggakan cukai dapat dikutip dengan strategi yang pernah dilaksanakan seperti berikut.

- a. Menjalankan *personal approach* bagi syarikat, pemaju dan individu yang mempunyai tunggakan yang tinggi;
- b. Mewujudkan Jawatankuasa *Task Force* yang berfungsi memantau prestasi kutipan dan isu-isu tunggakan yang tinggi;
- c. Memberi kemudahan pembayaran secara ansuran bagi menggalakkan pembayaran cukai secara pembayaran tunggakan cukai;
- d. Mempelbagaikan saluran bayaran melalui perkhidmatan bank secara *on-line*;
- e. Menyediakan kaunter bergerak bagi mempermudah bayaran dengan lokasi yang strategik;
- f. Memperkasakan operasi sitaan secara berkala bagi individu atau syarikat yang tegar.

Terima kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak mintak sebagai, apakah kerajaan ataupun melalui PBT ni benar-benar serius mengambil tindakan termasuk penyitaan kepada pemaju-pemaju ni sebab dalam bentuk premis individu saya tengok di peringkat PBT cukup agresif, contohnya macam premis perumahan, kalau tak bayar terus hantar surat penyitaan. Jadi bagaimana tindakan yang sama boleh dibuat kepada pemegang-pemegang atau pemaju-pemaju ini? Sepatutnya perlu dibuat dengan lebih tegas, saya nak tanya apa tindakan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih. Bermakna bahawa seperti mana yang diumumkan atau yang saya katakan bahawa kita akan atau Kerajaan Negeri melalui PBT akan melakukan operasi penyitaan harta secara

berkala bagi individu atau syarikat yang tegar. Jadi ia tidak hanya terhad kepada individu tetapi syarikat-syarikat juga perlu dilakukan. Ini memang dilakukan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker, soalan no. 57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : TABUNG BENCANA ALAM SELANGOR

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan jumlah dana Tabung Bencana Alam Selangor bagi tahun 2008 – 2014.
- b) Senaraikan jumlah peruntukan bencana alam yang disalurkan mengikut pecahan daerah dan insiden bencana alam bagi tahun 2008 – 2014.
- c) Apakah jenis bencana alam yang boleh dituntut sagu hati di bawah Tabung Bencana Alam?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI: Terima kasih Rawang. Tuan Speaker, Rawang bertanya tentang Tabung Bencana Alam Selangor. Jumlah dana yang telah digunakan bagi Tabung Bencana Khas Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2014 berjumlah RM14,472,335.16 dan baki semasa adalah berjumlah RM5,589,935.65. Tabung Bencana Khas Negeri Selangor ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10(4)(B) melalui Resolusi Dewan Undangan Negeri. Pada tahun 2012, tabung ini dipinda di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Tabung Bencana ini dikhaskan untuk memberi bantuan kepada rakyat negeri Selangor seperti di dalam Kertas MMKN No.1/23/2004 yang mana jenis bencana yang boleh dituntut di bawah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor ini adalah:-

- a) Membantu kerja-kerja menyelamatkan dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya;
- b) Membiayai bantuan kewangan bagi meringankan beban mangsa bencana, waris-waris mangsa dan mereka yang secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dengan bencana berkenaan;
- c) Membiayai penyediaan makanan dan minuman kepada mangsa bencana kecuali mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan;

- d) Membiayai penyediaan makanan dan minuman petugas yang terlibat sepanjang bencana tersebut;
- e) Membuat *recruitment* setiap Tabung Bencana Daerah tertakluk kepada had siling atau amaun pusingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pentadbir serta;
- f) Lain-lain perbelanjaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah setelah berunding dengan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.

Terdapat satu lagi tabung bencana yang disebut Tabung Amanah Bencana Alam iaitu TABA ia diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011 pada 12 Julai 2011 di bawah Enakmen Nombor 9 tahun 2011. Ketetapan untuk penubuhannya ini telah dibuat di Dewan Negeri Selangor pada 4 Mei 2011 di bawah seksyen 10 (4)(b) Akta Tatacara Kewangan 2007. Peruntukan kewangan bagi Tabung tersebut adalah melalui suntikan modal Kerajaan Negeri yang berjumlah 50 juta, peruntukan akan disalurkan secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun bermula tahun 2011. Sehingga 31 Disember 2013 peruntukan terkumpul telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak 30 juta manakala baki sebanyak 20 juta lagi akan disalurkan secara berperingkat pada 2014 dan 2015. Kini baki akaun semasa adalah sebanyak RM41,511,081.77 penggunaan wang kumpulan ini tertakluk kepada seksyen 5 iaitu wang dalam kumpulan wang tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud kecuali bagi maksud yang diperuntukkan oleh Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011. Untuk B jumlah peruntukan bencana alam yang disalurkan mengikut daerah dan insiden bencana alam bagi tahun 2008 sehingga 2014. Daerah Klang sejumlah RM617,920,90, Gombak RM334,989, Sepang RM399,582.30, Sabak Bernam RM249,298, Hulu Selangor RM301,251, Hulu Langat RM575,935.56, Kuala Langat RM1,180,322, Petaling RM282,590. Tentang C.

TUAN SPEAKER: Panjang lagi ke Sementa, boleh salurkan melalui secara bertulis.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Ok, Lagi tentang C bencana alam dan kadar yang boleh dituntut di bawah Tabung bencana khas Negeri Selangor, insiden mangsa banjir, tanah runtuh dan ribut Negeri Selangor sebanyak RM500, untuk insiden mangsa kebakaran musnah sebahagian RM250, musnah keseluruhan sebanyak RM500 dan untuk waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia ialah adalah sebanyak RM1,000.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Ada tak sebab sekarang kita nampak insiden banjir kilat banyak, ada tak mangsa banjir kilat boleh juga termaktub dalam kategori yang boleh terima bantuan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Rawang, untuk mangsa banjir kilat sebenarnya tidak ada dalam kategori untuk pemberian sumbangan di bawah Tabung Bencana Khas ini.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Saya ingin nak tanya Y.B. EXCO adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan Tabung Bencana ini untuk membantu mangsa-mangsa MH370 dan MH17 kepada waris berasal dari Selangor terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Kinrara, buat masa ini kita belum lagi membuat apa-apa keputusan untuk memberikan bantuan terhadap mangsa MH370 dan MH17.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Adakah mereka boleh memohon?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Kita belum pasti lagi kategori yang boleh kita masukkan di bawah kategori yang bagaimana tetapi masih boleh untuk kita pertimbangkan untuk keluarga mangsa-mangsa tersebut.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker, Ijok ingin bertanya baru-baru ini banyak bencana alam yang merosakkan benda-benda persendirian seperti rumah, bumbung rumah, jadi Ijok ingin bertanya bantuan ini boleh tak diminta dari Tabung Bencana Negeri sebab kebanyakan permohonan disalurkan kepada ADUN-ADUN yang berkenaan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Ijok, untuk mangsa-mangsa yang mengalami bencana sama ada banjir, kebakaran atau sebagainya beberapa agensi di bawah Kerajaan Negeri adalah terlibat antaranya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Zakat serta Pejabat Daerah di bawah unit bencana. Jadi oleh soalan daripada Ijok adakah Kerajaan Negeri memberikan bantuan melalui Tabung Bencana ini ia boleh sebenarnya disalurkan melalui Pejabat Daerah.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Dengan izin, Tuan Speaker soalan saya nombor 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK: MASALAH JALAN-JALAN DI BAWAH KAWALAN JKR

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebanyakan jalan-jalan di Negeri Selangor di bawah kawalan JKR kini berada dalam keadaan yang teruk dan berlubang-lubang, contohnya Jalan Banting, Pandamaran. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperbaiki dan menurap jalan-jalan JKR tersebut?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker terima kasih kepada yang bertanya daripada Yang Berhormat Pandamaran berkenaan dengan permasalahan jalan-jalan di bawah kawal senggara JKR. Antara rancangan Kerajaan Negeri antara yang pertamanya akan melaksanakan senggara jalan-jalan negeri ini sebahagian besarnya secara kontrak berpusat mulai Mac 2015. Kalau sekarang ini kebanyakannya diuruskan oleh di peringkat daerah tetapi bermula mulai Mac 2015 nanti akan di senggara, akan melaksana kerja-kerja senggara jalan negeri ini secara kontrak berpusat di peringkat negeri. Dan yang keduanya penilaian kerosakan *pavement* jalan akan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor pakar mulai Januari 2015 bagi tujuan kerja-kerja pembaikan jalan. Pakar bermaksud mereka mempunyai peralatan yang cukup dan mempunyai ilmu dan juga pengalaman yang luas. Tugas kontraktor pakar ini selain daripada membuat nilai kerosakan akan menyenaraikan senarai-senarai keutamaan yang mana perlu dibaiki dahulu, yang mana yang dikemudiankan mengikut fakta-fakta dan asas-asas saintifik dan selepas daripada itu mereka akan syorkan bagaimana jenis rawatan yang perlu dibuat. Sebagai contoh kalau rosak teruk mungkin dibuat semula keseluruhannya kalau sederhana mungkin tar di atas dan ditutup semula kalau sedikit mungkin diturap semula. Dan yang ketiganya bagi jalan-jalan negeri yang disenggarakan tahun depan telah pun dikenal pasti dan akan mula sebaik sahaja melangkah tahun depan akan dimulakan senarai sudah sedia ada terima kasih.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Saya rasa masalah yang penting terutama berkenaan jalan-jalan di bawah JKR adalah peruntukan di mana saya rasa dengan peruntukan MARRIS kebanyakan jalan-jalan taman telah diturap semula tetapi kalau

berkenaan dengan jalan-jalan di bawah JKR jalan itu perlu diturap semula selalu perlukan peruntukan daripada KKR iaitu Kementerian Kerja Raya tetapi itulah sentiasa alasan yang diberikan tiada tindakan. Jadi saya rasa penduduk pun boleh beza kalau ini terlibat kerajaan persekutuan memang lambat tiada tindakan. Kalau negeri cepat, kalau dalam keadaan itu tetapi tidak dapat beza dia rasa semua jalan ini dalam kawalan Negeri Selangor. Dalam keadaan tersebut dari segi...

TUAN SPEAKER: Soalannya.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Ya apakah peruntukan untuk mengatasi masalah ini?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Jalan-jalan di bawah kawal selia JKR ada peringkat jalan-jalan negeri dan persekutuan, jalan negeri seperti mana disebut dan diperakui oleh Pandamaran tadi tidak ada mempunyai masalah. Peringkat persekutuan nanti akan dibawa dalam perbincangan.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nampak masalah yang sama dibangkitkan oleh Pandamaran tadi sebab jalan-jalan di kawasan yang katakan jalan-jalan *federal* ini selalunya kita masalah untuk menurap apa masalahnya tak cukup duit ke atau bajet dari pusat tidak sampai atau ada unsur sabotaj oleh JKR tentang jalan-jalan federal di dalam Negeri Selangor?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Sri Andalas, juga berkenaan itu saya akan mengambil maklum dan akan di bawa ke perbincangan nanti terima kasih.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: KELEWATAN BAYARAN MANFAAT BULANAN SKIM MES TUNAS

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah bayaran bulanan masih berlaku kelewatan sehingga 2 bulan?
- b) Adakah semakan semula kelulusan dibuat atas pemohon sama setiap bulan?
- c) Bebanan kepada pengusaha Tadika. Bolehkah bayaran secara 3 fasa setahun tanpa lewat sebelum tamat penggal sekolah?

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Meru, soalan nombor 59, kelewatan pembayaran untuk manfaat SKIM TUNAS berlaku untuk bulan September hingga November tahun ini. Ini kerana permohonan pembayaran yang dibuat adalah secara pukal untuk tiga bulan. Namun begitu pihak pentadbiran sedang mempercepatkan proses pengeluaran cek dan dijangka akan selesai sebelum akhir tahun. Semua permohonan yang telah diluluskan tidak lagi menjalani proses semakan semula kelulusan setiap bulan. Kelulusan hanya dibuat sekali sahaja bagi pemohon yang layak dan berjaya bermula pada bulan permohonan mereka diluluskan untuk satu-satu tahun. Bayaran akan dibuat setiap bulan sehingga bulan November tahun tersebut. Tentang cadangan 3 fasa setahun sebelum tamat penggal sekolah ini akan dipertimbangkan buat masa ini Kerajaan Negeri terikat dengan prosedur pembayaran yang hanya akan dibuat selepas suatu perkhidmatan dilaksanakan. Kami akan melihat cara penambahbaikan prosedur tersebut.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: JUALAN MINUMAN KERAS

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah prosedur permohonan lesen penjualan minuman keras di Selangor?
 - b) Berapakah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan dari 2008 hingga 2014?
 - c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekiranya peniaga tidak mematuhi syarat penjualan minuman keras?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Kota Damansara Tuan Speaker untuk permohonan baru bagi lesen minuman arak permohonan perlu mesti mendapatkan lesen perniagaan atau hiburan daripada PBT terlebih dahulu dan perlu mengiklankan surat khabar dan perlu mengikut *checklist* yang disediakan oleh pihak Pejabat Tanah. Selepas itu permohonan tersebut akan diproses dan dihantar Jabatan Teknikal seperti Jabatan Polis, pihak PBT dan Jabatan Kastam. Jabatan Teknikal akan membuat semakan terhadap permohonan tersebut seterusnya permohonan tersebut akan dibincang dalam mesyuarat pelesenan yang akan diadakan 4 kali tersebut. Manakala permohonan pembaharuan juga akan dihantar kepada Jabatan Teknikal dan akan dibincang dalam mesyuarat perlesenan selepas mesyuarat dan surat akan dihantar kepada pemohon sama ada lulus atau tidak. Setiap permohonan yang lengkap terdapat sebarang bantahan orang awam atau tidak juga akan diterima dikemukakan kepada pihak Kastam, PBT dan juga pihak Jabatan Kesihatan Daerah. Surat maklum balas permohonan tersebut akan diperolehi daripada pihak Kastam manakala Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Jabatan Kesihatan maklum balas terperinci Mesyuarat Lembaga Pelesenan diadakan iaitu pada bulan Jun setiap tahun. Pengerusi Lembaga Pelesenan akan meluluskan permohonan setelah mendapat sokongan, persetujuan dari semua pihak Ahli Lembaga Pelesenan dan pihak Polis dan lain. Surat kelulusan dari Pejabat Daerah dikeluarkan kepada pemohon untuk mendapatkan lesen, menjual minuman keras dengan kadar bayaran yang telah ditetapkan oleh Akta Eksais 1996. Jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan daripada 2008 hingga 2014 mengikut daerah bagi memberi jawapan lisan kepada Yang Berhormat kerana dia melibatkan banyak angka setiap tahun mengikut daerah. Pihak Berkuasa Tempatan akan mengadakan lawatan ke premis perniagaan minuman keras dari masa ke semasa bagi memerhati dan memantau keadaan di sekitar premis tersebut dan juga memastikan penjual-penjual mengikut syarat-syarat perniagaan sepanjang waktu perniagaan. Sekiranya terdapat sebarang aduan daripada orang awam Pejabat Daerah bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Kastam akan membuat lawatan ke premis tersebut. Pihak Kastam akan membuat rampasan dan kompaun terhadap peniaga yang tidak mengikut syarat perniagaan berdasar Akta Eksais 1976. Pihak Penguatkuasa tempatan juga bertindak untuk menyita premis serta merampas barangan ataupun produk perniagaan yang tidak memenuhi syarat-syarat perniagaan sekian.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan saya apakah keberkesanan pelaksanaan pemantauan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor terhadap setiap peniaga yang tidak mempunyai lesen penjualan minuman keras ini supaya pengawalan boleh dilakukan dan supaya masyarakat tidak pening dan mabuk melihat penjualan minuman keras ini dan yang tidak minumlah dan yang minum minuman keras ini dan mabuk dan hilang kawalan diri, terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HAN WAH: Terima kasih Y.B Kota Damansara. Kerajaan Negeri memang memandangkan serius tentang perniagaan yang mempunyai lesen minuman arak yang tidak bertanggungjawab dan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Pejabat-pejabat Daerah dan juga agensi-agensi yang berkaitan akan mengambil tindakan yang tegas terhadap peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab ini. Jadi kita juga menjemput maklum balas penduduk dan juga kalangan rakyat supaya sama-sama kita pantau tentang isu ini.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker soalan 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(SRI MUDA)**

**TAJUK : BANYAK TEMPAT TUMPUAN PELANCONG SERING DIABAIKAN
PENYENGGARAANNYA.**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan khusus bagi pembangunan pelancongan negeri dari 2008-2013 dan peruntukan yang dikhususkan untuk pembiayaan penyenggaraan?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Sri Muda. Puan Speaker. Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan khusus bagi tujuan membiayai penyelenggaraan kerana kerja-kerja ini diurus oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau agensi-agensi yang berkaitan tentang tapak-tapak pelancongan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan pembangunan bagi menaik taraf *product-product* pelancongan yang biasanya digunakan untuk menaik taraf kemudahan untuk kebaikan pelancong-pelancong.

Berikut adalah jumlah peruntukan pembangunan pelancongan negeri dari tahun 2008 sehingga tahun 2013. Pada tahun 2008 peruntukannya adalah RM500.000 sahaja. 2009 RM900,000. 2010 RM500,000. 2011 RM4 juta. 2012 RM2.5 juta. 2013 RM 2.5 juta dan 2014 juga RM2.5 juta. Jadi selama 7 tahun ini Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan RM13,400,000 khas untuk menaik taraf *product-product* pelancongan Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.31 pagi dengan ini saya menangguhkan sesesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

III. RANG UNDANG-UNDANG Enakmen Perbekalan (2015) 2014 (Perbahasan)

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 semua peringkat.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian sekarang saya mempersilakan Pihak Kerajaan untuk menggulung atau memberi apa-apa penjelasan di atas perkara yang dibangkitkan semasa sesi perbahasan. Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI: *Bismillahir rahmanir rahim.* Terima kasih Tuan Speaker, Menteri Besar, rakan-rakan EXCO, Ahli-ahli Dewan Negeri yang budiman. Beberapa pertanyaan dan perkara telah dibawa dan disinggung oleh Ahli Dewan sepanjang perbahasan dasar bagi perancangan fizikal perancangan negeri 2015 yang saya rasa untuk merangkumi pelbagai aspek kehidupan termasuk aspek-aspek *non material* dalam kehidupan dengan izin untuk memastikan pembangunan apa yang dipanggil oleh Y.A.B Menteri Besar sebagai *development state* atau negeri pembangunan itu merupakan satu pembangunan yang berkualiti dan memastikan rakyat tidak tertinggal dengan istilah rakyat dipedulikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian Wes Exander merupakan seorang penyair besar Indonesia dalam tulisannya yang bertajuk renungan dasar tentang kebudayaan. Seorang manusia dilahirkan dengan 2 daya. Daya yang pertama dipanggil dengan daya hidup dan yang kedua sebagai daya mati. Daya hidup adalah ikhtiar untuk meluaskan potensi diri, memperkembangkan bakat dan mempertajamkan pemikiran. Daya hidup juga adalah usaha manusia untuk meningkatkan kesejahteraan rohani dan jasmani. Manakala daya mati adalah sebarang usaha untuk perkembangan potensi dan juga penutupan akal fikiran.

Pembentangan pihak Kerajaan Negeri terhadap menggariskan apa-apa aspek perkembangan yang berkualiti itu saya turut mengembangkan dan cuba untuk memastikan masyarakat dan rakyat negeri Selangor kita berjaya menghidupkan apa yang dikatakan daya-daya hidup yang mampu mengembangkan kehidupan kita. Seperti yang dirangka dalam strategi yang kelima iaitu menjaga budaya dan *matu* telah memberikan komitmen untuk menyuburkan pembangunan kebudayaan negeri Selangor. Peranan budaya di mana-mana pun begitu mendesak untuk menghaluskan akal budi masyarakat supaya mereka tidak dicengkam oleh kegelojohan mengejar harta semata-mata atau terbelenggu dengan pemikiran kolot memberi kesan yang tidak baik terhadap kehidupan pelbagai agama dan bangsa.

Inilah yang disebut oleh tokoh pemikiran Islam Dr. Ismail Al-Faruki sebagai *equaminical* komuniti *par excellence*, iaitu sebuah komuniti kosmopolitan yang dapat menyerap nilai-nilai terbaik daripada pelbagai tradisi dalam hidup secara harmoni walaupun terdapat perbezaan pelbagai warna kulit dan agama.

Ini yang saya kira terangkum daripada hasrat dan juga cita-cita yang terkandung daripada perbelanjaan dan juga hasil perancangan fizikal Kerajaan Negeri dan kita tidak mahu apa yang telah ditonton sebahagian daripada ucapan sebelah sana yang bukan untuk menyerah ataupun menghargai perbezaan-perbezaan dan juga apa yang wujud dalam negara peliknya mewujudkan pelbagai perbandingan-perbandingan dan kehidupan yang sempit. Semalam bila Sg. Air Tawar bangkitkan tentang *I want touch a dog* menyentuh tentang akidah istilahnya pun saya rasa agak tidak tepat dan saya serahkan kepada EXCO yang berkenaanlah akidah dan mazhab Maliki. Adalah mazhab Maliki telah terkeluar daripada akidah tak kena pula. Jadi kalau hendak sebut perkataan tu tentu harus berhati-hati dan saya kira itulah yang terkandung daripada hasrat kelima memajukan penterjemahan, menggalakkan buku-buku dan juga kebudayaan dalam masyarakat kita.

Soalan yang dibangkitkan oleh Damansara Utama berkenaan dengan Kota Seni. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagi saya Kota Seni ini terhasil dan terjelma daripada pemikiran Y.A.B. Dato' Menteri Besar, pihak Kerajaan Negeri kerana kita ingin menggerakkan aset-aset dan juga menghidupkan apa yang terkandung daripada Kerajaan Negeri dan rakyat Negeri Selangor. Sebagai mana yang diungkapkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Negeri Selangor merupakan negeri yang merupakan perumahan yang terbesar seniman artis dan juga karyawan dalam Malaysia. Ramai karyawan seniman artis tinggal di Negeri Selangor dan kalau Negeri Selangor tidak menyediakan satu wahana dan wadah yang baik kepada mereka, mereka terpaksa bergerak ke tempat yang jauh dan akhir aset-aset yang dianggap bernilai ini tidak dapat digunakan dalam menggerakkan pemikiran kebudayaan mahupun ekonomi yang ada dalam negeri Selangor. Justeru bagi saya pemilihan Kota Seni ini terhasil pertama ada *political wheel* atau iltizam politik. Ini dibuktikan oleh sikap pentadbiran ini apabila kita telah menaikkan sebanyak 300% peruntukkan kebudayaan yang bermula RM500,000 tiap-tiap tahun dan *insya-Allah* ataupun jika diluluskan dalam belanjawan ini peruntukan untuk kebudayaan dan kesenian meningkat sehingga RM1.5 juta. Satu peningkatan yang mungkin mampu untuk menjana pengilhaman serta kewujudan apa yang disebut sebagai Kota Seni.

Yang keduanya Kota Seni II wujud kerana ada aset-aset kesenian yang sudah sedia ada yang di tempat-tempat yang dibangkitkan. Shah Alam sebagai contoh kita mempunyai teater Shah Alam. Walaupun masih lagi belum digunakan sepenuhnya.

Kita ada Laman Seni 2. Kita ada Laman Seni 7. Kita ada Laman Seni Shah Alam. Kita ada Muzium Negeri, Muzium Kesenian Islam, dan tidak ketinggalan Pejabat Padat di sana dan beberapa kemudahan Auditorium MBSA yang boleh digunakan untuk kegunaan-kegunaan masyarakat.

TUAN SPEAKER: Batu Caves, Kampung Tunku mohon beri penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Y.B Tuan Speaker. Tidak lama dahulu kita digemparkan dengan satu berita negatif iaitu status teater Shah Alam. Status teater Diraja, teater Shah Alam kita telah pun diambil atas berada di luar kawalan kita. Saya ingin bertanya kepada Y.B EXCO dan juga kerajaan apakah langkah-langkah yang kita boleh ambil dalam masa terdekat untuk memastikan teater Shah Alam ini digunakan sebaik mungkin dan sehingga ianya status Diraja ini dipulihkan dalam masa setahun atau dua? .

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHAFEI: Terima kasih Kg. Tunku atau pertanyaan beliau. Sudah pasti sebagaimana yang dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatan kuasa Adat Istiadat Melayu dan Warisan. Rakan saya dari Sijangking yang akan mengawal selia dengan kerja sama kita akan memastikan teater Shah Alam ni ada penggerak di kalangan aktivis-aktivis teater dan juga mereka yang memahami tentang pergerakan dunia teater. Justeru itu bagi saya kedua-dua aset seni harus juga punyai faktor sekretariat dan juga organisasi Kerajaan Negeri dan juga untuk gerakan aktivis kebudayaan dan juga kesenian. Hasil daripada kajian awal pihak Majlis Bandaraya Shah Alam sebagai contoh memang ada satu agensi atau satu badan dan agensi MBSA memerhatikan dan memastikan pergerakan aktiviti kesenian dan kebudayaan. Namun jumlahnya amatlah kecil seramai 3 orang. Saya kira untuk menggerakkan aktiviti kebudayaan, kita perlu satu sekretariat yang agak ampuh di peringkat negeri dan juga sekretariat-sekretariat peringkat kota-kota seni ini untuk memastikan aktiviti penyusunan dan penggalakan program kebudayaan kesenian dapat digerakkan dan dapat dimanfaatkan untuk masyarakat sekeliling.

Saya belum lagi pergi ke MBSA. Namun di Bandaraya Shah Alam kita ada asasnya dan saya kira boleh diperkukuhkan dan perhebatkan untuk memastikan matlamat Kota Seni dapat dilaksanakan dengan baik.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan. Nampak macam kita ada dasar tetapi tidak ada rancangan. Apakah dasar baru yang akan dilaksanakan. Apakah langkah-langkah baru yang Kerajaan Negeri akan buat untuk menjayakan Kota Seni yang dikatakan itu. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHAFEI: Saya belum bermula ke tahap itu. Nanti saya akan terangkan dan itu juga ada di Shah Alam. Saya ambil masa lebih sedikit Damansara Utama. Itulah yang ada di Shah Alam dan sebagainya. Oleh sebab itu asas-asas inilah yang telah menjadi Kerajaan Negeri menjadikan Kota ini Shah Alam dan Petaling Jaya sesuai dengan keadaan mereka untuk dipilih sebagai Kota Seni.

Yang ketiga, adanya institusi-institusi sokongan seperti Universiti Teknologi Mara yang mempunyai Fakulti *Science Art* ataupun Seni Halus dan juga Seni Persembahan. Malahan universiti milik Kerajaan Negeri Universiti Selangor UNISEL juga ada Fakulti Muzik yang diketuai oleh seorang profesor yang cukup terkemuka yang boleh membantu untuk menyokong aktiviti dan kegiatan tersebut.

Yang keempat adanya iltizam individu watak dan sokongan kumpulan-kumpulan tertentu yang sentiasa menggiatkan dan boleh untuk menyapa dan sahut hasrat Kerajaan Negeri untuk menggerakkan usaha tersebut.

Justeru itu untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan terus dari pihak Damansara Utama pihak Kerajaan Negeri dengan kenaikan dana dengan RM1.5 juta yang sedia ada kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang memang agak jauh. Sebab Negeri Selangor, walaupun RM1.5 juta itu agak tinggi tapi kalau kita bandingkan dengan Negeri Johor, Johor ada peruntukan lebih kurang RM22 juta untuk kebudayaan dan kesenian. Namun saya kira satu permulaan yang baik yang boleh digerakkan oleh pihak kerajaan untuk melaksanakan aktiviti kebudayaan dan perancangan-perancangan kita buat Kerajaan Negeri akan melaksanakan apa yang dipanggil geran kebudayaan dan kesenian. Geran kebudayaan dan kesenian ini secara tidak langsung akan memberikan ruang kepada penggerak-penggerak seni dan individu-individu yang dikenal pasti untuk melaksanakan program-program kesenian serta membentuk Kota Seni tersebut. Kita bukan sahaja mengisi persembahan-persembahan tetapi kandungan, infrastruktur, reka bentuk Kota Seni yang kita pilih itu juga harus melambangkan istilah dan kecantikan kebudayaan dan kesenian. Samada kesenian tempatan mahupun kesenian moden. Lebih-lebih lagi Selangor ini boleh dianggap negeri maju kita harus mencanai dan menggabungkan kedua-dua aspek tersebut untuk membangunkan tersebut.

Yang keduanya sesuai dengan beberapa aset sumber manusia yang kita ada. Saya kira negeri Selangor boleh menjadi satu lapangan yang baik untuk seni jalanan ataupun seni jalanan yang begitu berkembang sekarang. Bermula dengan graviti sampailah tarian ataupun teater tepi jalan yang boleh dikembangkan dan sebagainya pihak Kerajaan Negeri yang menyediakan tempat-tempat tersebut.

Yang ketiganya pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk melaksanakan program-program festival seni yang mungkin sampai ke peringkat antarabangsa apabila sampai ke tahapnya. Permulaan tersebut hujung tahun ini Kerajaan Negeri akan melaksanakan festival seni dan Kebudayaan Selangor sebagai permulaan kita dan harapan kita festival ini akan menjadi ke peringkat antarabangsa yang mungkin boleh untuk membantu pihak Kerajaan Negeri merealisasikan hasrat kita untuk menubuhkan Kota Seni. Tentang sokongan-sokongan lain kita akan pastikan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan berusaha dan memudahkan kegiatan-kegiatan kesenian tempat-tempat yang telah ditetapkan ataupun tempat-tempat yang telah digazetkan sebagai kawasan Kota Seni yang baik.

TUAN SPEAKER: Sila Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih. Yang Berhormat EXCO, saya minta agak lari sikit daripada perkara tetapi masih lagi dalam subjek

yang sama mengenai kebudayaan. Tak silap saya dulu, bukan tak silap saya yakin dulu pernah dibangkit beberapa kali oleh rakan-rakan kita daripada pihak kerajaan sendiri pun mengenai pembinaan Pusat Kebudayaan Cina. Jadi saya nak tahu apa status mengenai Pusat Kebudayaan Cina ini dan di peringkat negeri Selangor masa tu disebut banyak kali juga diminta untuk supaya dilaksanakan. Dan saya nak tanya sama ada Pusat Kebudayaan Cina ini akan diwujudkan berasingan atau juga dirangkum sekali dengan rancangan pembangunan kebudayaan sebagaimana Yang Berhormat sedang bentangkan sekarang ini? Itu saya nak tanya pertama apa status pembinaan Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor dan yang kedua apakah kalau tak dibina apakah akan di sekalikan atas dasar untuk mendapatkan kesepaduan dari segi perpaduan dan sebagainya. Pusat Kebudayaan Cina ini di sekalikan dengan kota seni yang sebagaimana yang dirancang oleh pihak EXCO yang berhormat.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Sebagaimana yang saya sebutkan, kebudayaan ini jangan kita hanya mengingati tentang *retro* dan perkara-perkara yang di luar warisan. Dan perancang pihak Kerajaan Negeri sebelum ini untuk membina Pusat Kebudayaan Cina, Melayu dan India di Kelang itu mungkin akan diteruskan juga sebagai sokongan terhadap Kota Seni Shah Alam. Namun saya kira sebagaimana yang kita hasratkan dan pernah saya ulangkan dalam dewan ini bahawa Negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang moden. Dan negeri Selangor sebuah negeri yang sebenarnya sepatutnya dan sewajarnya menterjemahkan aspek-aspek kebudayaan dan kesenian moden sebagai aset yang bernilai sesuai dengan kehadiran seniman dan artis dan juga pusat-pusat institusi pengajian yang sememangnya mengajarkan serta mendidik ataupun melahirkan tentang perkara-perkara yang disebutkan tadi untuk apa yang disebutkan oleh Permatang tadi, pihak Kerajaan Negeri dengan iltizam kita, kita akan teruskan. *Insyah-Allah*, saya sedang melihat kali terakhir yang saya dimaklumkan ialah berkenaan ia tentang proses pengambilalihan tanah dan proses tanah yang kita ingin laksanakan dan *insyah-Allah* pihak Jawatankuasa Kebudayaan bersama dengan Perbadanan Adat Istiadat Melayu dan Warisan akan memastikan perkara itu akan dapat dilaksanakan sesuai dengan janji yang kita telah ikrarkan. Itu tentang kebudayaan dan sebagainya. Perkara kedua yang dibangkitkan...

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang minta sila.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ya, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Satu perkara yang kita timbulkan juga ialah tentang teater kerana dia melambangkan tahap ketinggian budaya dan seni. Saya ingin minta penjelasan apakah pendirian dan sikap kerajaan dalam memajukan tokoh-tokoh tempatan seperti contohnya, Hishamuddin Rais yang sebelum ini menggerakkan satu teater yang bertajuk Tuanpu dan Bilik Sulit dan yang terbaru adalah Bilik Kabinet. Satu gambaran yang mendidik masyarakat tentang politik hak asasi seni budaya. Satu lagi yang dulu saya timbulkan adalah tentang tokoh tempatan. Contohnya seniman besar Sarigani dari kampung, dia besar sini kat Kampung Kelanggit yang terkenal

dengan 'Kajang Kami Kajang Berlipat, Kajang Pak Malau Kajang Berlipat, Kajang Kami Mengkuang Layu, Sri Mersing, yang terpaksa dirasmikan oleh Yang Duli Maha Mulia Sultan Pahang di istana budaya dan dia ingin memaparkan satu seni baru teater yang bertajuk Putera La Galigo yang menggambarkan pahlawan dan pejuang Raja Bugis yang amat sesuai untuk dirasmikan contohnya oleh Yang Duli Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang, soalnya?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalnya, apakah bantuan sokongan yang boleh diberikan oleh kerajaan dalam menjayakan teater tersebut. Dua soalan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, bila sebut tentang Tuanpu tu saya bergetar sikit sebab saya salah seorang pelakon Tuanpu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ya sudah pasti dengan kewujudan Kota ini kita akan meraikan semua golongan dan termasuk teater-teater ringkas ataupun teater-teater bentuk eksperimen seperti Tuanpu dan juga Bilik Sulit dan sebagainya yang bukanlah pementasan teater sebenar, sebaliknya boleh dianggap sebagai adaptasi propaganda ataupun boleh dianggap sebagai teater politik yang kecil dan sebagainya yang boleh kita raikan dan berikan ruang sebab saya yakin bahawa bidang kesenian dan kebudayaan ini mampu menjadi ejen perubahan dan juga ejen yang menggerakkan masyarakat secara keseluruhan. Keduanya, selain daripada saudara Sarigani kita ada ramai lagi penggiat seperti Disman. Disman ini merupakan seorang guru teater yang besar yang sebelum ini dihargai dan menjadi ramai anak-anak buahnya di peringkat nasional sekalipun. Saya dah berjumpa dengan mereka dan *insya-Allah* dengan kewujudan geran seni dan dengan kewujudan Pengarah Sekretariat yang kita akan wujudkan Kurator seni yang kita bangkitkan itu *insya-Allah* kita akan mampu untuk menggerakkan dengan kegiatan-kegiatan kita yang boleh menjangka, boleh dianggap cukup sibuk pada tahun hadapan *insya-Allah* dengan sedikit peruntukan yang kita ada. Terima kasih.

Yang keduanya berkenaan dengan keusahawanan, Kampung Tunku membangkitkan kenapa perlu wujud dua *Standco* ataupun dua Jawatankuasa Tetap yang melihat secara terperinci berkenaan dengan pembangunan usahawan. Perlu saya nyatakan di sini keusahawanan ini satu bidang yang sangat lebar dan luas. Kalau hasil perbincangan saya bersama dengan Yang Berhormat Sungai Pinang, keusahawanan ini terlibat daripada *protector chip* sampai ke *micro chip* daripada *banana chip* lah kalau ada kat Malaysia ni atau *tapioka chip* sampai ke *micro chip*. Dan kalau kita melihat kepada definisi yang telah diberikan oleh SME Corporation di Malaysia, takrifan tentang keusahawanan ini juga dipisahkan dan dibilahkan dengan cukup jelas. Misalnya untuk keusahawanan yang melibatkan pusingan modal dan perniagaan bernilai RM300 ribu, itu masih lagi dianggap sebagai perniagaan *micro*. Dan bila sudah RM300 ribu sampai RM5 juta ia sudah merangkumi aspek yang dianggap sebagai industri sederhana. Industri kecil dan sederhana meningkat

dengan lebih tinggi lagi. Justeru itu, bagi pihak Kerajaan Negeri kita ingin memastikan pembangunan usahawan ini menyeluruh. Justeru, bagi tugas dan tanggungjawab yang ingin saya laksanakan, kita akan memastikan pembangunan usahawan ini bermula daripada peringkat awal lagi yang mereka mahu sampailah kepada penjaja-penjaja hinggalah bila mereka telah berjaya bergerak dan mampu untuk membina pembangunan keusahawanan mereka itu serta perniagaan mereka itu ke tahap boleh hampir berlari dengan pantas, YB Sungai Pinang akan memastikan mereka dapat ditonjolkan ditunjukkan jalan hingga sampai ke peringkat antarabangsa mahupun di peringkat nasional ataupun peringkat antarabangsa dengan festival ekspo Kebudayaan, ekspo-ekspo perniagaan-perniagaan yang boleh menggabungkan mereka untuk bertarung di peringkat yang lebih besar. Jadi proses untuk *breeding* mengajar bertatih di bawah portfolio saya bila dah pandai berlari YB Sungai Pinang bawa mereka berlari sampai ke mana-mana. Seterusnya, jadi untuk maksud tersebut...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Batu Caves, Kampung Tunku sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Sebenarnya soalan ataupun masalah yang saya bangkitkan semasa perbahasan saya adalah jauh lebih rumit daripada apa yang saya bangkitkan. Saya terima jawapan daripada Yang Berhormat Exco iaitu kita ada satu kesinambungan daripada segi pemasaran antara peringkat-peringkat antarabangsa yang diuruskan oleh Yang Berhormat Sungai Pinang dan *breeding* yang diuruskan Yang Berhormat Batu Caves tapi sebenarnya mengikut pengalaman dan pemerhatian saya, keusahawanan ini sebenarnya juga diletakkan pada masa silam di bawah lebih daripada dua orang EXCO. Satu, kita ada mimbar oleh seorang EXCO yang lain, SkimSel oleh seorang EXCO yang lain dan ianya juga dilihat sebagai satu aspek yang melibatkan portfolio kebajikan ataupun *property investigation*. Jadi saya rasa, saya rasa sudah sampai masanya untuk kita rombak semula sekurang-kurangnya daripada segi permulaan ataupun dari segi *breeding*, pembentukan usahawan itu, kita perlu ada seorang sahaja EXCO yang menguruskan perkara ini dengan lebih fokus. Jadi, ini cadangan saya, apa pendapat Yang Berhormat EXCO?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Kampung Tunku di atas cadangan tersebut dan sudah pasti Kerajaan Negeri akan menilai dan ini memang cadangan-cadangan kita supaya agensi-agensi yang memberikan bantuan-bantuan awal kepada *micro* ini disatukan dan mampu untuk ada pemerhatian. Sebab itu, di tahun hadapan, daripada pihak EXCO Pembangunan Usahawan yang memulakan proses *breeding* dengan izin ataupun kelahiran usahawan ini, kita akan menggabungkan semua anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang sudah mempunyai program pembangunan usahawan untuk makluman pihak Ahli Dewan, setakat ini pihak Perbandaran Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), pihak KDEB melalui PERANGSANG ada dana yang meliputi lebih daripada 3 hingga 4 juta ringgit Malaysia di dua-dua agensi tersebut. Dikuti dengan pihak Unit Perancang Ekonomi

sendiri yang mempunyai lima ataupun enam program mereka yang telah termaktub dalam belanjawan ini juga mempunyai peruntukkan tahun hadapan bernilai tiga juta ringgit Malaysia. Justeru saya setuju, dan *Insyah-Allah* kita akan memastikan pelaksanaan mimbar dan SkimSel itu dapat dilaksanakan selaras dengan tanggungjawab. Dan tiga-tiga badan yang saya sebutkan tadi Unit Perancang Ekonomi, PKNS dan KDEB melalui PERANSANG dengan kerjasama Dewan-dewan Perniagaan dan masyarakat sekeliling termasuk agensi lain mimbar dan SKIMSEL ini, kita akan tubuhkan satu sekretariat pembangunan usahawan yang mampu untuk membangunkan serta melaksanakan pembangunan usahawan secara menyeluruh .

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Batu Caves panjang lagi ke? Ok. Silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya juga ingin mengingatkan sebenarnya bukan saja di bawah EXCO, dia melibatkan portfolio Kebajikan dan Wanita. Saya baru ingat sebenarnya, portfolio pertanian pun portfolio kerajaan prihatin pun ada elemen-elemen keusahawanan dan saya rasa sudah sampai masanya mengapa Kerajaan Negeri tidak menubuhkan satu sekurang-kurangnya satu *database* satu pangkalan data yang merangkumi semua maklumat permohonan ini di semua daerah supaya kita dapat menguasai dan mengetahui keadaan yang sebenar, keperluan yang sebenar di peringkat akar umbi.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih ya Kampung Tunku, Timbalan Speaker, saya ambil masa sedikit. Memang melalui industri asas tani pun dia ada elemen keusahawanan melalui *blueprint* dan kemiskinan ada juga keusahawanan. Tapi saya kira fokus dan penelitian terhadap bidang-bidang tersebut sangat perlu kita berikan perhatian. Sebagai contoh, (IAT) Industri Asas Tani, ada bidangnya dan ada kaitan mereka dengan bidang pertanian khususnya dan juga perladangan dan penternakan. Jadi justeru itu, saya kira pada ketika ini masih wajar untuk diletakkan di bawah badan tersebut dan kemiskinan juga saya kira dia ada fokus dan penumpuan terhadap elemen-elemen tersebut. Jadi namun begitu, kerjasama di antara jabatan, saya kira masih lagi boleh dilaksanakan dan atas cadangan tersebut saya akan cuba bangkitkan di peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri. Namun pada pandangan saya, setakat yang boleh saya gabungkan di peringkat tersebut atau pihak Kerajaan Negeri mengenai IAT dan juga kemiskinan itu ada juga fokus-fokus tertentu terutamanya masalah kemiskinan dia ada pusingan-pusingan kemiskinan dan ada isu-isu kemiskinan lain yang perlu ditangani termasuk bagaimana untuk membuka peluang dan juga mengalihkan pemikiran mereka supaya mereka lebih berdaya saing. Industri Asas Tani, penternakan dan perladangan, dia ada *business* dia yang tertentu yang boleh yang perlu kepada perhatian EXCO yang berkenaan. Justeru, saya anggap perkara itu masih lagi perlu dikekalkan daripada pihak tersebut. Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk melihat secara

menyeluruh dan sudah pasti kerjasama kita melalui Unit Perancang Ekonomi yang menjadi nadi kepada program Kerajaan Negeri dapat kita laksanakan. Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing ialah berkenaan dengan pemerkasaan *digital* ekonomi. Beliau membangkitkan tentang apa perlunya Kerajaan Negeri menubuhkan satu lagi platform *siber* ataupun platform maya untuk merancakkan industri *online* ataupun perniagaan secara atas talian yang begitu makmur pada ketika ini. Pada pandangan kami, pihak Kerajaan Negeri melihat bahawa ada kekangan-kekangan tertentu terhadap tapak-tapak yang sedia-ada, mudah.com, lelong, dan sebagainya terutama dari segi kawalan. Kawalan kita yang pertamanya ia dapat memastikan hanya usahawan-usahawan daripada Negeri Selangor sahaja dapat menggunakan sebaik mungkin dan mereka-mereka yang baru yang belum lagi dapat pengetahuan atau yang belum berpengetahuan untuk menyebarkan maklumat melalui laman-laman seperti mudah, pelemong dan sebagainya. Itu yang pertama. Yang keduanya, kebanyakan tapak-tapak yang sedia ada yang telah sedia ada di peringkat yang ada sekarang kebanyakannya hanya menjual barangan-barangan serta produk-produk yang telah mereka dapatkan telefon yang mereka dapat daripada China dibawa ke sini yang mereka dapat daripada luar *cleaner* dan sebagainya. Dan banyak alatan-alatan tersebut bukan dilahirkan sendiri. Sebaliknya, apa kekuatan yang ada kepada sebahagian besar keusahawanan kita adalah melahirkan produk-produk sendiri yang agak unik berbanding dengan tempat-tempat lain. Yang susah untuk diklasifikasikan. Justeru, pihak Kerajaan Negeri beranggapan ada keperluan lagi untuk kita menubuhkan satu tapak baru "usahawanselangor.com" yang meletakkan usahawan-usahawan kita yang baru terutamanya untuk mereka menjualkan dan mempamerkan barangan-barangan mereka untuk dijual di atas talian. Hanya satu kekangan pihak Kerajaan Negeri adalah untuk membuat tapak *gateway* dengan izin ataupun tapak permulaan untuk mereka-mereka, pembeli-pembeli membeli menggunakan kad-kad kredit ataupun kad debit mereka sebab ada kekangan undang-undang yang menggagalkan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan perkara tersebut.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Saya ingatkan Ahli Yang Berhormat sebelum mengemukakan soalan tambahan ini harus fokus kepada isu yang telah dibahaskan jangan buat isu baru sila.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya tidak faham kenapa kerajaan nak menceburi diri dalam bidang perniagaan. *Like how you have websites and that do a flatform dengan izin bukan senang bukan apa yang kerajaan boleh buat, adakah kerajaan akan out source this to other people or you're contract it out.* Saya tidak, so minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Batu Caves, jawab soalan ini dan terus gulung dengan ringkas.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Saya bahas itu lagi lama. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Damansara Utama. Pertamanya bagi pihak Kerajaan Negeri kita ingin menyediakan *facilities* atau pun kemudahan kepada rakyat dalam negeri kita. Salah satu bidang baru yang sedang berkembang adalah perniagaan atas *online* atau pun *e-commerce* ya, yang, yang saya kira perlu untuk dipekasakan dan dibantu. Kita bukan mahu terlibat, saya cakap tadi bahawa Kerajaan Negeri tak boleh untuk melibatkan diri dalam perniagaan tersebut, tapi kita menyediakan wahana dan kewangan ini dengan kerjasama seperti PKNS, KDEB kepada usahawan-usahawan muda ini supaya mereka dapat dibantu untuk perniagaan-perniagaan mereka selain daripada program-program latihan, keusahawanan kita yang mengajar tentang aspek pembangunan keusahawanan yang lain seperti perancangan perniagaan, pelan perniagaan yang telah berjalan selama ini di pihak Kerajaan Negeri. Jadi Kerajaan Negeri tidak terlibat, kita hanya menyediakan wahana tersebut dengan kerjasama dan sampai ke tahap tertentu mereka mampu untuk melaksanakannya secara sendiri, ya. Untuk program

TUAN SPEAKER: Ya, Damansara Utama

Y.B. TUAN YEO BEE YIN: Tetapi, okey yang menyediakan *platform* itu, *you need expertise, search engine optimisation of which I think the* kerajaan Selangor tidak ada dengan izin.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Untuk pengetahuan Damansara Utama pada ketika ini pun kita sudah ada laman web tersebut. Cuma ia perlu ditambah nilai sedikit sahaja untuk menyediakan ruangan tersebut. Jadi...

TUAN SPEAKER: Okey, boleh kita teruskan, tolong habiskan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Jadi, saya ingat ia bukanlah satu isu yang sangat besar tapi kita sediakan ruang tersebut berdasarkan permintaan ya. Saya buat sedikit kajian bila kita tanya apakah keperluan-keperluan usahawan *online*, banyak perkara-perkara yang digariskan dan salah satu daripadanya tapak baru supaya mereka boleh promosikan produk-produk yang mereka keluarkan yang kebanyakannya yang merupakan aspek-aspek unik dalam perniagaan mereka. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian aspek ketiga yang dibahaskan pertamanya daripada Sungai Panjang ialah berkenaan dengan pengisytiharan atau pun pengumuman Kerajaan Negeri untuk menubuhkan satu badan yang dipanggil sebagai Perbadanan Aset Sukan Negeri Selangor. Untuk makluman daripada kajian awal yang kita lihat ada beberapa buah negeri yang turut telah menubuhkan perbadanan sebagai mana yang saya sebutkan tadi. Antaranya ialah Negeri Melaka, Negeri Perak yang sedang dalam proses, Negeri Sarawak yang baru sahaja ditubuhkan sesuai dengan tujuan Sarawak menjadi tuan rumah Sukan SEA pada satu atau dua tahun yang akan datang dan tidak ketinggalan Perbadanan Stadium Nasional yang ditubuhkan

melalui akta. Justeru perbadanan tersebut perlu melalui proses enakmen melihat Kerajaan Negeri yang *insya-Allah* kita akan buat pada bulan tiga atau pun paling lewat bulan enam tahun hadapan. Tentang tugas dan tanggung jawab dua perkara atau pun dua aset yang, yang agak sinonim atau pun agak *similar*, agak, agak sama dilaksanakan di semua Perbadanan-perbadanan tersebut iaitu pertama stadium dan yang keduanya berkenaan dengan kolam renang. Kerana dua aset ini sebagai mana dengan pengalaman kita, bila kita letakkan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, kebanyakan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan agak keberatan untuk menanggung bebanan ini sebab kosnya yang agak tinggi dan mengikut pengalaman kita sebagaimana stadium Shah Alam, Kolam Renang akhirnya Pihak-pihak Berkuasa Tempatan terpaksa pula meminjam atau pun meminta peruntukkan daripada pihak Kerajaan Negeri. Justeru dengan kewujudan Perbadanan ini saya kira kita dapat memastikan semua stadium, ya, untuk maklumat Sungai Panjang stadium yang ada di Negeri Selangor ini cukup banyak, dan ini cabaran kita. Kalau berbanding dengan Melaka ia hanya ada di satu-satu kawasan kompaun Stadium Hang Jebat itu sahaja. Tapi kalau di Selangor kita ada stadium di Sabak Bernam sahaja ada dua stadium. Stadium Mini Sabak Bernam, Stadium Sungai Besar. Stadium Jugra di Kuala Langat. Stadium Kajang di Hulu Langat. Stadium Selayang di Gombak. Stadium di Kota Raja dan Stadium Shah Alam dan banyak lagi stadium. Stadium Kelana Jaya di Petaling yang saya kira perlu dilaksanakan dengan menyeluruh. Namun begitu pihak Kerajaan Negeri akan memastikan perbadanan ini betul-betul berdaya saing, mempunyai pegawai-pegawainya yang terlatih serta mampu untuk memastikan ya semua aset-aset ini dapat dilaksanakan termasuk stadium-stadium ya dan *alhamdulillah* Kerajaan Negeri mengumumkan peruntukan yang agak besar tahun ini bernilai lebih daripada 10 juta untuk baik pulih kemudahan di antara aspek, di antara stadium-stadium yang kita akan pulihkan ialah Stadium Hoki Pandamaran dan stadium Hoki Petaling Jaya untuk memastikan pembangunan hoki dan juga sukan hoki dalam negeri kita negeri Selangor ini dapat dipertingkatkan dan dibangunkan. Jadi, tak betul ya. Yang disebutkan oleh Menteri Besar ialah seperti Stadium Selayang, Stadium Shah Alam. Seperti ya. Tapi maknanya kita akan bangunkan, kita akan melihat secara keseluruhan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ini *last*, ya. Sila.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHD: Sukan, saya seorang aje? Bagaimana dengan padang-padang futsal. Adakah akan termasuk sekali dalam pengurusan perbadanan ini atau pun masih nak diletakkan kepada PBT yang berkaitan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Untuk maklumat pihak, Baru nak masuk. Tuan dah tanya. Okey, yang pertamanya juga berkenaan dengan kemudahan-kemudahan lain, *alhamdulillah* tahun-tahun sebelum ini semenjak daripada tahun 2009 sebenarnya kita telah memperuntukkan 800 ribu satu tahun untuk semua

kemudahan-kemudahan dan aset ini di baik pulih atau pun di naik taraf untuk memastikan program-program penyelenggaraan aset-aset sukan bukan sahaja gelanggang futsal malahan sepak takraw atau pun sukan-sukan rakyat yang lain dapat dijaga di kampung-kampung dan di taman-taman. Namun jumlah tersebut masih lagi terlalu kecil dan kita terpaksa menunggu satu *queue* atau pun barisan yang panjang untuk melaksanakan program-program pemulihan. Untuk tahun depan ini sebenarnya hasil inisiatif EXCO yang lepas iaitu Yang Berhormat Sijangking bahawa kita berjaya menaikkan peruntukan tersebut daripada 800 ribu satu tahun kepada lebih 1 juta satu tahun dengan peruntukan 20 ribu satu DUN ya, untuk memastikan pihak Dewan Undangan Negeri menggariskan mana kawasan-kawasan yang perlu di baik pulih secara kritikal bagi memastikan pembangunan-pembangunan sukan di peringkat akar umbi ini dan juga aktiviti riadah khususnya di kalangan anak-anak muda dan juga aktivis sukan di peringkat akar umbi dapat berjalan dengan baik. Jadi, *insya-Allah* Sungai Panjang kita akan laksanakan secara berperingkat sebagaimana yang digariskan dalam, dalam peraturan kewangan kerajaan. Yang keduanya, saya kira Sabak dan juga Sekinchan ada bangkitkan tentang OKU atau pun sukan Orang Kurang Upaya. Maklumat sekarang sukan Paralimpik ini banyak digerakkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Namun pihak Majlis Sukan Negeri sebagai contoh turut membantu apabila pihak kontinjen Kerajaan Negeri, kontinjen Selangor dalam sukan Paralimpik ini, dalam rekod-rekod kita untuk masuk sukan Paralimpik atau *Paralympic* di peringkat antarabangsa atau pun di peringkat negeri Selangor. Dan mengenai kemudahan-kemudahan sukan juga, sememangnya telah ditegaskan dan telah diperuntukkan bahawa setiap kemudahan sukan yang ada di dalam negeri Selangor harus mesra kepada OKU. Pertama dari segi ruangan mereka untuk menggunakan *ramp* dan sebagainya harus mesra dan boleh digunakan turut bersama oleh pihak orang kelainan atau pun orang kurang upaya bagi mengurangkan masalah tersebut. Akhirnya Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya. Minta *landing, landing*

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: *Landing time.* Akhirnya Tuan Speaker berkenaan dengan pembangunan generasi muda *alhamdulillah* pihak Kerajaan Negeri telah mampu untuk menyiapkan satu dasar yang dipanggil sebagai dasar pembangunan belia dan sesuai dengan pertukaran nama *standco* kita akan namakan dia sebagai dasar pembangunan generasi muda negeri Selangor yang telah mengembangkan beberapa asas pembangunan generasi muda dan untuk makluman kita adalah negeri pertama di Malaysia yang telah memuktamadkan dasar pembangunan belia kita sendiri dengan menggariskan 10 bidang dan salah satu bidang sebagai mana yang pernah disebutkan oleh Sekinchan dan sebagainya iaitu 10 bidang tersebut dan salah satu sasaran kepada belia kita adalah kita ingin memastikan belia minoriti, belia minoriti ini di kalangan orang asal, orang kurang upaya dan gelandangan ini dapat diperhatikan dan dapat dilaksanakan melalui program-program pembangunan kita. Malahan beberapa penggerak belia tempatan

kita juga di kalangan orang kurang upaya. Di antaranya saudara Amirudin Arif, ya. PeBT daripada kawasan Kota Raja yang, yang juga menjadi PeBT untuk beberapa tahun dan baru-baru ini seorang pengerusi induk di Sabak Bernam juga di kalangan mereka daripada orang kurang upaya, dan sebab itu saya kira apa yang telah kita laksanakan ini selaras dengan hasrat kita kerana gulungan belia di bawah 40 tahun di negeri Selangor ini adalah meliputi hampir 50% daripada populasi dalam negara kita, negeri kita 47.96 merupakan belia-belua orang di bawah 40 tahun yang kebanyakannya 1.4 juta adalah lelaki, 1.3 juta adalah wanita. Jadi untuk EXCO Wanita ini hendak beritahu wanita kurang sikit berbanding lelaki berbanding belia. Ah, jadi, *insya-Allah* apa yang kita laksanakan melalui program-program pembangunan belia termasuk insentif perkahwinan itu dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur. Terima kasih, Speaker.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat Batu Caves, saya persilakan Yang Berhormat Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor rakan-rakan EXCO, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berterima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam sesi perbincangan Belanjawan 2015 dan menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan portfolio yang diamanahkan kepada saya. Di bawah portfolio kebajikan yang mana program Hijrah, iaitu yang melibatkan Mimbar dan SkimSel adalah berada di bawah program ini. Maka, Yang Berhormat Sungai Burung selaku ketua pembangkang dalam sesi perbincangan telah menyentuh mengenai topik ini. Ia juga disentuh oleh Yang Berhormat daripada Damansara Utama, Selat Kelang, Morib, Batu Tiga juga Kota Anggerik. Ingin menjelaskan di sini bahawa satu kajian keberkesanan program SkimSel dan Mimbar telah pun dijalankan Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor Perbadanan telah melantik satu syarikat konsultan pada penghujung 2011 bagi menjalankan kajian keberkesanan program Mimbar dan SkimSel. Kedua-dua program ini antara lain bertujuan untuk mengeluarkan rakyat Selangor daripada paras garis kemiskinan iaitu peserta memperoleh pendapatan melebihi RM 1,500 ke atas. Pembiayaan mikro kredit melalui Mimbar fokus kepada peserta miskin di bandar manakala SkimSel pula fokus kepada peserta miskin di luar bandar. Secara ringkasnya pencapaian SkimSel dan Mimbar dapat dirumuskan melalui lima indikator.

Yang pertama bilangan cawangan dan bilangan peserta SkimSel. Bermula pada penubuhan SkimSel pada 8 Julai 2011 sehingga kini SkimSel telah mempunyai sembilan buah cawangan di sembilan buah daerah di seluruh negeri Selangor. Dalam jangka masa tersebut SkimSel telah berjaya menjangkau golongan miskin dan berpendapatan rendah seramai 10,827 orang. Manakala Mimbar pula yang beroperasi di lima daerah iaitu Gombak, Hulu Langat, Kelang, Petaling Jaya dan Sepang iaitu kawasan-kawasan bandar sejak penubuhannya pada Februari 2011 sehingga Oktober 2014 Mimbar telah berjaya menyantuni seramai 5,038 peserta

dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM 10,495,978.00. Angka ini jelas menunjukkan bahawa SkimSel dan Mimbar telah berjaya memberi kepercayaan kepada golongan miskin untuk menyertai dan seterusnya mendapatkan manfaat untuk mengubah kehidupan mereka. Kedua jumlah ringgit pengeluaran perbelanjaan daripada sejumlah dana yang diterima oleh SkimSel daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM 25,931,000.68 telah disalurkan kepada semua peserta sadik. Dana ini telah digunakan dengan sebaik-baiknya oleh Skim Mikro Kredit Selangor ini atau pun SkimSel sehingga berjaya membuat lebih tiga kali pusingan ganti dana atau pun *rolling capital* dengan izin.

Sehingga bulan Oktober 2014 SkimSel telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM 89,032,750.00. MIMBAR pula dengan konsep keuntungan sifar sepenuhnya iaitu tanpa caj perkhidmatan daripada sejumlah dana sebanyak RM 15,931,656.58 telah berjaya memberi pembiayaan sebanyak RM 10,200,978.00.

Kutipan bayaran balik sehingga Oktober 2014 SkimSel telah berjaya membuat kutipan bayaran balik sebanyak RM 65,369,366.60. Manakala Mimbar pula berjaya membuat kutipan balik sebanyak RM 5,859,740.00.

Peratus bayaran balik untuk MIMBAR adalah mengikut tahun:

2011	56.5%
2012	58.28%
2013	26.39%
2014	99.54%

Keseluruhan peratus pembayaran balik, pembiayaan MIMBAR adalah sebanyak 57.6%. Langkah-langkah penambahbaikan untuk memastikan peratus pembayaran balik Mimbar supaya melebihi 90% sedang dan telah pun dilaksanakan.

Kelima status projek peserta berdasarkan analisa yang telah dilaksanakan pada 2013 hingga 2014 skim sel telah berjaya melahirkan peserta berstatus cemerlang iaitu berpendapatan RM5,000 dan ke atas. Pada 2013 mereka yang berjaya adalah sejumlah 328 orang dan pada 2014 sejumlah 211 orang. Peserta berstatus berjaya iaitu berpendapatan RM1,000 sehingga RM5,000. Pada tahun 2013 sejumlah 3,922 orang atau pun 63% dan pada 2014 sejumlah 4,618 orang atau pun 70%. Bagi peserta status bertahan iaitu berpendapatan kurang daripada RM1,000 pada tahun 2013 status bertahan adalah seramai 1,318 atau pun 21% manakala 2014 seramai 1,170 orang atau pun 18%. Sementara peserta berstatus gagal iaitu tidak tiada lebihan pendapatan pada 2013 peserta yang berstatus gagal adalah seramai 666 orang manakala 2014 peserta seramai 645 orang 10%. Langkah-langkah yang akan

diambil oleh skim sel dan mimbar bagi menjamin keberkesanan peruntukan yang akan diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam tempoh satu tahun menjelang akhir 2015 skim sel mensasarkan peningkatan bilangan penyertaan peserta dari 10,000 kepada 12,000 orang iaitu peningkatan 2,000 orang peserta setahun. Mimbar pula mensasarkan peningkatan peserta kepada 8,000 orang berbanding 5,000 orang sekarang. SkimSel dan mimbar akan bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan untuk mendapatkan batuan latihan Bengkel Usahawan mempromosikan produk-produk yang telah dihasilkan peluang-peluang menyertai Karnival projek-projek peningkatan kualiti produk dan pembungkusan dan lain-lain yang akan diselaraskan bersama EXCO Pembangunan Usahawan. Isu Kesihatan

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan

TIMBALAN SPEAKER: Ya, silakan Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Siapakah yang menentukan status peserta-peserta *for* SkimSel. Siapa cemerlang, gagal apakah KPInya yang menentukan?

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Status untuk memperlihatkan bahawa status cemerlang itu.

TIMBALAN SPEAKER: Damansara tadi itu.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama, tentang pencapaian status cemerlang ini adalah melalui pendapatan mereka yang mana mereka bermula dengan RM1,500 pendapatan kepada RM5,000 dan ke atas untuk cemerlang.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tetapi

TIMBALAN SPEAKER: Damansara Utama dia belum habis lagi. Bagi jawab dulu.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Itu yang telah saya sebutkan tadi bahawa status-status ini adalah melalui pencapaian pendapatan mereka.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalannya ialah sebab yang ini adalah kajian keberkesanan SkimSel. So apa yang kita kena kaji ialah peningkatan pendapatan. Kalau skim sel itu *anyway he can achieve that* pendapatan *with or without despite of* skim sel. So apakah kajian, saya nak tahu penentu untuk *the difference between before and after* SkimSel.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama, seperti yang kita sebut tadi bahawa peserta skim sel dan mimbar ini kita terima dalam dan dengan pendapatan mereka adalah RM1,500 ke RM3,000. Apabila mereka menyertai skim sel atau mimbar ini pendapatan mereka akan bertambah kepada lebih daripada pendapatan yang sedia ada. Jadi untuk mengukur kecemerlangan status cemerlang tadi kita sebut adalah berpendapatan RM5,000 ke atas apabila mereka telah berjaya. Dan untuk status berjaya sahaja yang telah pun berpendapatan RM1,000 ke RM5,000. Itu status pencapaian mereka.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Batu Tiga sila.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Ada sedikit saya ingin tanya kepada Sementa EXCO ya. Ia berkaitan dengan program ini di bawah hijrah sebenarnya maknanya Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah pun umumkan bahawa program hijrah ini adalah untuk memastikan bahawa mereka yang berpendapatan RM1,500 ke bawah itu dapat dilonjakkan dapat di hijrahkan pendapatannya. Kalau SkimSel memberikan pendekatan hanya di kalangan lingkungan RM1,500 ke RM3,000. Mereka ini telah pun mengenal pasti tahap kemiskinan yang ada. Jadi soalan saya apakah signifikannya jumlah atau pun *amount* yang dinyatakan itu dengan program hijrah ini sebab nampak tidak ada keselarasan di situ. Jadi sebenarnya apakah tumpuan kepada program hijrah ini dan fokus siapakah yang sepatutnya yang boleh dapat sebagai peserta SkimSel ini atau pun MIMBAR. Ia mesti dalam satu skim ukur yang tertentu, kalau RM3,000 ke bawah maksudnya macam ianya tidak menepati apa yang telah Menteri Besar sebutkan, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih, Batu Tiga. Untuk mengukur peserta mimbar atau pun skim sel ini yang mana mereka ini yang pada awalnya kita sebut mereka berpendapatan RM1,500. Kalau yang RM1,500 ke bawah mereka boleh mendapatkan bantuan daripada pihak dari Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan program atau pun bantuan tetapi untuk mimbar ini adalah RM1,500 dan ke atas supaya mereka dapat lebih berjaya lagi apabila mereka bersama didalam SkimSel dan mimbar ini.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya kurang faham sebabnya kalau-kalau itulah tanda aras yang diletakkan maknanya mereka yang layak hanya RM1,500 ke atas hingga RM3,000, maknanya program yang dinyatakan program hijrah ini tidak memfokuskan kepada mereka yang benar-benar perlukan bantuan bermula daripada Kebajikan. Maknanya

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. berhenti, itu ulasan. Jawapan telah diberikan oleh Sementa tadi.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Ok, saya bertanya di sini sebab tanda aras ini penting. Ini adalah program dasarnya, jadi apakah dasar, MIMBAR, SkimSel

tidak melayakkan mereka yang berpendapatan RM1,500 ke bawah untuk memohon. Itu soalan saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B. Sementa menjawab dan terus kepada penggulungan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Sebenarnya itu adalah dasar yang telah pun ditetapkan sebelum ini jadi untuk menetapkan dasar baru mungkin

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tak betul saya harapkan di betulkan. Tidak ada dasar yang meletakkan RM1,500 ke bawah itu tidak layak. Minta maaf.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok, ok Sementa kena mengambil perhatian.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Kita ambil perhatian tentang perkara itu. Seterusnya saya ingin pergi ke isu kesihatan. Kajang dan Ijok banyak menyentuh tentang isu kesihatan, saya mengucapkan terima kasih kepada Kajang dan Ijok dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada rakyat Selangor kerana di dalam Dewan Yang Mulia Ini kita memilih 7 orang Doktor sebagai menghormati Ahli Dewan Negeri Dewan Yang Mulia Ini. Kita ada Kajang, Selat Kelang, Meru, Sijangkang, Ijok, Andalas dan Sementa.

Tuan Speaker, saya mengalu-alukan cadangan daripada Kajang supaya diadakan satu program pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada rakyat miskin yang tidak mampu sama ada di bandar atau pun di luar bandar. Sebenarnya program pemeriksaan percuma pada rakyat miskin ini telah mulakan di bawah *Standco* Kesihatan yang kita namakan sebagai program Mesra Rakyat Selangor yang kita juga telah laksanakan di beberapa DUN. Selain daripada itu program kesihatan di bawah Program Kesihatan kita telah pun melaksanakan program sihat Selangor iaitu program kempen berjalan 10,000 langkah di 7 PBT di seluruh Selangor dan akan kita teruskan pada seluruh 12 PBT di seluruh Selangor. Jadi kempen-kempen kesihatan dan juga program-program pemeriksaan kesihatan yang lain-lain lagi kita akan terus laksanakan demi kesejahteraan rakyat Selangor. Ijok juga mencadangkan agar program menyantunikan yang sakit kronik dan terlantar di rumah yang kebanyakannya adalah miskin dan berusia yang memerlukan perkhidmatan rawatan di rumah. Jadi ini adalah di antara juga rancangan di bawah Portfolio Kesihatan untuk melaksanakan program yang kita namakan ziarah *medics* seperti yang disebutkan oleh Kajang semalam yang mana program ziarah *medics* ini *insya-Allah* kita akan laksanakan pada 2015 yang akan datang dengan penyertaan daripada Pejabat-pejabat ADUN bersama dengan PEKAWANIS iaitu Isteri-isteri ADUN, juga sukarelawan di DUN tersebut dan juga badan-badan NGO di kawasan masing-masing. Jadi ini adalah antara perancangan di bawah portfolio Kesihatan pada 2015 yang akan datang.

TUAN TIMBALAN SPEKAER: Y.B. Sementa, Kota Anggerik minta laluan. Sila Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Minta pandangan Y.B. ECXO terdapat ramai pesakit kronik yang tidak mampu untuk menjalani *operation cataract*, apa ini jantung yang datang ke Pejabat ADUN. Apakah program kesihatan kerajaan untuk membantu mereka dan kos rawatan adalah tinggi sampai RM40,000, RM30,000 apakah Kerajaan Negeri boleh bantu mereka dan mereka terlalu miskin.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik bukan Doktor ya. Y.B. Sementa lampu dah merah itu. Tolong ringkaskan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih ah.. Y.B. Doktor dari Kota Anggerik, Kota Anggerik. Apa yang disebutkan oleh Kota Anggerik di bawah portfolio Kesihatan kita juga ada program bantuan kesihatan untuk rakyat Selangor yang mana ianya adalah meliputi bantuan untuk rawatan-rawatan seperti pindahan katarak mata, rawatan-rawatan pembedahan kecil, kaki palsu dan juga dialisis. Yang mana ianya adalah berjumlah di bawah RM5,000 yang kita boleh luluskan. Jadi ADUN-ADUN boleh sekiranya ada permohonan-permohonan daripada rakyat boleh meminta kepada para pesakit ini mengisi borang tersebut yang mana ianya ada telah hanya untuk rawatan di hospital kerajaan yang kita akan luluskan. Saya ingin menyentuh tentang denggi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku dah suntuk masa untuk Sementa menjawab.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak apa, saya minta sama ada mungkin kalau boleh Kerajaan kekalkan statistik bukan sekarang tentang *the tick up rate* atau pun kadar kelulusan yang telah diberi 10 minit tentang peruntukan yang telah dinyatakan oleh Y.B. tadi. Saya sebenarnya bertanya kerana saya perasan keberkesanan peruntukan ini tidak berkesan tetapi sebelum saya *reach* sampai ke *conclusion* itu saya berharap supaya itu boleh dikekalkan mungkin Ahli Dewan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Sementa tak boleh jawab soalan itu, ambil perhatian sahaja. Teruskan, teruskan ringkaskan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok, terima kasih, Ok seterusnya saya ingin menyentuhnya tentang isu denggi yang hangat diperkatakan semalam yang mana ia disentuh oleh Sungai Burong, Andalas, Kajang dan Selat Klang. Kita sedia maklum kes denggi di Selangor adalah yang tertinggi iaitu dengan 44,957 kes serta 66 kematian dan 92 *locality hotspot*. Daerah Petaling adalah yang tertinggi diikuti oleh Hulu Langat, Klang dan Gombak dan keempat-empat daerah ini menyumbang 80% kes denggi di Selangor dan kalau kita lihat bahawa keempat-empat daerah ini

ialah kawasan-kawasan bandar dan kawasan-kawasan pinggir bandar yang mana kawasan-kawasan inilah terdapat padat penduduk dan juga pangsapuri serta flat-flat kos rendah. Jadi saya bersetuju kepada Kajang tentang masalah denggi ini adalah masalah sikap. Masalah sikap manusia, masalah sikap yang tidak mementingkan kebersihan persekitaran, amalan buruk membuang sampah dan tidak prihatin tentang kebersihan. Jadi seharusnya perlu anjakan kepada masyarakat dalam mencegah dan pendidikan berbanding merawat atau pun kawalan. Jadi masalah denggi ini kita perlukan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat dan pada 3 November yang lepas, Kerajaan Negeri telah pun melancarkan Pelan Tindakan Hapus Denggi Selangor Bebas Denggi, dengan program gotong-royong mega, Terjah dan Musnah Aedes. Yang mana pada hari tersebut, iaitu 16 hari bulan tersebut, yang mana telah disebut Y.A.B. Dato' Menteri Besar juga turun padang, turun longkang, untuk bersama-sama terjah dan musnah, mencari tempat-tempat pembiakan aedes ini. Dan sejumlah, pada hari tersebut, sejumlah 138 gotong-royong, terjah dan musnah aedes, telah dilaksanakan di seluruh negeri Selangor. Saya ucapkan tahniah kepada semua yang telah pun bersama turun melaksanakan program terjah dan musnah aedes ini. Dan pada minggu lepas sejumlah 90 gotong-royong dilaksanakan lagi. Dan bermakna sejumlah 228 gotong-royong telah dijayakan sehingga kini yang merangkumi pangsapuri, kawasan *hotspot*, perumahan dan kampung-kampung.

Untuk aktiviti pendidikan, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan program-program, program-program aktiviti pendidikan, kempen kesedaran, pencegahan denggi di sekolah-sekolah, di seluruh negeri Selangor termasuk Sekolah Pra ataupun Tadika, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Sekolah Kebangsaan Cina, Sekolah Tamil, Sekolah Rendah Agama, Institusi Pengajian Tinggi dan Swasta, telah pun kita laksanakan. Juga beberapa PBT telah melaksanakan pendidikan kepada warga asing, dengan bahasa warga asing, juga pamflet-pamflet dalam pelbagai bahasa. Bahasa Vietnam, bahasa Bangladesh dan juga bahasa Myanmar telah pun dicetak untuk diedarkan kepada warga-warga asing ini untuk memberikan kesedaran kepada mereka, agar mereka menjaga kebersihan dan lebih pendidikan terhadap denggi ini. Sehingga 21 November, sejumlah 1648 taklimat denggi telah diberikan kepada 105,49 orang murid sekolah di seluruh PBT di seluruh negeri Selangor. Jadi bermakna negeri Selangor, kita sentiasa melaksanakan program-program pengawalan denggi ini melalui dengan kerjasama PBT, Pihak Berkuasa Tempatan, dan juga JKNS, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tambahan sikit.

TUAN SPEAKER: Ya, persilakan Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya ingin bertanya tentang apakah ada satu dasar yang lebih kukuh untuk kita menyelesaikan masalah-masalah denggi ini, sebab saya nampak besar daripada masalah denggi ini, walaupun EXCO telah

nyatakan ialah masalah sikap. Jadi saya ingin tanya kepada EXCO, apakah ada dasar yang lebih mantap di sudut penguatkuasaan. Ya, tiga perkara penguatkuasaan, sama ada rumah kediaman, ataupun kawasan pembinaan atau kilang-kilang. Kepada penghuni-penghuni ataupun pemaju-pemaju ini. Mesti ada satu dasar yang saya yakin selain daripada advokasi dan juga yang lain, mesti ada satu dasar yang mantap, yang perlu kita buat. Apakah EXCO memikirkan pembaharuan ataupun penambahbaikan penguatkuasaan yang sedia ada, kerana ini lebih impaknya kepada, mereka sedar bahawa denggi ini adalah tanggungjawab bersama. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Pelaksanaannya dasar-dasar itu kita telah pun rangkumkan di dalam Pelan Tindakan Denggi 2014, yang telah pun kita lancarkan pada 3 November yang lepas. Jadi mungkin boleh dirujuk terhadap Pelan Tindakan yang telah pun kita edarkan pada hari tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sementa tolong gulung terakhir, ayat terakhir.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Okey, saya ingin menyentuh ada lagi perkara yang untuk wanita iaitu PWB. Pusat Wanita Berdaya. Yang mana Pusat Wanita Berdaya, semalam, adalah antara juga topik yang hangat dibincangkan. Saya berterima kasih kepada Selat Klang, Meru, Batu Tiga, Morib dan Teratai. Pusat Wanita Berdaya adalah pusat aktiviti wanita yang utama untuk membentuk sebuah komuniti wanita yang berdaya dalam pelbagai bidang dan mempunyai jati diri yang tinggi. Misinya adalah untuk membina dan mengembangkan hubung jalin di kalangan wanita dalam komuniti, mensenergi tindakan dan membina jati diri wanita. Pusat Wanita Berdaya adalah antara wadah untuk memberdayakan ekonomi hawa. Bagi mengelakkan kekeliruan status PWB ini, ingin saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa pada Jun 2012 sehingga Mac 2013, elaun penyelia PWB di bayar melalui Peruntukan Geran Selangorku yang tamat pada Mac 2013, kerana berlakunya pembubaran DUN Selangor. Dan mulai Mac 2013 sehingga kini status penyelia PWB adalah belum ada kejelasan lagi iaitu samar kerana tiada lagi peruntukan khusus yang disediakan untuk pembayaran elaun mereka. Dan *Insyallah* dalam Mesyuarat MMKN esok, dengan murah hatinya, *Insyallah*, Dato' Menteri Besar setuju untuk mengangkat kertas cadangan PWB ini, yang mana ia akan mendapat jawapan yang baik. *Insyallah* esok. Jadi hari ini saya tidak boleh menyebutkan. Cumanya saya bersetuju dengan cadangan Selat Klang dan Teratai yang mencadangkan agar penyelia PWB ditempatkan di Pejabat ADUN dengan KPI dan bidang tugas yang khusus untuk mereka. Serta sejumlah elaun akan diperuntukkan kepada penyelia PWB ini. Serta Yang Berhormat semua boleh mencalonkan nama-nama penyelia kepada *Standco* untuk proses pelantikan itu, yang memenuhi syarat-syarat perjawatan. Sebaik selesai proses temu duga dan lantikan, para penyelia boleh mula bertugas seawal 2015, seperti apa yang disarankan oleh Meru.

Seterusnya tentang bajet yang dilihat agak kecil iaitu RM1,000,000.00 untuk *Standco* Wanita. Saya berterima kasih atas keprihatinan daripada YB Batu Tiga, Morib dan Selat Klang, yang melihat bajet RM1,000,000.00 ini adalah terlalu kecil berbanding keperluan dan ramainya wanita di Selangor. Saya menyambut baik saranan daripada mana-mana... maaf. Saya menyambut baik cadangan Morib yang mana peruntukan ini adalah dikira agak kecil berbanding RM2.5 juta ataupun 48.3% penduduk Selangor adalah wanita. Ini adalah daripada Jabatan Perangkaan Malaysia 2010. selaras dengan keperluan semasa golongan wanita, Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Keluarga akan merangka pelbagai program pembangunan dan pemberdayaan wanita agar potensi wanita dapat di optimalkan dalam pembangunan negeri serta menyumbang kepada pembangunan institusi keluarga. Antara fokus Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita pada tahun hadapan adalah program-program pemerdayaan ekonomi dan kepimpinan. Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada pembangunan kaum hawa bagi menyediakan sistem sokongan kepada usahawan wanita di Negeri Selangor untuk membantu ekonomi rumah tangga yang lebih baik dengan menjana pendapatan tambahan dari keluarga. Kerajaan Negeri juga akan menumpukan usaha ke arah advokasi Belanjawan responsif gender ataupun *Gender Responsive Budget*. Agar kumpulan wanita dan kumpulan sasaran lain diambil kira dalam proses membuat dasar, pelaksanaan program serta pelaksanaan belanjawan negeri di masa akan datang.

Satu lagi isu yang dibangkitkan semalam ialah tentang isu OKU. Daripada Sekinchan, Damansara Utama, Kota Anggerik dan Paya Jaras. Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan dasar untuk melibatkan golongan OKU di peringkat membuat keputusan dengan pelantikan beberapa orang Ahli Majlis OKU di beberapa PBT seperti di MBPJ dan juga di Majlis Perbandaran Klang. Saya bersetuju dengan cadangan Paya Jaras agar input dan maklumat dari OKU di ambil kira di peringkat membuat keputusan agar keperluan golongan ini diberi perhatian kerana mereka memerlukan keperluan yang khusus berbanding masyarakat yang biasa. Seperti cadangan daripada Damansara Utama iaitu keperluan mengadakan laluan pejalan kaki dan berbasikal untuk OKU. Juga kemudahan ruang berniaga untuk OKU, menjalankan perniagaan seperti cadangan daripada Kota Anggerik. Sekian.

TIMBALAN SPEAKER: Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya minta penjelasan sikit. Sikit, sikit. Yang Berhormat Sementa mengenai Orang Kelainan Upaya bukan Orang Kuat UMNO lah ye. Berkenaan Orang Kelainan Upaya ini, Kerajaan Negeri telah memberi kuota tertentu kepada mereka untuk dilantik sebagai Ahli Majlis. Tapi saya Cuma dengan ada dua, MBPJ dan MPK, dua. Adakah, cadangan saya supaya ada satu kuota, supaya ada satu kuota tertentu bukan satu atau dua saja, ada satu kuota di setiap PBT untuk diberi kepada Ahli Majlis OKU. Sekian terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Mungkin EXCO PBT boleh menjawab tentang kuota tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sementa dah habis ya. Oh, *landing* terus ya. (Ketawa). Saya persilakan Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Dan juga rakan-rakan EXCO, juga Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar. Terima kasih diucapkan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menanyakan ataupun memberikan desakan dan juga nasihat kepada *Standco* saya. Saya nampak ramai sebenarnya menyentuh perkara yang asas seperti kemiskinan. Apabila perkataan hijrah dan juga paras garis kemiskinan yang ditetapkan kerajaan Selangor iaitu RM 1500.00 telah membuka mata ramai juga menanyakan ia adalah sebanyak 30% rakyat Selangor sebenarnya di bawah paras garis kemiskinan, iaitu 1.5 juta orang. Memang ramai telah, khususnya Yang Berhormat Kampung Tunku, Yang Berhormat Selat Klang, Yang Berhormat Meru, Yang Berhormat Paya Jaras, Yang Berhormat Teratai, Yang Berhormat Damansara Utama. Ramai juga yang menyatakan adakah Yang Berhormat Tanjung Sepat khususnya yang telah menanyakan bahawa adakah ketetapan dalam membantu golongan ini. Kalau tadi kita dengan daripada Yang Berhormat Batu Caves kata berlari, dan beliau telah katakan Sungai Pinang tu berlari terus, kalau YB daripada Sementa memberitahu RM1,500 ke atas dan RM3,000 membantu. Saya rasa mungkin mereka mengajar berjalan, saya masih lagi, *Standco* saya membuat mereka berdiri. Sebab paras garis kemiskinan adalah RM1,500 ke bawah. Dan program di bawah garis kemiskinan, *Standco* Kemiskinan adalah khususnya dua program utama iaitu *blueprint* kemiskinan, membantu golongan yang miskin ini untuk menambah pendapatan melalui perniagaan-perniagaan yang sedia ada. Memberi bantuan dari segi peralatan perniagaan tidak melebihi RM5,000.00, itu yang bantuan disediakan di bawah Kerajaan Prihatin. Dalam bajet ini kita kekalkan RM2 juta yang sebelum ini. Walaupun kita nampak Teratai dan juga Kampung Tunku tadi telah menyatakan inilah satu peruntukan yang amat kecil. Dan juga Kerajaan Prihatin, mereka telah memberitahu, saya percaya akan mengambil maklum perkara ini, menyebabkan kita tahu golongan yang begitu ramai, 1.5 juta penduduk yang sebenarnya, dengan izin, *living under poverty life*. Saya kena berterima kasih kepada Yang Amat Menteri Besar, kerana walaupun begitu dalam membantu di bawah *Standco* kemiskinan, telah ada penambahan daripada RM2 juta kepada RM4 juta, iaitu penajaan daripada golongan anak miskin ini kepada program teknikal di INSPEN Kolej.

Y.B. TUAN DR. YAAKOD BIN SAPARI: Tuan Speaker, mohon laluan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOD BIN SAPARI: Saya dapati ramai kakitangan awam yang gajinya masih di bawah RM1,500.00. Apakah dengan polisi ini maknanya kita akan meningkatkan gaji minimum kakitangan awam dengan RM1,500.00.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tentang gaji minimum RM1,500.00 saya difahamkan sebelum ini apabila dibincang di dalam MMKN sewaktu saya baru dilantik sebagai EXCO, *that's mean* penggal yang lalu, saya difahamkan telah diselaraskan RM 1,500.00 sebagai gaji minimum dan juga ini di bawah STANCO Yang Berhormat Nik nanti, beliau boleh jawab. Tadi seperti yang saya telah nyatakan, kita telah tambah dalam Bajet 2015 daripada RM2 juta kepada RM 4 juta untuk penajaan anak-anak daripada golongan miskin yang tercicir dalam pembelajaran untuk mendapat program teknikal di Kolej INSPENS. Itu satu perkembangan yang sangat baik dan perlu diambil kira. Saya percaya ramai juga daripada ADUN-ADUN kalau di kawasan masing-masing yang mempunyai anak-anak murid yang memerlukan penajaan boleh hubungi pejabat saya ataupun terus ke INSPENS Kolej boleh mendapat bantuan, itu satu. Dalam pada itu juga ramai juga yang menyatakan perlu ada ketetapan seperti Tanjung Sepat yang menyatakan memang dalam tahun lalu kita telah membawa kertas, satu kajian cuba diadakan melalui UNISEL dan juga UNITAR dan kertas kajian tersebut telah dibawa ke MTES dalam bulan April. Namun pada masa itu Mantan Menteri Besar tidak membenarkan kertas kerja itu untuk membuat suatu kajian menyeluruh di Selangor supaya kita dapat mengenal pasti sasaran masyarakat yang benar-benar miskin dan juga perbezaan dan bagaimana membantu mereka. Namun dengan ini saya telah diberitahu daripada Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru supaya perkara kertas ini dibawa sekali lagi untuk kelulusan. So dengan ada kelulusan dengan kertas yang baru nanti, kajian daripada UNISEL dan UNITAR akan membantu dalam merangka hala tuju *Standco* Kemiskinan dan juga keperluan bagaimana untuk mengendalikan, menangani masalah kemiskinan di Negeri Selangor, itu satu.

Kedua, saya juga ada kes-kes khusus yang telah dibawa Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Kampung Tunku yang menanyakan tentang masalah yang dihadapi oleh perkuburan, kubur bukan Islam. Baru-baru ini MMKN telah meluluskan supaya Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam iaitu sebelumnya namanya ialah Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam telah ditukar nama kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam untuk mengendalikan juga hal ehwal perkuburan selain Islam. Saya percaya dengan memberi tugas yang baru ini dan Jawatankuasa ini mungkin kita akan dapat mengendalikan masalah perkuburan bukan Islam dengan lebih efisien. Dengan itu sampai kita baru lulus sebab baru 2 minggu yang lalu kita dapat kelulusan tersebut, 3 minggu lalu. So, kita belum adakan mesyuarat pertama tentang perkuburan. Saya harap mesyuarat yang akan datang kita dapat memberi jawapan yang sebaik-baiknya dan juga kepada masalah yang khusus yang telah dibawa oleh Yang Berhormat daripada Dengkil iaitu tentang surat sekiranya ada, surat penyerahan tanah Taman Permata Dengkil itu, saya

difahamkan oleh Dato' SS, Setiausaha Kerajaan bahawa memang kita telah mengambil tanah tersebut, kita telah tulis, kita telah memberitahu KPKT, Kementerian KPKT namun kita tidak ada kata putus daripada KPKT bahawa serah kepada siapa. Ya, tapi bagaimanapun kita akan memanjangkan segala surat-surat kepada Yang Berhormat Dengkil nanti. Saya juga ada secara khususnya daripada Yang Berhormat Seri Andalas berkenaan tentang asrama anak-anak pekerja ladang yang sepatutnya telah dirancang dipenggal yang lalu. Memang kita sedar, kerajaan memang sedar projek ini masih diteruskan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar memang begitu prihatin dengan masalah ini. Memang mesyuarat-mesyuarat telah diadakan sebelum ini dan pada bulan Oktober yang lalu, KL Kepong, syarikat yang sepatutnya menyerahkan tanah tersebut telah pun, tanah telah pun diserahkan, geran itu telah diserahkan kepada PTG dan mesyuarat-mesyuarat yang akan datang kita akan menetapkan hala tuju untuk bagaimana untuk menangkis, membuat asrama ini dan juga keperluan dan kepentingan daripada untuk masa hadapan maka kita perlukan mesyuarat yang datang bersama-sama dengan NGO-NGO India juga akan dilibatkan bersama. Dan akhirnya saya ada satu perkara yang dibawa oleh Paya Jaras yang saya tertarik sangat...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Alam Shah, Meru?

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO. Adakah Jawatankuasa yang baru ini selain Islam ni hanya tertumpu pada masalah perkuburan bukan Islam atau termasuk juga kuil-kuil orang India?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Sebelum sebenarnya, terima kasih Yang Berhormat Meru. Sebenarnya sebelum ini kita Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam bermaksud kita mengendalikan isu-isu tentang rumah ibadat. Sekarang kita telah tambah tugasnya, ya penambahan dengan termasuk perkuburan, bermaksud kita *handle both*, dengan izin. Tadi seperti yang saya nyatakan tadi masa perkara yang dibawakan oleh Yang Berhormat...

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: Tuan Speaker...Timbalan ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Meru.

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: Saya minta sangat kerjasama daripada EXCO berkenaan sebab baru-baru ni Yang Berhormat EXCO turun ke tempat saya tanpa memberitahu saya dan keluar pula dalam akhbar India yang bagi satu tuduhan yang tidak betul bahawa kuil itu saya pula yang suruh runtuhkan kuil dan sebagainya. Fakta-fakta yang diberi tidak betul dan yang cukup sedih saya tidak diberitahu kemudian gambar-gambar saya bawak hari ini kalau nak tengok boleh tengok. Gambar-gambar itu minta maaf kalau nak kata gambar-gambar orang yang bukan duduk situ, *sorry to say* adalah samseng-samseng belaka. Jadi *in future* lain

kali kalau nak turun mana-mana ADUN bagi tahu la kami, ini turun begitu, saya tak berapa sedap la. Wallahualam, sila jawab.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Kalau Yang Berhormat nak gunakan medan ni untuk berbahas, saya tak ada masalah. Ya, perlu diingatkan perkara itu telah dihangatkan di media massa disebabkan oleh tanpa perbincangan daripada Jawatankuasa Rumah Ibadat telah mengeluarkan notis. Notis telah diserahkan, media massa pula telah memberi laporan yang begitu meluas, saya terpaksa menurun masa *lunch hour* saya, ya kena fahamkan itu. Kalau setiap satu kali saya kena beritahu setiap ADUN, saya tak dapat *adjust* saya punya masa dengan izin.

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: Saya boleh *adjust* masa saya *anytime*. I boleh *adjust*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok, ok Meru tak apa. Meru, Meru cukup, cukup.

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: Itu jangan marah kalau saya pergi tempat *you* pulak, nanti saya buat hal.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Meru duduk.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Itu sebab saya masa saya menurun, *that's my lunch hour time* dengan izin. Saya telah beritahu tadi pun itu adalah isu yang amat dalam media massa utama, *paper* telah paparkan. So saya terpaksa turun untuk melihat apa keadaan tersebut. Kalau Meru tak ada apa-apa patut berbincang dengan saya pun bukan dengan isu surat. Kalau...

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: Saya tak pernah dipanggil pun.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Begini ya, kalau nak guna medan ni sebagai perbahasan kita boleh teruskan sebab ramai yang melihat. Kita nak tahu pendirian Meru nanti tentang kuil yang berusia 100 tahun itu.

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: *Correction, it's not 100 years.*

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Ok, *I have the evidence...*

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok, ok Meru. Kota Alam Shah, Kota Alam Shah tak perlu jawab yang itu, ambil perhatian sahaja. Ya sambung terus sahaja penggulungan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Ok, saya nak berbalik kepada apa yang Paya Jaras menyatakan beliau merasa prihatin, menyatakan orang-orang miskin daripada semua golongan bila orang Islam datang mereka boleh merujuk

kepada Zakat dan juga JAIS dan sebagainya tetapi tidak ada satu badan yang membantu orang yang bukan Islam dalam keadaan yang segera. Beliau telah menyarankan...

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik minta. Sila Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya pernah mencadangkan supaya satu yayasan khas dibina, ditubuhkan untuk membantu orang miskin yang bukan Islam. Apa pandangan Yang Berhormat?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Saya setuju sangat Yang Berhormat Kota Anggerik. Saya masih ingat bila mesyuarat penggal yang lalu diungkitkan oleh Yang Berhormat agar satu yayasan ditubuhkan. Memang pada masa itu daripada saya, saya telah membawa perkara ini ke dalam MMKN dan salah satu apa tu, dengan izin *suggestion from me is, Hindu Endowment Board* tapi itu hanya khusus kepada kaum dari India sahaja, beragama Hindu sahaja. Itu yang telah dibawa oleh saya dan masih lagi dalam kajian...

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Minta pandangan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Bagi orang Islam, ada Zakat. Bagi agama lain juga ada kepercayaan sumbangan seperti itu. Jadi kalau boleh tidak fokus kepada Hindu sahaja, fokus kepada selain Islam.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Memang begitu tetapi untuk kendalikan kuil dan juga, kita cuba membawa *copy* daripada, *I mean* apa yang telah dilaksanakan oleh negeri lain seperti Pulau Pinang, mereka ada *Hindu Endowment Board* dan mereka juga menggunakan *board* ini supaya membantu golongan India. Memang kalau kita membandingkan dengan kalau kaum Cina dan *Cristianity, they have the churches* dengan izin, mereka ada *contribution* daripada orang ramai supaya mereka boleh bantu, tapi di kuil yang ditetapkan di Selangor tidak dikawal, tidak ada satu jawatankuasa atau badan yang mengawal mereka walaupun kita ada Persatuan Hindu Sangam tetapi tidak dapat dikawal oleh mereka. Maka memang ada seruan daripada banyak NGO telah menjumpai ramai Yang Berhormat- Yang Berhormat sekalian untuk agar penubuhan suatu *Hindu Endowment Board* di peringkat Negeri Selangor dan juga disokong oleh ramai juga Yang Berhormat- Yang Berhormat sekalian. Itu perkara ini masih lagi di peringkat kajian dan telah difahamkan UPEN telah menghubungi dan membuat kajian bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Singapura. Saya percaya dalam masa terdekat *paper* akan boleh dibawa ke MMKN dalam mengadakan kajian bagaimana

untuk mengawal kuil, kedua perkuburan dan juga membantu orang yang miskin ni dalam menggunakan dana tersebut. Itu satu, berbalik kepada saudara Paya Jaras yang mengatakan bukan Islam itu, selain daripada bukan Islam saya percaya kalau kita nak penubuhan satu yayasan ia perlu yayasan saya rasa itu masa yang kita tak boleh lagi tangguh lagi, yayasan berkenaan membantu yang bukan Islam, perlu ada, di peringkat Negeri Selangor. Saranan daripada Yang Berhormat Paya Jaras tadi, yang semalam itu, saya akan cuba membawa *paper* tapi walau bagaimanapun, kekangan kewangan perlu diambil kira.

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: Tuan Speaker, Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Meru.

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: Satu lagi tentang perlunya diadakan satu kajian. Saya tidak mahu jawapan sama macam Mantan Menteri Besar dulu. Saya nak *time frame*, bila yayasan itu akan ditubuhkan. Saya nak *time frame*.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Sebenarnya saya telah beri, saya pun telah minta tempoh masa yang sama dengan MMKN dengan begitu ketat. Sebab saya pun apabila menyatakan dalam MMKN memang kertas akan menunjukkan bahawa saya telah, setiap MMKN *meeting* saya ada unguit perkara ini. Itu hanya untuk *Hindu Endowment Board* ya, sekarang yang saya katakan adalah daripada apa yang Paya Jaras katakan seperti tadi Yang Berhormat dari Kota Anggerik menyatakan mungkin kita perlu ada satu yayasan yang khas yang merangkumi semua masyarakat selain Islam. So perkara ini, membawa perkara ini kepada MMKN nanti agar kita akan berbincang bersama, kita akan lihat, kita akan ambil maklum bagaimana keputusan nanti akan dimaklumkan kemudian. Dalam pada itu seperti yang saya telah nyatakan perkara-perkara yang khusus namun saya nampak tidak ada yang menyentuh tentang anak-anak pekerja ladang dalam ucapan perbahasan namun saya rasa saya perlu menyatakan di sini memang pekerja ladang ini adalah satu-satunya di mana saya nampak terlalu banyak...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Alam Shah, minta duduk sebentar, duduk. Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Assalamualaikum dan salam sejahtera. Dewan disambung. Saya persilakan Kota Alam Shah untuk mengakhiri penggulungan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tadi seperti yang saya nyatakan tadi walau *Standco* berkenaan pekerja ladang tidak disentuh, saya ingin nak bagi tahu di sini saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah menambah peruntukan RM300,000.00 kepada RM500,000.00. Itu adalah ayat terakhir. Dengan itu saya berhenti di sini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Yang Berhormat Kota Alam Shah. Saya persilakan Yang Berhormat Cempaka.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahir rahmannir rahim*. Terima kasih kepada Tuan Speaker dan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang telah membangkitkan isu-isu perumahan dan pengurusan bangunan. Saya ingin merungkai kekeliruan yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Damansara. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, dalam ucapannya berkata pembayaran insentif rumah mampu milik ini dilaksanakan dengan syarat pembinaan dilakukan dalam tahun 2015 dan pemaju mestilah menyiapkan pembinaan dalam tempoh 2 hingga 3 tahun dari tarikh kelulusan oleh PBT. Dato' Menteri Besar juga telah menyambung bahawa Kerajaan Negeri mensasarkan jumlah 15,000 unit rumah Selangorku pelbagai jenis akan dibina dalam tempoh 3 tahun mulai 2015. Jumlah 15,000 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah pembinaan di bawah insentif tersebut yang diumumkan semasa ucapan belanjawan dan pembinaan bermula pada tahun 2015. Walau bagaimanapun setakat ini terdapat 5,743 rumah yang telah diluluskan atau telah bina di bawah anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, 9,786 di bawah syarikat-syarikat swasta. Ini bermakna sama ada yang telah bina, sedang dibina atau telah diluluskan oleh MMKN adalah sebanyak 15,529 unit. Oleh itu sasaran 35,000 unit supaya mula dibina sebelum 2018 adalah satu sasaran yang realistik kerana sekarang ini telah ada 15,000 lebih yang telah diluluskan pembinaannya oleh MMKN dan ada terdapat 15,000 lagi sasaran. Bermakna ada lagi lebih 30,000. Sebenarnya masih terdapat lagi banyak pembangunan-pembangunan baru yang belum mendapat kelulusan contohnya daripada pemaju-pemaju besar seperti Kwasa Land dan Sime Darby. Malah jawapan saya pada hari Isnin tidak memasukkan projek-projek diluluskan oleh MMKN pada minggu lepas. Kalau nak dimasukkan semua ada terdapat 5 projek lagi yang terbaru yang telah diluluskan sebanyak 4,346 unit. Ini bermakna kalau kita campurkan dengan apa yang saya umumkan bermakna ada lebih kurang 19,865 unit yang telah diluluskan oleh MMKN. Ini termasuk yang diluluskan untuk pemaju

swasta atau pun untuk syarikat-syarikat kerajaan. Bermakna telah jelas ada satu kerjasama, bukan kerjasama tapi ada satu tanggungjawab bersama untuk menyediakan rumah-rumah mampu milik oleh kerajaan dan swasta. Walau bagaimanapun, perlu ada pemantauan agar projek-projek yang diluluskan oleh MMKN mendapat kebenaran merancang secepat mungkin. Kita tidak mahu ia diluluskan oleh MMKN tetapi ia tidak dibina ataupun kebenaran merancang itu tidak dapat diperolehi dalam masa yang pantas. Jadi untuk memastikan ini berlaku, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan yang bernama Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku yang dipengerusikan oleh EXCO Perumahan sendiri. Ia bertindak untuk membincangkan tentang rumah-rumah Selangorku sebelum ia memasuki OSC. Tajuk yang akan dijemput sama adalah PBT dan agensi yang terlibat akan dipanggil supaya sebarang masalah dapat diselesaikan di dalam mesyuarat jawatankuasa tersebut dan apabila ia memasuki OSC ia dapat diluluskan segera. Seperkara lagi ialah pihak pemaju yang telah mendapat kelulusan untuk membina rumah mampu milik tetapi ia tidak membuat permohonan kebenaran merancang, hasrat Kerajaan Negeri atau strategi Kerajaan Negeri adalah untuk menyenaraihitamkan sekiranya pemaju-pemaju tidak menghantar permohonan untuk kebenaran merancang dalam masa yang ditetapkan. Janji Kerajaan Negeri adalah setelah dapat kelulusan MMKN ia sepatutnya akan mendapat kebenaran merancang dalam masa 60 hari. Itu KPI kita iaitu setelah MMKN diluluskan projek-projek ini perlu dapat kebenaran merancang dalam masa 60 hari. Telah dibangkitkan juga oleh beberapa Yang Berhormat sekalian tentang PRIMA. Sebenarnya ada satu pembentangan ataupun telah ada mesyuarat antara pihak PRIMA dan pihak Kerajaan Negeri. PRIMA telah menyenaraikan projek-projek mereka di Selangor kepada MTES. Kerajaan Negeri sebenarnya sedia untuk memberi kelulusan kepada projek-projek PRIMA jika ia mematuhi akan syarat-syarat perancangan yang sedia ada. Juga ada satu cadangan bahawa pihak Kerajaan Negeri untuk memberikan tanah kepada PRIMA. Pada hakikatnya Kerajaan Negeri tidak perlu memberi tanah kepada PRIMA kerana PRIMA telah mempunyai *land bank* mereka sendiri. Dan pembangunan-pembangunan mereka sebenarnya telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri. PRIMA sendiri telah membentangkan kepada saya 3 projek PRIMA di atas stesen-stesen LRT yang berdasarkan konsep TOD ataupun *Transport Oriented Development*, jadi bermakna Kerajaan Negeri tidak ada masalah dengan PRIMA dengan syarat ia perlulah mematuhi akan peraturan-peraturan perancangan yang sedia ada. Tidak ada usaha dari Kerajaan Negeri untuk menghalang PRIMA sama sekali. Dan juga saya bersetuju PKNS sepatutnya menerajui pembinaan rumah Selangorku. Dan ini memang dilakukan. Walau bagaimanapun PKNS kerap kali ataupun dihebohkan tentang projek-projek PKNS yang berharga tinggi. Saya nak menegaskan di sini bahawa PKNS kena membuat kedua-dua jenis rumah ini kerana PKNS perlu juga menanggung subsidi yang tinggi apabila ia membina rumah-rumah Selangorku. Saya mengambil contoh seperti di Bukit Botak telah saya umumkan di dalam dewan ini beberapa kali sebelum ini bahawa Bukit Botak PKNS perlu menanggung kerugian atau perlu memberi subsidi sehingga RM80 juta, di Bandar Baru Bangi RM7 juta, di projek di Kampung Seri Temenggung rumah Selangorku di

mana kos membina adalah hampir RM200,000.00 tetapi PKNS menjualnya dengan harga RM180,000.00. Tentang istilah rumah mampu milik Kerajaan Negeri yang mula-mula menggunakan istilah tersebut untuk RMM pertama yang dibina di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi. Kita tidak menidakkan usaha pembinaan rumah rakyat sebelum ini tetapi kaedah dulu menggunakan konsep 20:20:10 tetapi sekarang kita meluaskan pencapaian rakyat untuk memiliki rumah dengan membina rumah untuk mereka yang berpendapatan sehingga RM8,000.00 tanpa kita melupakan mereka yang berpendapatan sederhana. Kerajaan pusat sendiri menerima konsep ini kerana mereka juga menggunakan istilah rumah mampu milik sebelum mereka menggunakan istilah PRIMA. Yang Berhormat-Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu harga rumah yang tinggi akibat dari bebanan premium dan caj pembangunan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa polisi rumah Selangorku pada tahun 2013 dan telah dipertegaskan, diperkukuhkan dengan ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam ucapan belanjawan beliau telah menggariskan insentif berikut di antaranya bagi pembinaan rumah-rumah mampu milik iaitu yang pertama adalah diskaun premium iaitu dengan kadar 10% sahaja daripada nilai tanah untuk rumah Selangorku. Yang kedua adalah pengecualian, *waiver* dengan izin caj pembangunan, caj pemajuan bagi pembangunan tanah atau lot yang terlibat dengan pembangunan rumah Selangorku. Bermakna tidak ada sebab di mana pihak pemaju mengatakan mereka tidak dapat memberikan rumah yang berpatutan harganya oleh sebab masalah premium dan juga masalah caj pemajuan. Tentang rumah-rumah sewa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing kita ada strategi serampang dua mata untuk memperbanyakkan rumah sewa. Skim sewa milik dana-sel bertujuan menyelesaikan masalah rakyat yang gagal mendapatkan pinjaman bank dan juga rakyat yang gagal mendapatkan rumah sewa. Di bawah skim baru ini rakyat boleh menyewa rumah sehingga mereka mampu membeli rumah yang mereka sewa. Sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan untuk membeli rumah-rumah untuk disewa oleh rakyat dan mereka mempunyai pilihan selepas dua tahun sama ada untuk terus sewa ataupun untuk membeli rumah tersebut. Dalam fasa pertama kita telah meluluskan sebanyak RM10 juta dan ini melibatkan sebanyak lebih 240 unit rumah kos rendah dan fokus kita kepada dua kawasan untuk menyelesaikan masalah bekas peneroka bandar di sana yang tidak mendapat pinjaman bank iaitu di Rimba Jaya dan di Sungai Sering. Selain itu baru-baru ini MMKN atau Mesyuarat EXCO telah meluluskan pinjaman sebanyak RM581,000.00 kepada Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd untuk membaik pulih unit-unit rumah di PPR Kota Damansara, PHSSB bertanggungjawab menguruskan PPR Kota Damansara. Dengan dana ni PHSSB akan dapat membaik pulih 202 unit rumah di Kota Damansara dalam masa 6 bulan untuk disewakan kepada rakyat. Selain itu telah dibangkitkan tentang saiz rumah yang dibina. MMKN telah meluluskan satu polisi baru untuk menggalakkan pembinaan rumah mampu milik dan di antaranya adalah melakukan kajian dalam masa tiga bulan untuk membenarkan penggunaan *plot ratio* untuk menggantikan kepadatan atau densiti untuk menentukan jumlah unit kediaman bagi rumah Selangorku. Dengan *plot ratio* ini ia memberi kebebasan kepada pemaju untuk memilih keluasan rumah

yang dibina. Kalau kita kira densiti mungkin ada yang mahu dan terpaksa bina dengan keluasan yang tinggi tetapi dengan plot ratio mereka boleh *adjust* dengan izin akan keluasan bangunan-bangunan tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik minta laluan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO dalam membangunkan rumah-rumah Selangorku ini apakah faktor sosial efek di ambil kira. Saya dapati sangat padat dan tidak sesi untuk pembesaran anak-anak. Jadi sejauh mana faktor sosial ini diambil kira dalam mengenal ruangan ini.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Ada beberapa perkara yang ditetapkan dalam *guide line* atau garis panduan rumah Selangorku di antaranya adalah dari segi *amenities* dengan izin atau kemudahan-kemudahan sosial. Ini yang penting sekali. Walau pun mereka keadaan rumahnya sempit sebenarnya tidak sempit sebab kita telah naikkan daripada 650 kaki persegi hingga ada yang sampai 1,000 kaki persegi jadi bermakna bahawa yang penting adalah terdapat kemudahan-kemudahan yang kita wajibkan ke atas pemaju-pemaju untuk bina untuk mereka yang tinggal di situ. Yang keduanya adalah polisi-polisi baru seperti mewajibkan *perimeter planting* ataupun perlu ada *set back* dan perlu ditanam dengan landskap bagi rumah-rumah Selangorku. Jadi inilah antara perkara-perkara untuk memastikan....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Cempaka, Teratai minta. Teratai belakang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tak habis lagi cakap ni. Tunggulah. Untuk menentukan terdapat suatu suasana yang kondusif untuk rakyat di situ. Silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan rumah Selangorku ini yang mana bilangan tempat letak kereta sama ada kerajaan Selangor ada mengkaji dan mengadakan satu ketetapan untuk bilangan tempat letak kereta yang akan disediakan oleh mana-mana pihak yang menyediakan rumah Selangorku ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Bagi tempat letak kereta bagi Type A ataupun yang berharga RM42,000.00 kita akan meletakkan satu tempat letak kereta kepada satu unit. Tetapi untuk *type* yang lain iaitu B, C dan D akan ditetapkan satu unit mempunyai dua tempat letak kereta. Ini kadang kala ada satu pandangan mengatakan bahawa apabila kita menetapkan dua tempat letak kereta

(TLK) bagi setiap unit ini bermakna bahawa kos akan menjadi tinggi oleh sebab tempat letak kereta ini kalau di *elevated* atau *structured car park* ia akan meningkatkan kos. Apa yang kita telah putuskan dan kita akan kuatkuasakan kita akan memberikan satu kelonggaran kepada pemaju untuk menjual tempat letak kereta kedua. Jadi bermakna bahawa apabila penduduk membeli rumah mampu milik dia hanya dapat satu tempat letak kereta sahaja. Kalau dia hendak tempat letak kereta kedua, dia kena beli. Jadi bermakna ini dengan sedikit sebanyak akan mengurangkan beban pihak pemaju.

Seperkara lagi adalah tentang *mix development* atau pembangunan bercampur. Ini adalah bagi lot tanah kediaman di mana kita merangka satu polisi baru sedang merangka kita sebab ada kekangan dari segi akta iaitu supaya membenarkan ada kekanganlah dari segi akta, terutamanya daripada Kanun Tanah Negara. Di mana kita hendak supaya pembangunan Rumah Selangorku itu boleh dinaikkan komponen perniagaannya sehingga 20%. Kenapa kita hendak sedemikian, adalah kita hendak membantu supaya pihak pemaju dapat *cost subsidies* atau membuat keuntungan atau mendapat pulangan daripada pembangunan tersebut dan dapat memastikan bahawa harga Rumah Selangorku itu dapat dibina dengan harga yang rendah.

Walau bagaimanapun, menurut perbincangan terkini yang dilakukan atau pun yang diterajui oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, bahawa kita ada kekanganlah dari segi akta. Bermaknanya kita tengah lihat macam mana kita hendak *supervene* dengan izin akta inilah. Tuan-tuan, Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta laluan. Silakan Kampung Tunku, pendek-pendek saja.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya tentang apakah bentuk kekangan yang ada di dalam Kanun Tanah Negara dan saya rasa ini adalah sangat penting kerana di Petaling Jaya kita ada satu bidang tanah, bekas IAAM yang cukup besar dan dalam cadangan artifisial sebelum ini dizonkan di cadangkan zonnya tanah yang sebegitu besar sampai ribuan ekar tanah. Kalau saya tak silap, dizonkan sebagai *mix development*. Kalau kita tidak menanganinya dengan betul ia nya mungkin akan membuka satu fail. Orang akan masuk kata hendak buat *mix development* tapi akhirnya dia buat semua kawasan-kawasan komersial. Jadi saya rasa ini satu persoalan yang penting ya.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Akta iaitu sah *subtitle* dan juga akta hak milik serata dan juga akta Kanun Tanah Negara. Di mana bahawa kita kena tetapkan sama ada ianya adalah perniagaan atau pun kediaman. Kalau ianya

adalah perniagaan bermakna yang hanya boleh kita bina di situ selain perniagaan adalah *service apartment* sahaja. Itu sebab kebanyakan pemajunya buat *service apartment* tetapi *service apartment* ini ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh mereka yang membeli di situ. Di antaranya adalah dari segi *charge services* di situ adalah komersial, itu masalahnya. Jadi bermakna apa yang kita hendak buat adalah kita hendak buat supaya ianya satu pembangunan yang benar-benar bercampur. Kita ada podium di mana di bawahnya itu adalah perniagaan dan di atas itu adalah kediaman yang betul-betul kediaman bukan *service apartment*, itu yang kita hendak lakukan. Saya rasa tidak ada masalah untuk *control* di mana pihak kerajaan melalui PBT dapat mengawal apakah jenis pembangunan di situ, itu tak ada masalah. Berkenaan dengan *urban redevelopment* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya siapa itu?

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Teratai.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Teratai lagi, pendekkan Teratai dah dua soalan ini.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Ya, soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO adalah berkenaan dengan bil bekalan elektrik dan air yang mana Rumah Selangorku akan dibina di atas lot yang bercampur ini yang kebanyakannya jenis komersial. Jadi dengan Rumah Selangorku bagi golongan yang berpendapatan rendah atau *middle cast* dengan izin sama ada ini akan menjadi satu beban kepada mereka, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Komersial iaitu dibina di atas lot-lot kediaman tetapi dibenarkan di dalam lot kediaman itu pembangunan perniagaan. Contohnya mungkin seperti mana yang berlaku di Singapura, di mana di atasnya adalah pembangunan atau pun kediaman atau pun *flats* tetapi di bawahnya adalah lot-lot perniagaan. Jadi bermakna bahawa mereka di atas itu akan menikmati kadar tarif untuk contohnya elektrik dan juga untuk air. Kadar tarifnya adalah tarif kediaman tetapi yang ini kita kena bincang balik semula sebab kita telah mengadakan perbincangan dan kita melihat ada kekangan dari segi perundangan, dari segi akta. 2 akta tersebutlah tetapi ini akta manusia adalah caranya, macam mana kita hendak buat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan jangan bersyarah ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak bersyarah, ini penting cukup penting. Saya tadi dengar khusyuk penjelasan jawapan daripada EXCO tentang kerajaan bersungguh-sungguh untuk membina menjayakan pembinaan Rumah Selangorku Mampu Milik, Rumah Selangorku saya ucapkan tahniahlah kepada EXCO dan Kerajaan Negeri. Saya nampak kerajaan betul-betul komited dalam pembinaan rumah mampu milik ini dan pastikanlah harga dalam sekitar RM200 ribu ya. Tapi saya mahu perkara yang berlaku seperti di pusat Kerajaan Persekutuan, mereka kata rumah mampu milik, rumah mampu milik PRIMA ada yang sampai RM400 ribu. Jadi rumah mampu milik itu bukan rumah mampu milik, rumah mampu tengok, rumah mampu tengok. RM400 ribu jadi saya ucapkan tahniah kepada Selangor itu satu. Yang kedua, soalan saya ialah dalam perbahasan saya, saya bangkit sama ada kerajaan boleh mempertimbangkan di setiap daerah, paling kurang satu atau dua projek rumah mampu milik dalam setahun dua ini ya, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya punya jawapan semalam atau pun hari Isnin kita telah menyatakan lebih kurang setakat ini ada 35 kawasan atau pun kawasan Majlis Daerah atau pun kawasan PBT di mana kita telah ada kelulusan untuk membina rumah mampu milik. Saya bacakan sekali lagilah dia punya kawasan MBSA, MPAJ, MPSJ, MPK, MPKj dan seterusnya MPKj lagi dan MPSP, MPS, MDKS dan juga MDKS dan MDKL. Memang ada terdapat beberapa tempat yang tidak ada contohnya di Hulu Selangor dan juga di Sabak Bernam. Sabak Bernam ada dan telah mendapat kebenaran merancanglah akan dibina tapi inilah strategi Kerajaan Negeri. Sebab yang itu telah diluluskan oleh MMKN, sekarang ini saya tahu bahawa banyak lagi yang akan masuk oleh sebab inisiatif-inisiatif baru akan masuk dan akan membuat rumah-rumah mampu milik. Selain daripada itu kita ada banyak tanah-tanah kerajaan sekarang ini yang kita cuba *unlock* tanah-tanah kerajaan itu. Sama ada untuk syarikat biasa atau pun untuk anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, terima kasih.

Berkenaan dengan *urban redevelopment* yang dibangkitkan, Kerajaan Negeri mengalu-alukan mana-mana pemaju swasta memerlukan usaha *urban redevelopment* atau kawasan-kawasan *brownfield* atau pun pembangunan semula. Terdapat pemaju sekarang ini yang sedang menjalankan rundingan dengan pembangunan rumah kawasan rendah di Selangor. Walau bagaimanapun seperti biasa ianya perlu memenuhi syarat-syarat perancangan. Ada satu projek iaitu satu pemaju yang juga mungkin kontroversial sikit terlibat dengan program di Kampung Kerinci iaitu *swisdomine*, dia telah masuk ke Selangor telah bertemu dengan penduduk rumah kos rendah, telah menawarkan *redevelopment* di Selangor inilah. Jadi saya, Kerajaan Negeri memulangkan kepada pemaju ini untuk berbincang dengan pihak penduduk rumah kos rendah tersebut, sedang berjalan ini.

Yang Berhormat Seri Andalas telah bertanya tentang usaha sama dengan pihak swasta. Masalah projek-projek penswastaan ini adalah terutamanya adalah dilaksanakan oleh anak syarikat seperti PKNS adalah dengan menggunakan kaedah surat wakil kuasa atau *power eternity* di mana syarikat-syarikat yang menjalankan usaha sama dengan anak syarikat Kerajaan Negeri boleh mencagar tanah kepada bank untuk mendapatkan pembiayaan. Masalahnya akan timbul apabila projek gagal di mana anak syarikat tidak boleh mendapatkan balik tanah tersebut. Walau bagaimanapun, usaha yang bersungguh-sungguh untuk membina rumah mampu milik Kerajaan Negeri sekarang ini telah mengenal pasti banyak tanah-tanah kerajaan yang boleh dibangunkan rumah mampu milik atau Rumah Selangorku. Pada hakikatnya Kerajaan Negeri, anak-anak syarikat tidak dapat membangunkan kesemua tanah-tanah tersebut bersendirian. Perlu ada satu input atau pun penglibatan swasta. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan yang terkini cadangannya adalah untuk membuka kepada pemaju-pemaju swasta. Walau bagaimanapun, kaedahnya perlu diputuskan sama ada penswastaan seperti dulu tetapi dengan sedikit ubah suaian atau membuka tender terus kepada syarikat-syarikat swasta. Begitu juga dengan tanah-tanah tersepit atau *pocket lane* yang boleh dibangunkan menggunakan kaedah yang sama.

Yang Berhormat Kajang ada membangkitkan tentang rumah mampu milik di Kajang. Ingin saya umumkan bagi keseluruhan kawasan MPKj setakat ini sebanyak 11 projek atau 1,592 unit telah diluluskan oleh MMKN untuk dibangunkan. Tetapi untuk kawasan DUN Kajang setakat ini hanya ada terdapat 4 projek dengan 2 projek yang telah dipastikan jumlah kediamannya iaitu 489 unit. Yang Berhormat Paya Jaras telah membangkitkan isu projek terbengkalai yang dinamakan sebagai Kampung Masjid yang telah lama terbengkalai. Kes kos rumah kos rendah terbengkalai di Sungai Buloh ini telah diambil tindakan oleh perulidikasi ke atas pindah milik tanah terhadap pemilik tanah baru dengan membawa kes ini ke mahkamah. Ini bertujuan untuk mengembalikan semula hak milik tanah tersebut kepada perulidikasi bagi tujuan memulihkan projek RKR tersebut. Walau bagaimanapun pemilik tanah baru iaitu Encik Yean Fok San telah memfailkan saman kepada perulidikasi memandangkan pihaknya adalah pemilik sah berdasarkan prosedur permohonan yang dibuat kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Sekiranya kes tersebut tidak memihak kepada perulidikasi. Kertas cadangan akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sama ada pengambilan tanah dibuat oleh Kerajaan Negeri atau pun bekerja sama dengan pemilik tanah baru bagi memulihkan semula projek tersebut. Tarikh permohonan ke mahkamah oleh perulidikasi adalah pada bulan Mac 2014 dan pendengaran kes ini di mahkamah akan dijalankan pada 26 Februari 2015.

Seperkara lagi adalah tentang isu projek terbengkalai Sungai Yu iaitu satu soalan daripada Permatang. Ada terdapat 2 projek terbengkalai di Sungai Yu, Permatang. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, yang pertamanya adalah projek pembesaran Kampung Taman Desa Mawar, Sungai Yu, Mukim hujung Permatang.

Projek pembesaran Kampung Taman Desa Mawar Sungai Yu yang terletak di Kampung Sungai Yu hujung Permatang, Kuala Selangor mengandungi 3 fasa dengan jumlah keseluruhan 560 unit. Pada asalnya kontraktor yang dilantik adalah Fokus Perkasa Sdn Bhd bagi memajukan projek ini namun dikenakan perintah penggulungan oleh mahkamah dan mahkamah telah melantik Fareyear Ocsen MH Sdn Bhd sebagai perudilikasi. Bagi meneruskan projek ini Kerajaan Negeri dan perudilikasi telah bersetuju untuk melantik Lian Fing Construction Sdn Bhd bagi menyiapkan keseluruhan projek ini dan kontraktor Lian Fing Construction Sdn Bhd berjaya menyiapkan fasa 1 sebanyak 198 unit dan fasa 2 sebanyak 160 unit dengan sijil layak menduduki. Namun fasa 3 sebanyak 232 unit telah terbengkalai dengan kemajuan kerja 69% siap. Kesan daripada masalah kewangan syarikat, kontraktor tidak dapat meneruskan projek dan menyebabkan sebahagian pembeli-pembeli di fasa 3 terpaksa menyiapkan unit mereka sendiri melalui kewangan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, kemudahan infrastruktur di tapak masih belum sempurna dan mematuhi syarat-syarat daripada agensi berkaitan seperti sistem kumbahan, sistem bekalan air dan sebagainya. Sehubungan dengan isu tersebut, beberapa siri mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Projek Terbengkalai (JPPT) telah diadakan dan keputusan mesyuarat terakhir pada 17 November lepas ialah PKNS dan akan memuktamadkan kajian pemulihan bagi keseluruhan projek ini dan dijangka akan di bentang ke peringkat Lembaga Pengarah PKNS pada bulan Februari 2015.

Susulan daripada itu perkara ini akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan cadangan dan penyelesaian projek tersebut iaitu terus oleh PKNS. Tentang projek kedua adalah skim program khas Perumahan Kos Rendah di Taman Sungai Yu Indah, Mukim Hujung Permatang, projek ini merupakan projek usaha sama di antara PNSB dan Serambi Padu Sdn Bhd yang melibatkan 499 unit rumah kos rendah yang melibatkan 107 pembeli. Ini kerana keseluruhan pembangunan ketika itu disyaratkan pembangunan untuk membina rumah kos rendah sahaja. Beberapa siri mesyuarat telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Projek Perumahan Terbengkalai dan terkini pada September 2014 di mana keputusan mesyuarat secara dasarnya bersetuju dengan cadangan meminda sebahagian komponen pembangunan perumahan kos rendah digantikan kepada rumah kos sederhana sebanyak 120 unit. Dan rumah teres mampu milik sebanyak 270 unit. Manakala baki melibatkan 107 pembeli akan dikekalkan sebagai rumah kos rendah. Ini bertujuan menjadikan projek tersebut lebih berpotensi dipulihkan dan membantu menyelesaikan projek berkenaan dari terus terbengkalai.

Sehubungan dengan itu, pemaju telah mengemukakan permohonan rayuan tersebut kepada Pejabat Tanah Galian Selangor dan Kertas Pertimbangan MMKN akan diangkat oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima Kasih Yang Berhormat Cempaka. Seri Setia. Sila

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh,* YB Tuan Timbalan Speaker dan Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian.

Di dalam belanjawan 2015 ini telah dibentangkan satu komitmen yang cukup besar untuk bidang pendidikan yang mana telah menjadi satu fokus utama belanjawan dan dua elemen utama yang akan dibentangkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015 ialah isu akses dan kualiti pendidikan dan ini adalah sebahagian yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kajang iaitu sebahagian daripada pendemokrasian pendidikan sebagai contohnya Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Tabung Biasiswa Selangorku, Tabung Biasiswa Sara Hidup dan Biasiswa dan juga peningkatan besar *hotspot internet* daripada 112 *hotspot* kepada 2500 adalah teras kepada pembangunan ekonomi digital dan juga sebagaimana dibangkitkan dalam perbincangan kita akan memberi fokus kepada kawasan-kawasan di luar Bandar untuk mengatasi yang dikenali sebagai *digital divide* dengan izin. Yang Berhormat Kuang dan Permatang ada membangkitkan soal Yayasan Selangor pembangunan asrama Toh Puan Asyikin dan Asrama Tun Dr. Ismail Kampung Pandan telah dirancang secara tender terbuka. Walau bagaimanapun Lembaga Pemegang Amanah telah memutuskan untuk menangguhkan projek tersebut untuk meneliti dengan lebih mendalam projek pembangunan yang dicadangkan dan memastikan kepentingan semua pihak termasuk Kerajaan Negeri termasuk masyarakat bumiputera terjamin.

Pada masa yang sama bila dibangkitkan soal mengapa kita menggantikan asrama yang ada di kawasan Kuala Lumpur konsep asrama tersebut merupakan satu konsep yang timbul pada tahun 60-an, 70-an di mana pada waktu itu wujud jurang pendidikan yang begitu luas antara sekolah-sekolah di kawasan Bandar dengan sekolah-sekolah di kawasan luar Bandar. Justeru ada program, untuk menghantar pelajar-pelajar miskin untuk bersekolah secara asrama di sekolah-sekolah ternama seperti di Victoria Institution, Convent Bukit Nenas, St. John Institution dan lain-lain lagi. Tetapi hari ini keadaannya telah berubah, berbeza kita ada sekolah-sekolah bestari ada sekolah-sekolah *cluster* yang terletak di kawasan selain daripada Kuala Lumpur maka Kerajaan Negeri memikirkan kita tidak perlu terikat dengan pendekatan yang lama. Tentang pembangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang buat masa ini belum ada keputusan muktamad tentang apa hendak dibangunkan di sana dalam mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor yang terbaru telah diputuskan agar bangunan tersebut dibuka semula kepada peniaga-peniaga dalam keadaan sewaan jangka pendek sehingga pembangunan semula dilakukan. Prioriti akan diberikan kepada peniaga-peniaga asal yang berniaga di kawasan tersebut. Yayasan Selangor tidak memberikan pinjaman pendidikan sejak tahun 2013 kerana fokus ialah untuk memberikan biasiswa dan dermasiswa diperingkat sekolah rendah dan sekolah menengah selaras dengan keputusan MMKN pada waktu itu. Kemudahan pinjaman telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri

menerusi Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Peruntukan pinjaman tabung ini sebelum ini hanyalah 8juta ringgit selepas diambil alih peranan Yayasan Selangor telah dikembangkan menjadi 16juta ringgit setiap tahun. Tentang isu pendidikan awal ada dibangkitkan semalam oleh Sungai Burong yang ingin mengetahui secara *detail* keahlian Jawatankuasa Majlis Muafakatan Tadika Selangor ataupun MMTS.

Pertama ialah Ahli Akademik dan Pakar Pendidikan Awal Kanak-kanak Selangor. Kedua NGO Persatuan Pengusaha Tadika dan Taska Selangor. Ketiga NGO Persatuan Guru-guru Tadika. Keempat Ahli Rangkaian Taski ABIM. Kelima Ahli Rangkaian Tadika PASTI. Keenam Ahli Rangkaian Tadika Rakyat ataupun Child seterusnya Ahli Rangkaian Tadika Swasta contohnya ABS, CIC, Brainy Bunch, Genius Aulad dan lain-lain lagi. Seterusnya Ahli Rangkaian Tadika Perpaduan yang terletak di bawah Kerajaan Persekutuan, Malaysian Islamic Children Fair, MICF dan Malaysian Islamic Early Childhood Congress (MICC).

Dalam isu sekolah agama rakyat, Paya Jaras telah membangkitkan tentang kedudukan ataupun kemudahan sekolah-sekolah agama rakyat di Paya Jaras yang amat daif ini kita akan lihat di peringkat *Standco* saya dan tentang isu kebajikan guru-guru KAFA juga yang dibangkitkan berserta dengan Sungai Air Tawar. Kajian di bawah EXCO Agama telah pun selesai dan akan dibentangkan ke MMKN dalam masa terdekat. Untuk makluman sebelum Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih gaji guru-guru KAFA hanyalah RM700 dan sudah dinaikkan dua kali menjadi 1300ringgit. Seri Andalas ada bertanya tentang bantuan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ijok, Kerajaan Negeri pada tahun ini telah memberikan bantuan sebanyak RM15,000 untuk bantuan infra dan RM420 untuk bantuan yuran pelajar tentang kempen alam sekitar kepada pelajar sekolah itu Kerajaan Negeri tiada halangan mungkin kita boleh berbincang dengan *Standco* Alam Sekitar untuk melakukan pendidikan ini cuma kalau sekolah-sekolah kerajaan pusat itu sekarang nak masuk pun susah lah di peringkat Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Ya Sekinchan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Timbalan Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah kerana *Standco* Pendidikan banyak peruntukan untuk tahun hadapan khususnya kepada biasiswa dan sebagainya yang julung kali dan saya cuma ada satu soalan di mana sekarang sudah masuk hampir bulan 12, peruntukan SJK(C) Sekolah Cina untuk fasa yang kedua bagaimana statusnya sekarang sudah hampir akhir tahun. Sila bagi penjelasan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Minta bangkit waktu perbahasan, ada bangkit tak apa tetapi walau bagaimanapun minggu hadapan kita akan panggil

mesyuarat dengan YB-YB sekalian untuk pembahagian fasa kedua bantuan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Agama Rakyat. Seterusnya ada dibangkitkan oleh Kuala Kubu Bharu tentang isu pendidikan Punjabi dan buat masa kita belum ada bantuan untuk pendidikan Punjabi, walau bagaimanapun hari Ahad lepas saya bertemu dengan wakil daripada HALSA Dewan Malaysia, yang merupakan yang terlibat menganjurkan *Punjabi Education*. Teras kita akan membincangkan bagaimana Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dengan mereka, Sekinchan juga ada membangkitkan tentang prosedur HPIPT pelajar masuk IPT, isunya sekarang pelajar akan mohon secara *online* di web HPIPT dan selepas itu borang secara *online* pelajar tersebut perlu menghantar dokumen kepada BPSM Bahagian Pengurusan Sumber Manusia secara pos atau secara penyerahan tangan. Jika borang lengkap dan layak proses permohonan mengambil masa 2 bulan bergantung kepada proses permohonan yang diterima jika borang lengkap dan tidak layak BPSM akan terus maklumkan secara terus kepada pemohon

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta penjelasan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Teratai ingin bertanya baki penduduk yang tinggal di kawasan negeri Selangor mereka, sekiranya mereka belajar di sekolah Kuala Lumpur mereka dikehendaki melampirkan bersama Sijil Penamatan sekolah rendah jadi barangkali bagi mereka bagi anak muda yang sedang dan diterima untuk masuk diterima masuk ke universiti mereka tidak ada lagi tidak ada simpan lagi Sijil Tamat Sekolah Rendah jadi saya terima aduan bahawa permohonan mereka telah ditolak jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO apakah langkah yang sepatutnya mereka buat sebab mereka juga ialah anak Selangor dan pengundi Selangor juga. Terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Kini isu prosedur yang agak spesifik jadi peringkat *Standco* saya akan kaji perkara tersebut boleh lihat dan diperbaiki. Seterusnya tentang isu prosedur tak habis lagi jika cek telah siap proses cek mengambil masa dalam satu minggu dari tarikh kelulusan permohonan dan cek akan dikeluarkan oleh pihak Bendahari Negeri dan pihak BPSM akan menyemak status pemohon di laman web dan turut memaklumkan kepada pemohon melalui surat. Cuma pertukaran kaedah pembayaran daripada EFT kepada cek kerana pertama untuk majlis penyerahan cek dan kedua wujud unsur-unsur penipuan sebelum ini ada sindiket yang mana ada orang-orang tengah yang berjaya meyakinkan pelajar-pelajar ini untuk mengambil kad ATM mereka jadi mereka ada yang menerima sampai RM300.00 sahaja walaupun kita bagi mereka RM1000.00, jadi RM700.00 tiris ke orang tengah tersebut sebab itu sekarang kita bagi dalam bentuk cek supaya terus kepada penerima dan penerima *aware* dengan izin jumlah yang mereka terima. Kinrara ada membangkitkan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta tambahan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan nak tambah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : terima kasih Tuan Timbalan Speaker, isu yang saya bangkit ialah kita bagi cek demi memastikan keselamatan masalahnya apabila pelajar berkenaan datang ke SUK, dimaklumkan suruh datang ambil cek, cek itu sudah luput tarikh, luput tarikh banyak kes ada 3, 4 kes luput tarikh. Pegawai maklumkan kita lambat atau terlepas pandang selalu macam itu, jadi orang datang hulu hilir jauh, Sekinchan datang sini habis RM50.00, balik RM50.00 tinggal RM900.00 itu pun kira juga. Terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Sekinchan kalau dalam perkara ini secara spesifik saya akan minta kakitangan yang terbabit untuk memastikan ianya tidak akan berlaku dalam masa akan datang dan ini memang tidak adil bagi pelajar-pelajar tersebut. Ya Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Kalau sekiranya kali ini pemberian hadiah masuk IPT itu melalui cek pemberian cek, setuju tidak Yang Berhormat EXCO kalau cek itu pihak Adun yang serahkan kepada pelajar.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Itu boleh cuma itulah jika juga perlu *balance* dengan untuk memotong *red tape* dengan izin jadi takut nanti bagi kat Adun sekali lagi ada pelajar tak terima balik kepada yang kena EXCO juga. Kalau yang rajin macam Taman Medan atau Sekinchan mungkin tak ada masalah. Jadi saya fikir nanti kita akan pertimbangkan perkara tersebut yang paling penting adalah bagi memastikan tiada isu lagi sebagaimana yang dibangkitkan oleh Sekinchan. Kinrara membangkitkan tentang pengiktirafan sijil UEC Kerajaan Negeri sedia mengkaji bagaimana Sijil UEC mahupun sijil-sijil lain yang setaraf dapat diiktiraf oleh IPT Kerajaan Negeri selaras dengan komitmen pakatan rakyat di dalam manifesto PRU Ketiga Belas di peringkat pusat dahulu. Kita bukan UMNO kita menerima bahawa kerangka pendidikan tidak lagi satu saiz untuk semua *one size fit all* dengan izin. Kalau kita tengok pimpinan-pimpinan UMNO dia hantar anak-anak mereka ke sekolah Antarabangsa tetapi mengecam rakyat yang memilih selain daripada Sekolah Kebangsaan jadi walau pun kita mahu jadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama tetapi kita tahu bahawa rakyat memilih swasta, sekolah Antarabangsa, Sekolah Agama Swasta malah juga fenomena *home schooling* atau mendidik di rumah jadi sistem kita mestilah meraikan *reality* ini. Teluk Datuk bercakap tentang untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif di Unisel bagi saya pelaburan lebih RM62 juta Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 bagi membantu infrastruktur dan sistem ICT di Unisel menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap membina suasana kondusif tersebut dan juga pada tahun 2015 sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar kita sediakan Tabung Biasiswa Selangorku, dan Tabung Sara Diri khusus untuk Unisel

dan KUIS. Kota Anggerik ada menyebut tentang silibus program sijil dan diploma untuk dilaksanakan masjid-masjid di negeri Selangor pihak KUIS telah mengadakan beberapa siri bengkel penyediaan modul Sijil Tasawur Islam bagi masjid dan ia dijangka siap pada akhir Disember dan dilaksanakan pada tahun 2015. KUIS juga sedang menyediakan modul Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris untuk Imam-imam dan pengurusan masjid dengan kerjasama JAIS ia akan dilaksanakan juga pada tahun 2015.

Selain itu KUIS di bawah Fakulti Muamalah sedang menyediakan silibus untuk Diploma Eksekutif Pengurusan Masjid dan Komuniti untuk Imam-imam dan pihak Nazir, ia akan dikemukakan kepada MQA untuk mendapat pengiktirafan dan dilaksanakan pada sesi November 2015 di KUIS. Tentang isu perpustakaan, Sungai Panjang menyebut bahawa mengharapkan agar prasarana perpustakaan Desa dan Bergerak di daerah Sabak Bernam, diambil perhatian. Permatang pula membangkitkan infrastruktur di Perpustakaan di daerah-daerah dan Selat Klang mencadangkan *One Stop Centre* di Pulau Ketam yang juga menyediakan perkhidmatan Perpustakaan. Sehingga kini PPAAS mempunyai 96 perpustakaan di seluruh negeri Selangor yang meliputi 1 perpustakaan ibu pejabat, 7 buah perpustakaan daerah, 6 perpustakaan cawangan, 8 perpustakaan pekan, 55 perpustakaan Desa Negeri dan 16 perpustakaan Desa di bawah perpustakaan Negara Malaysia serta 3 unit Perpustakaan Bergerak yang menjalankan perkhidmatan ke 72 perhentian di luar bandar di seluruh negeri Selangor. Mengikut pecahan perpustakaan, daerah Sabak Bernam mempunyai bilangan perpustakaan yang tertinggi melibatkan 26 perpustakaan, diikuti oleh daerah Kuala Selangor iaitu 14 perpustakaan. Perpustakaan telah mendapat kepercayaan dan semakin diperlukan oleh masyarakat, sebagai institusi pembelajaran termasuk selepas waktu persekolahan melalui pelbagai kemudahan seperti buku-buku yang terkini, perkhidmatan multimedia, WIFI percuma dan program-program lain. Dan kalau kita lihat daripada 2008 hingga Oktober 2014, perpustakaan telah menerima 7.4 juta pengunjung.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Setia, Hulu Klang minta laluan. Sila Hulu Klang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Semalam Dengkil ada menyebut, ada bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat ke perpustakaan, adakah termasuk yang di kawasan-kawasan yang telah dinyatakan oleh YB.

YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Ya, ia termasuk kawasan-kawasan yang telah disebutkan tadi, tetapi secara spesifik saya tak dapat bagi maklumat pada waktu ini. Dan perpustakaan memang menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan baik pulih kerosakan infrastruktur perpustakaan melalui bajet pengurusan bagi pembaikan berskala kecil dan bajet pembangunan bagi kerja-kerja berskala besar. Antara lain pada tahun 2014, apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri ialah pembaikan

infrastruktur perpustakaan Desa RM300,000.00 dan pemuliharaan bangunan RM400,000.00. Perpustakaan yang telah mengeluarkan tawaran bagi kerja-kerja pemuliharaan bangunan berskala besar melibatkan perpustakaan Desa Parit Batu daerah Sabak Bernam, perpustakaan daerah Parit Mahang Kuala Selangor, perpustakaan Desa Jenjarum Kuala Langat dan perpustakaan Desa Kuang Daerah Petaling. Perpustakaan juga sentiasa memastikan pengguna perpustakaan selesai terutama nya dari sudut keselesaan dalaman. Justeru itu 44 unit pendingin hawa 2 kuasa kuda telah siap dipasang di perpustakaan daerah Gombak dan 48 unit pendingin hawa 2 kuasa kuda sedang dipasang di perpustakaan daerah Sg. Besar Sabak Bernam. Perpustakaan juga dari masa ke semasa membuat kerja-kerja pembaikan segera, kerosakan prasarana dan infrastruktur yang diterima melalui aduan. Pada tahun ini sahaja sehingga Oktober sebanyak 104 kerja-kerja pembaikan telah dilakukan dengan kos 240,767. Perpustakaan juga akan melaksanakan konsep *rebranding* secara berfasa kepada perpustakaan-perpustakaan di peringkat daerah dan dari tahun 2010 hingga kini ada 11 perpustakaan Pekan dan Komuniti di seluruh negeri yang menjalankan *rebranding* ini. Untuk makluman baru-baru ini, pengarah perpustakaan kita telah dijemput membentangkan kertas di serajah untuk satu *conference* perpustakaan yang besar tentang proses *rebranding* Perpustakaan Negeri Selangor. Dan tentang perkhidmatan....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Setia , Hulu Klang.

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih. Tentang buku-buku adakah rancangan kerajaan untuk mempromosikan buku-buku yang ditulis oleh Ahli Dewan Negeri seperti Kota Anggerik, Subang Jaya dan saya sendiri ada beberapa buah.

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: EXCO pun tulis buku juga ya. Tapi kita akan kajilah. Tapi saya ingat kita tengok merit kalau buku-buku itu sesuai untuk perpustakaan, kita akan promosikan. Dia tak ada *favoritism* lah terhadap ADUN-ADUN mahupun EXCO sendiri. Perpustakaan juga akan melaksanakan sebarang agenda Kerajaan Negeri termasuk memberikan kerjasama sepenuhnya dengan cadangan seperti menyediakan perkhidmatan perpustakaan di Pulau Ketam sebagaimana saranan oleh YB Selat Klang. Namun begitu sebagai sebuah organisasi berorientasikan perkhidmatan dan tidak menjana sebarang pendapatan dan keuntungan, perpustakaan memerlukan sokongan bukan sahaja daripada Kerajaan Negeri tetapi juga semua ADUN-ADUN dan juga mungkin Ahli-ahli Parlimen, Pihak Berkuasa Tempatan, anak syarikat Kerajaan Negeri dan pihak swasta untuk menjalankan operasinya. Tentang pekerjaan, Sg. Burung ada membangkitkan tentang isu gaji minimum untuk kakitangan Selangor sama ada kakitangan awam mahupun GLC. Kerajaan Negeri sudah memperkenalkan gaji minimum untuk GLC Selangor dan tetapi untuk gaji kakitangan awam pula ia berada

di bawah bidang kuasa JPA. Untuk makluman, jika termasuk elaun , hanya bawah 1% kakitangan awam menerima bawah RM1500.00 jika termasuk elaun tetapi tanpa elaun jumlah itu naik kepada hampir 1/3 daripada jumlah kakitangan awam. *Standco* modal insan akan melaksanakan kajian bagi melihat pematuhan gaji minima di peringkat GLC serta kaedah yang dapat diguna pakai untuk membantu kakitangan awam. Seri Serdang pula bertanya tentang isu pekerjaan dan Kerajaan Negeri telah melaksanakan program Jom Kerja bermula daripada tahun 2009 lagi dengan kehadiran lebih 8736 pemohon dan daripada ini 3960 telah dipanggil untuk proses temu duga. Seterusnya akhir sekali tentang isu ICT, sebagaimana yang telah disebutkan oleh saya tadi , tumpuan WIFI Selangor fasa baru yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar adalah kepada kawasan luar bandar ya, 2500 *hotspot* yang diumumkan untuk mengatasi *digital divert* dan perbincangan dengan penyedia ISP sedang berjalan dan Kerajaan Negeri akan memilih tawaran yang terbaik untuk rakyat negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Seri Setia. Saya mempersilakan Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tuan Timbalan Speaker saya ucapkan terima kasih kepada YB Kampung Tunku, Bukit Gasing, Sg.Panjang dan Balakong yang telah pun menyentuh isu-isu di bawah pelaburan, perdagangan IKS. Sebagaimana yang kita sedia maklum Tuan Timbalan Speaker, bahawa kalau melihat kedudukan projek perkilangan yang telah pun dikeluarkan oleh MIDA, Selangor berada di kedudukan yang ke-5 dalam pelaburan. Tapi suka saya ingatkan bahawa ini adalah hanya data-data yang diumumkan oleh pihak MIDA itu hanya menumpukan pada perkilangan. Hanya pada perkilangan yang melalui MIDA. Dia tidak memberikan gambaran yang benar berkenaan dengan pelaburan di Selangor ini. Jadi dari sini juga, walau bagaimana pun, kita lihat sebagai cabaran juga. Jika dilihat jumlah pelaburan yang berjaya diperolehi oleh Johor adalah RM18 bilion. Ini adalah dari Januari hingga Julai tahun 2014. Johor memperoleh RM18.6 bilion, Sarawak RM7.7 bilion ringgit, Pahang RM4.98 bilion, Pulau Pinang RM46.2 bilion dan Selangor jumlah pelaburan, RM4.58 bilion. Ini hanya pada perkilangan. Tapi daripada perkilangan ini kita lihat jumlah bilangan projek kita tidak begitu bimbang kerana bilangan projek yang diperolehi oleh Selangor adalah sebanyak 153. Berbanding dengan Johor, walaupun Johor berada di tempat yang tertinggi tetapi bilangan projeknya hanya 116, di belakang Selangor. Sementara itu Sarawak, walaupun jumlah modal nampaknya tinggi, RM7.78 billion ringgit, tapi jumlah projek hanya 12. Bererti setiap projek itu terlalu besar, dan sekiranya kurang 3 projek mungkin jumlah pelaburan itu akan menjadi amat kecil. Sementara Pahang, walaupun nampak tinggi RM4.98 billion, tetapi bilangan projek hanya 8. Dan Pulau Pinang pula, bilangan pelaburan RM46.2 billion tapi jumlah projek hanya 95 projek sahaja. Jadi ini menunjukkan bahawa di Selangor ini kita mempunyai asas yang luas, yang lebar. *We has a broadbase. Broadbase* ni, jadi kita tidak risau sangat dengan keadaan ini. Walau bagaimana pun, itu masih

merupakan satu cabaran. Khususnya kalau kita bandingkan dengan negeri yang berdekatan dengan kita, berjiranan dengan kita iaitu Negeri Sembilan. Projeknya walaupun 23, jumlah pelaburan hanya RM1.9 bilion tapi pelaburan asingnya adalah RM1.38 bilion berbanding dengan Selangor RM1.8 bilion. Bererti sebenarnya banyak pelaburan asing, bila sampai ke Selangor, dia pergi ke Negeri Sembilan. Sebabnya perbezaan harga tanah satu isu, keduanya Pelabuhan Klang tidak jauh dari Nilai di Negeri Sembilan. KLIA tidak jauh, lebih dekat dari Nilai daripada Shah Alam. Sebab itulah, itu adalah cabaran yang kita hadapi. Dan selama ini penumpuan Kerajaan Negeri adalah pada pelaburan FDI dan kita selalu bergantung pada data perkilangan ini. Dan oleh sebab itu kita merasakan kalau kita masih terlalu bergantung pada FDI iaitu pelaburan asing secara terus, maka kita akan berada dalam keadaan atau dinamakan sebagai Laut Merah. Dalam *redsea*, jadi kita kena cari di mana *Blue Ocean*. Di mana Lautan Biru. Oleh itu setelah dikaji, didapati bahawa sebenarnya kita ada, ada lapangan yang lebih luas daripada kita bertanding dengan negeri-negeri lain juga memberi perhatian kepada FDI ini. Dan kita mempunyai, di negeri Selangor ini, kita ada beberapa kelebihan. Ada *advantage* yang tidak dapat ditandingi oleh negeri-negeri lain. Yang pertamanya kita ada Pelabuhan Klang. Saya jangkakan dalam 50 tahun akan datang, tidak mungkin Malaysia akan membina sebuah pelabuhan yang lebih besar daripada Pelabuhan Klang. Dalam 50 tahun yang akan datang, tidak mungkin kita akan membina sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa yang lebih besar daripada KLIA. Dan KLIA 2 campur lagi Lapangan Terbang Kargo. Dan juga kita mempunyai sistem dan rangkaian pengangkutan yang lengkap yang jauh lebih baik, yang tidak mungkin ditandingi oleh negeri yang lain. Kita mempunyai sistem logistik yang paling baik, yang paling canggih di Malaysia ini. Dan kita mempunyai infrastruktur yang lain yang baik, kita mempunyai tenaga kerja yang mahir yang paling ramai dan kita mempunyai gedung pengetahuan yang paling besar di negara ini. Jadi kelebihan ini seharusnya kita, potensi ini, ini membina satu potensi, harus kita meledakkan potensi ini. Dan oleh itu kita telah pun memikirkan bahawa selain daripada, penekanan yang selama ini tertumpu pada FDI, kita akan mengimbanginya dengan dasar ataupun strategi ke arah *Blue Ocean* ini. Jadi masa akan datang ini, ada dua aspek yang akan kita berikan tumpuan. Pertamanya kita akan melipatgandakan usaha kita untuk menarik pelabur sama ada pelabur tempatan ataupun asing dan dalam hal ini, Kerajaan Negeri melalui SSIC atau yang akan dinamakan sebagai *Invest Selangor* sedang dalam proses untuk melantik universiti bagi menjalankan dan menggubalkan *Selangor Industry Master Plan*. Untuk jangka masa 5 hingga 10 tahun akan datang. Dan di mana, buat masa ini sebelum *Selangor Industry Master Plan* ini digubalkan, Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti 5 aspek iaitu 5 sektor yang akan kita berikan penumpuan. Kita tidak lagi seperti dahulu dan tidak lagi seperti negeri-negeri lain, hanya pergi menarik pelaburan tak kira apa pelaburan sahaja, kita akan memberi fokus ya, fokus terhadap industri yang kita pelawa untuk datang ke Selangor. Yang pertamanya ada 5 bidang. Yang pertamanya, *Electrical dan Electronic Industry* dan ini termasuk *Consumer Electric, Electronic Components, Industrial Electronics* dan *Electrical Products*. Ini bidang pertama.

Yang keduanya, *Life Sciences Industry, Life Sciences Industry*, yang termasuk *Bio-technology, Pharmaceuticals* dan *Medical Devices*. Ketiganya, *Transport Equipment*, atau dengan izin, Peralatan Pengangkutan termasuk *Automotive*, keduanya *Aviation*. Yang keempat ialah *Machinery* dan *Engineering* dan kelimanya adalah Industri Makanan, *Food Industry* termasuk *raw material, food and beverages* dan *dairy products*. Ini yang akan diberi fokus dalam tahun-tahun yang akan datang ini. Dan kita akan juga melakukan usaha sinergi bagi menggabungkan anak-anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri apabila kita mengadakan projek-projek atau misi, *trade mission* ke luar negara, kita akan menawarkan pakej-pakej yang lebih spesifik untuk ditawarkan kepada pelabur-pelabur yang kita pelawa ke negeri Selangor ini. Ini adalah aspek pertama, aspek kedua adalah kita akan melipatgandakan usaha kita dalam aspek perdagangan yang agak diabaikan sebelum ini.

Dan ini kita telah pun menggariskan satu visi untuk Selangor, menjadikan Selangor ini Selangor yang global. *Global Selangor* di mana kita nak jadikan Selangor ini sebagai sebuah pusat perdagangan rantau Asia Tenggara selepas itu sebagai pusat perdagangan Asia dan selepas itu sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Dan untuk ini, ada dua projek yang akan dijalankan. Yang pertama sekali adalah mengadakan Ekspo Antarabangsa Selangor. Untuk ini, kerajaan sudah mula berbincang dengan dewan perniagaan Melayu, dewan perniagaan Islam, dewan perniagaan India dan dewan perniagaan Cina untuk menggabungkan usaha dan tenaga dan kekuatan dewan-dewan perniagaan supaya mereka dapat membantu bersama kerana sebenarnya kerajaan membantu mereka. Tapi kita menggabungkan tenaga mereka dan pengalaman mereka bagi memastikan kita dapat menganjurkan Ekspo Antarabangsa Selangor setiap tahun. Ini adalah antara strategi yang akan kita gunakan.

Yang keduanya, kita akan memperkembangkan *E-Commerce* ataupun E-Perdagangan. Dalam aspek ini ia melibatkan bidang yang amat baru dan kita mulakannya dengan menubuhkan sebuah majlis dalam Bahasa Inggerisnya *Selangor Internet and E-Commerce Council* bagi membincangkan secara keseluruhan keperluan-keperluan yang diperlukan dalam industri ini. Dan yang dalam majlis ini, kita akan melibatkan pengusaha-pengusaha, usahawan, pengilang, pihak pengusaha logistik, pihak pembekal teknologi dan juga pihak ekonomi. Kita telah pun mempunyai satu rangka kerja yang akan kita bincangkan secara lebih khusus lagi. Dan program-program ini termasuk program latihan kepada pengusaha kita, latihan juga kepada bakal pembekal teknologi dan juga kita nak pastikan bahawa kita mempunyai satu model *E-Commerce* yang sesuai untuk Selangor yang bersesuaian dengan keadaan undang-undang yang sedia ada di negara ini. Dan daripada itu, antara program yang akan dilakukan adalah kita akan mengadakan latihan bulanan, perjumpaan dan juga mengadakan perjumpaan antarabangsa, *Meet Selangor*.

Dan ini adalah satu rangkaian kata yang baru *Meet Selangor*, kerana kita ada di negara lain, dia ada namanya, *Meet Taiwan* dan sebagainya dan saya sebenarnya akan menghadiri satu sidang *Meet Taipei* minggu hadapan untuk melihat bagaimana mereka memperkembangkan bidang *E-Commerce* ini. Dan dalam proses latihan ini kita akan cuba juga untuk mewujudkan satu *incubator* yang nama sementara adalah *Selangor Digital Incubator* untuk melatih supaya mereka yang berminat dalam bidang ini dapat datang bersama. Yang *start up*, graduan dari universiti nak mencebur diri dalam *E-Commerce* tak tau bagaimana dimulakan, kita akan kumpul mereka. Kita akan buat *Selangor Digital Incubator*, supaya yang *talent-talent* dapat kita gabungkan. Dan ini adalah, sebenarnya kita menyediakan wadah, menyediakan wadah untuk, atau platform, untuk yang mereka yang berminat dalam *E-Commerce*. Dan peranan kerajaan adalah sebagai fasilitator di mana kita bekalkan, ya, kita bekalkan modal untuk, supaya memastikan mereka menjalankan *E-Commerce* ini dengan model yang betul. Dan antara juga usaha yang akan kita jalankan adalah kita membantu untuk mereka yang ingin memulakan *E-Commerce* ini kerana dia memerlukan modal, jadi peruntukan kerajaan adalah sebenarnya dalam hal ini RM10 juta untuk ekspo dan *E-Commerce*. Kita akan pastikan ini digunakan dengan sebaik-baiknya supaya mereka yang masuk yang baru *start up* ataupun IKS nak memasarkan barangan mereka, mereka boleh, sama ada menyertai Ekspo Antarabangsa Selangor atau yang berminat dalam *E-Commerce* mereka juga boleh masuk dan dengan bantuan daripada kerajaan. Dan juga kita bercadang untuk mewujudkan 100 *apps* untuk Selangor. *Selangor 100 apps* di mana kita akan memberikan perkhidmatan ya, termasuk, *apps* ini termasuk yang berkenaan dengan perkhidmatan kerajaan, berkenaan dengan *tourism*, berkenaan dengan industri dan berbagai-bagai lagi dan supaya kita dapat menyediakan satu wadah yang dapat menjadikan Selangor ini pusat perdagangan antarabangsa. Untuk menjawab soalan..

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Untuk menjawab soalan yang spesifik, Tuan Timbalan Speaker..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Damansara Utama minta.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, sila.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Y.B. EXCO, saya sangat tertarik dengan *incubator plan* itu, nak minta penjelasan bilakah *incubator* ini akan *start* dan dengan *start up capital* untuk digital, adakah kita akan menubuhkan *things like Cradle Fund Sdn. Bhd. by Ministry of Finance? Similar things belongs to Selangor. Thank you.*

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Seperti yang saya sebutkan tadi, sebagai pembuat dasar kerajaan, kita buat rangka. Pengisiannya kita memerlukan pakar-

pakar yang pengusaha itu sendiri, usaha orang itu sendiri, pembekal teknologi, *academician*, akan kita kumpulkan, kita bincangkan. Kita bukan menyediakan satu pelan yang terperinci untuk orang lain melaksanakan. Tapi kita memerlukan mereka bagikan input bagaimana kita lakukan bersama. Oleh itu, saya memanggil ini sebagai *Selangor Incorporations*. Kita menggabungkan mereka daripada mereka buat sendiri, berkembang dengan sendiri dan tidak tahu sama ada model itu akan membina asas yang baik untuk pembangunan ekonomi atau dia akan merosakkan. Sekarang kita cerita Ali Baba. Sebenarnya model Ali Baba tidak dapat dilaksanakan di Malaysia kerana kita ada undang-undang ketat. Di negeri China, tidak ada undang-undang yang mengawal, *deposit taking* tapi di negara ini kita ada undang-undang *Bafia*, yang mengawal *deposit taking*. Jadi, bagaimana kita memastikan bahawa jika *E-Commerce* dapat berkembang dengan mengikut sistem yang lebih baik, kita kena memastikan bahawa ada jaminan, ada badan yang menjaga mutunya, mutu perkhidmatannya bagaimana, ya, kalau di Malaysia sekarang ini, kalau kita membeli barang daripada internet, mungkin 2 bulan barang itu belum sampai, duit dah bayar. Tapi, kalau syarikat itu tutup, mana nak cari syarikat itu. Oleh itu, kita kena wujudkan satu sistem, satu *security* supaya selamat bila kita buat pembayaran melalui internet, selamat. Kita pastikan barangan itu akan sampai. Barangan sampai, mutu barangan itu betul ke tidak, ada jaminan, boleh dipulangkan. Lepas dipulangkan barangan, duit boleh dipulangkan. Kita memerlukan *regulator* dalam perkara ini.

Oleh itu, ini perkara yang agak teliti, yang melibatkan *detail-detail* kita akan bincangkan melalui *council* ini atau *C-Tech* ini supaya kita dapat menjayakan program ini. Dan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kg. Tunku berkenaan dengan portfolio, saya kira kebanyakannya telah pun dijawab oleh rakan saya iaitu seperti yang disebutkan itu, di Malaysia ini IKS kita daripada *potato chips* sampai *micro chips*. Jadi, beliau akan jaga *potato chips*, ubi *chips*, saya jaga *micro chips*. Jadi, berlainan, peranan kita berlainan. Jadi, kalau saya terus, kalau saya juga nak jaga *potato chips* dan *micro chips*, memang terabur. Jadi, itu sebabnya kita asingkan perkara ini dan kita juga dah ada fokus. Sebenarnya kita ada perbincangan yang teliti dalam perkara ini. Bagaimana kita asingkan ini dan gabungkannya kemudian. Ya, daripada Bukit Gasing, saya kira, saya dah jawab ya. Dari Sg. Panjang ya, sebenarnya tidak wujud soal sama ada SSIC untung atau rugi. SSIC adalah agensi kerajaan, adalah satu syarikat yang ditubuhkan kerajaan untuk menjalankan promosi. Oleh itu setiap sen yang kita bagikan, ia kena habiskan. Dia tak boleh untung. Kalau dia untung, kena bayar cukai pendapatan, padahal dia ambil geran daripada Negeri Selangor. Jadi, tidak boleh untung. Kerugiannya mungkin disebabkan dalam buku tu ada kerugian mungkin disebabkan aktiviti telah pun dijalankan ya, *invois* belum sampai jadi ada tunggak belum bayar. Tapi, geran tu, kita tak turunkan RM5 juta setiap tahun tu sekali gus. Kita mengagihkannya melalui MBI. Mungkin MBI bagi RM2 juta dulu. Bila RM2 juta, dia dah belanja RM2.5 juta, jadi wujud seolah-olah ada kerugian RM500,000.00 tapi sebenarnya tidak. Cuma geran itu belum turun. Dan penjenamaan itu perlu. Penjenamaan

sebab apabila sebelum ini, sebenarnya kalau nama SSIC Berhad ini yang rasminya SSIC. Bila orang tanya baru kita kena jelaskan. Ini adalah singkatan daripada *Selangor State Investment Corporation*. Tetapi apabila, pada zaman Barisan Nasional sebenarnya, bila kita nak daftarkan, kita tidak dibenarkan mendaftarkannya sebagai *Selangor State Investment Corporation* kerana ia mengelirukan. Orang akan ingat kita SSIC ni, ia melabur, *Investment Corporation*. Kita, ini akan memberikan gambaran yang tidak betul, oleh itu kita tidak dibenarkan daftar sebagai *Selangor State Investment Corporation* dan kita dicadangkan daftar sebagai SSIC. SSIC sendiri itu tidak ada makna.

Jadi, kita juga melihat kepada negara-negara yang lain termasuk satu badan yang melibatkan, ya, badan ini bernama *World Associations of Investment Promotion Agencies*. 33% daripada ahli dalam agensi ini menggunakan perkataan *invest*. Di mana peranannya sama seperti SSIC. Mencari pelaburan, bukan untuk melabur. Saya pun ditanya, Yang Berhormat jaga *investment*? Berapa ada nak *invest*? Sebenarnya saya tak ada duit untuk *invest*. Tugas saya dan tugas SSIC adalah untuk mencari pelaburan. Jadi, oleh sebab itu kita kena tukar mengikut trend. Perkataan biasanya dah dipakai *invest*, ya, atau yang seumpamanya. Jadi, contoh-contoh badan yang seumpamanya, yang serupa dengan SSIC, di luar negara dan dalam negara ini, yang menggunakan perkataan *invest* itu termasuk di Australia, *Invest Victoria*, *Victoria* adalah salah satu negeri dalam Australia. Dia ada *Invest Victoria*, di Hong Kong, *Invest Hong Kong*, di Finland, Finland, *Invest in Finland*, di Peranchis, *Invest in France*, di United Kingdom, *Invest UK*, di Pulau Pinang, *Invest Penang*, di Kuala Lumpur, *Invest KL*, di Melaka, *Invest Melaka*. Jadi, kita mengikut trend, *Invest Selangor*. Baru kita setaraf. Kalau tidak SSIC orang tak kenal, saya pun keliru, orang pun keliru, Yang Berhormat pun keliru.

Dan seterusnya, Tuan Timbalan Speaker, isu berkaitan dengan tapak untuk Rumah Ibadat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Adun Teratai. Sebenarnya garis panduan dan piawai perancangan negeri Selangor yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa negeri Selangor telah menetapkan penempatan Rumah Ibadat perlu disediakan apabila terdapat 40% - 60% kawasan lot yang diliputi oleh bangunan dengan tadahan penduduk seramai 5000 penduduk untuk satu tapak atau 2600 penganut agama tertentu untuk satu tapak. Walau bagaimanapun, kesesuaian sesuatu tapak yang ingin dijadikan sebagai tempat ibadat bukan Islam juga perlulah mengambil kira dan dibina di dalam kawasan di mana majoriti masyarakatnya terdiri daripada penganut agama tersebut. Sekiranya sebaliknya maka, notis hendaklah disampaikan kepada penduduk yang menetap dalam radius 200 meter di sekitar tapak atau sekurang-kurangnya 40 buah rumah untuk mendapatkan pandangan dan kemusykilan sebelum ia dapat diluluskan.

Sementara itu, berkenaan Akaun Amanah Perkuburan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Teluk Datuk, ya, terdapat peruntukan Akaun Amanah Perkuburan yang dikhaskan untuk digunakan bagi kerja-kerja menaiktarafkan infrastruktur di kawasan

tanah perkuburan di negeri Selangor, termasuklah penyediaan krematorium di tapak perkuburan yang memerlukan. Peruntukan ini juga perlu dipohon melalui Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan masing-masing dan satu kertas cadangan perlu dikemukakan kepada pihak urus setia iaitu Seksyen Agihan dan Pembangunan UPEN untuk pertimbangan Jawatankuasa Akaun Amanah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

Dan untuk soalan-soalan berkenaan pengangkutan, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, sebenarnya jawapan telah pun diberikan semasa soal jawab. Itu sahaja, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sungai Pinang. Bukit Lanjan, silakan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya bermula dengan cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat Kajang berkenaan tentang penggunaan tenaga optimum dengan menggunakan *green technology* dengan izin ataupun teknologi hijau, pembangunan hijau. Untuk makluman dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menjalankan atau bakal menjalankan beberapa program untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga sebagai contohnya di bangunan SUK kelulusan telah diberi kepada Pengurusan Bangunan untuk menukar lampu-lampu dalam bangunan tersebut kepada lampu LED. Keduanya, di bawah EXCO PBT ada satu program di mana tiang-tiang lampu awam sebanyak 2,800 akan dipasang di seluruh Negeri Selangor lampu LED dan selain daripada itu kita juga menggalakkan bangunan-bangunan kerajaan, bangunan-bangunan PBT untuk menggunakan sebagai contohnya tenaga solar supaya mereka boleh menjana tenaga ataupun menggunakan tenaga lampu yang lebih efisien. Soalan yang di cadangkan yang diberi oleh ADUN Yang Berhormat Damasara Utama ialah berkenaan tentang cadangan untuk meluluskan pemansuhan hutan simpanan kekal di Negeri Selangor di peringkat dewan. Walaupun cadangan ini agak baik namun begitu dari segi pelaksanaannya mungkin ada menimbulkan permasalahan disebabkan selang tempoh masa persidangan Dewan Undangan Negeri dijalankan agak panjang maka saya ingin *counter proposed* dengan izin di peringkat dewan, satu Jawatankuasa Pilihan Khas boleh ditubuhkan untuk menyemak ataupun membantu Kerajaan Negeri kalau ada kes-kes ataupun permohonan di mana hutan simpan kekal perlu dimansuhkan. Kerajaan Negeri Selangor juga telah meminda Seksyen 11 Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985 dengan memasukkan satu proses dengan izin *public enquiry* bagi tujuan mendapatkan maklum balas daripada masyarakat awam bagi mana-mana kawasan hutan simpan kekal yang hendak dimansuhkan. Ini adalah satu-satu negeri di Semenanjung Malaysia yang menggunakan kaedah ini dan merupakan satu cara di mana masyarakat awam dan juga NGO-NGO boleh memberi maklum balas tentang pemansuhan hutan simpan kekal. Yang Berhormat Teratai, telah cadangkan satu program yang saya rasa sangat bagus untuk menanam 100 pokok di peringkat DUN. Saya menggalakkan bukan sahaja Teratai

tetapi di semua ADUN-ADUN membuat begitu dan saya rasa ini tidak memerlukan peruntukan daripada Kerajaan Negeri kerana tahun depan semua ADUN akan dapat peruntukan tambahan, jadi 100 pokok x RM50 hanya RM5,000.00 sahaja so saya harap semua ADUN boleh mengambil inisiatif ini dan kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat ingin satu garis panduan menanam pokok, pejabat saya memang akan memberi pada mana-mana Yang Berhormat yang inginkan garis panduan tersebut. Yang Berhormat Teratai juga mencadangkan ini dah masuk sedikitlah pelancongan dan juga pengangkutan awam. Acara berbasikal, sebenarnya ada banyak acara-acara sukan yang dijalankan di Negeri Selangor bukan sahaja bola sepak tetapi ada cara berlari, maraton, *half* maraton. Pada hujung minggu akan datang pada 7 Disember kita juga akan ada PJ Half Maraton yang ingin saya jemput semua ADUN-ADUN di sini untuk menyertai bersama saya untuk lari 3k m sahaja dan *bycycle* juga adalah antara sukan yang amat digemari oleh penduduk-penduduk di Negeri Selangor dan juga di luar Negeri Selangor. Yang Berhormat Seri Kembangan minggu lepas telah menyertai satu perlumbaan basikal so beliau pun amat aktif dalam acara basikal ini cuma ada satu perkara di mana bila kita menerima cadangan untuk menaiktaraf laluan basikal, sebenarnya ada 3 EXCO yang ada kaitan tentang laluan basikal atau basikal sebagai satu medium pengangkutan iaitu Yang Berhormat Sungai Pinang, Yang Berhormat Seri Kembangan yang jaga PBT dan juga saya. Jadi untuk menyenangkan ataupun untuk menyelaraskan isu laluan basikal yang selamat digunakan oleh penduduk untuk ataupun untuk berekreasi maka saya cadangkan ketiga EXCO boleh duduk bersama untuk membuat satu dasar menyeluruh supaya pembangunan dan juga pembinaan laluan basikal di seluruh Negeri Selangor boleh dicadangkan secara mantap. Yang Berhormat Sungai Air Tawar menanya tentang isu pengurusan Kelong Sabak Bernam. Bangunan Kelong Sabak Bernam sebenarnya bangunan milik Kerajaan Negeri yang disiapkan pada 28 Februari 2002. Ianya terletak lebih kurang 4 batu *nautica* tengah laut dari Jeti Bagan Nakhoda Omar dan pada asalnya kelong ini telah diswastakan kepada Syarikat Hey Resort and Services Sdn. Bhd pada 9 Julai 2002 tetapi telah ditarik balik dan diserahkan kepada Syarikat Line Overwrite Dot Sdn. Bhd. melalui MMKN 29/2005 bertarikh 18 November 2005. Tempoh konsesinya sepatutnya 20 tahun dan sewa konsesi tersebut adalah RM24,000.00 setahun yang perlu dibayar oleh syarikat pada awal setiap tahun. Namun begitu syarikat tersebut telah gagal membayar sewa dan Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2008 telah hantar notis untuk menarik balik sewa sewaan kelong tersebut. Beberapa notis telah dikeluarkan sehinggalah notis penarikan balik kelong dikeluarkan pada 3 Januari 2013 dan sekarang secara dasar Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat MMKN Ke-13/2013 pada 3 April 2013 telah menyerahkan Kelong Sabak Bernam kepada Majlis Daerah Sabak Bernam dengan syarat-syarat yang akan dibincangkan kemudian. Jadi Majlis Daerah Sabak Bernam diberi tanggungjawab untuk menjaga, mengurus dan membangunkan kelong tersebut. Cadangan daripada Yang Berhormat Sabak untuk menjadikan Sungai Sabak sebagai tempat pelancongan yang bakal bertanding dengan *Riverview* Kuching Sarawak, Kerajaan Negeri selalu memantau dan melihat peluang dan ruang baru untuk menaiktaraf produk

pelancongan negeri. Jadi saya telah janji pada Yang Berhormat Sabak semalam saya akan turun ke Sabak Bernam bersama Yang Berhormat Sabak dan juga bersama dengan Majlis Daerah Sabak Bernam dan melihat apakah peluang-peluang yang wujud untuk kita bangunkan Sungai Sabak sebagai tempat pelancongan. Yang Berhormat Selat Kelang telah cadangkan Pulau Ketam dijadikan satu pusat pelancongan pendidikan dengan izin *edu-tourism*. Walaupun saya rasa Pulau Ketam ada banyak ciri-ciri yang bagus, saya rasa adalah baik kalau kita fokus kepada dengan izin *core tourism features* maka Kerajaan Negeri ingin *mem prioritize kan* Pulau Ketam sebagai Pusat Pelancongan Agro dan Pusat Pelancongan Warisan dan Budaya dan saya juga semasa kita Kerajaan Negeri Selangor turun ke Pulau Ketam bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita juga telah menerima satu cadangan untuk membangunkan satu galeri sejarah yang menceritakan sejarah Pulau Ketam. Saya rasa itu adalah satu cadangan yang boleh diterima oleh Kerajaan Negeri dan saya akan bekerjasama dengan Yang Berhormat Seri Kembangan yang juga merupakan EXCO yang menjaga kampung-kampung Baru dan Bagan untuk merealisasikan impian tersebut. Yang Berhormat Morib telah bangkit banyak perkara dan untuk makluman Yang Berhormat Morib dan juga Tanjung Sepat, Dengkil, ADUN-ADUN yang berada di kawasan Daerah Kuala Langat Kerajaan Negeri Selangor untuk 2 tahun ini telah memberikan peruntukan yang saya rasa agak *okaylah* agak besar bukan kecil sebagai contohnya untuk tahun 2013 sehingga 2014 untuk acara sahaja Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM409,081.00 untuk acara-acara seperti dengan izin Second Morib International yang akan dijalankan pada hujung minggu ini. International Paya Indah Lands, Perhimpunan Basikal Klasik ataupun Basikal Tua Semalaya, 2014 Morib Fun Run, Jugra International Championship, Himpunan Motosikal terbesar di Malaysia, Selangor Asia Kite Festival dan sebagainya. Untuk pembangunan di Daerah Kuala Langat, Kerajaan Negeri Selangor sejak 2013 telah memperuntukkan RM450,975.00 untuk menaik taraf pantai Morib dan juga Pantai Batu Laut dan untuk tahun depan saya juga harap kita boleh menerima cadangan-cadangan dan juga permohonan-permohonan dari bukan sahaja ADUN-ADUN daripada Kuala Langat tapi Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan lain yang ingin mempromosikan ataupun ada tempat pelancongan yang perlu dinaiktarafkan sempena Tahun Melawat Selangor. Yang Berhormat Morib juga telah bangkit tentang perkara atau masalah kekurangan hotel di Morib. Kerajaan Negeri sebenarnya tidak membina hotel-hotel. Ini adalah satu inisiatif daripada pihak swasta. Tetapi kalau pihak swasta melihat ada pasaran, ada *market* untuk sesuatu hotel untuk dibangunkan tak kira atau lima bintang ataupun hotel bajet saya rasa mereka akan masuk dan Kuala Langat bakal menjadi satu daerah yang sangat maju. Pertamanya bukan sahaja pelancongan tetapi sektor perindustrian di sana semakin lama semakin giat mara dan posisinya walaupun di Kuala Langat tetapi sangat dekat dengan KLIA dan KLIA 2 jadi potensinya agak bagus. Tentang aduan pencemaran bau yang disebabkan oleh penternakan khinzir, Yang Berhormat Taman Templer mempengerusikan Jawatankuasa Khas untuk membincang dan juga melaksanakan projek *modern farming* jadi kalau projek ini boleh jalan secara lancar saya rasa masalah ini boleh

diselesaikan pada masa yang terdekat tapi saya akan bagi laluan untuk Yang Berhormat Taman Templer untuk memberi maklumat selanjutnya. Akhirnya Yang Berhormat Dengkil telah bangkit tentang isu tapak masjid baru di Dengkil. Perkara ini sedang diteliti oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan syor daripada orang asli dan juga pejabat saya adalah untuk mengikut pembayaran pampasan sebelum ini di kawasan tersebut supaya satu penyelesaian yang adil dapat dicapai oleh kedua-dua pihak. Yang Berhormat Teluk Datuk...

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Dengkil

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ya *sorry*.ada *time frame* untuk selesaikan masalah?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Saya yakin Pejabat Menteri Besar dan pejabat saya akan pastikan perkara ini diselesaikan secepat mungkin kerana satu, kita perlu adil kepada pihak yang mewakili orang asli dan keduanya kita juga ingin membangunkan masjid baru di Pekan Dengkil. Jadi jangan khuatir. *Don't worry*. Yang Berhormat Teluk Datuk telah bangkitkan masalah perumahan di penetapan baru Kampung Orang Asli Komando pada...Kampung Orang Asli Komando? Betul ha? Jadi untuk makluman Yang Berhormat Teluk Datuk pada 21 November..minggu lepas saja, pihak PNSB (Permodalan Negeri Selangor Berhad) bersama Tok Batin, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Majlis Daerah Kuala Langat, Bandar Rimba U iaitu satu syarikat milik milikan IJM Land Sdn. Bhd. dan juga JAKUA telah bermesyuarat dan mengambil maklum Bandar Rimba U Sdn. Bhd. yang merupakan pemaju rumah-rumah baru tersebut dan mereka mengaku ada masalah dan syarikat pemaju telah melantik jurutera perunding untuk menyediakan laporan analisis keretakan dan juga kerosakan. Dan cadangan membaikpulih masalah tersebut dijangka siap pada akhir November 2014 dan pemaju juga telah melantik satu kontraktor baru bagi melaksanakan kerja-kerja membaikpulih bangunan yang bakal bermula bulan Disember ini. Di sini saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak boleh terima satu keadaan ataupun masalah yang sepatutnya tidak perlu timbul iaitu sebuah GLC negeri dan sebuah syarikat pemaju yang ada kedudukan yang baik di pasaran perumahan menyiapkan rumah-rumah yang berkualiti rendah. Jadi, dari hari ini saya akan bekerjasama dengan Yang Berhormat Cempaka untuk memastikan bahawa rumah-rumah yang dibina di Negeri Selangor tidak akan ada masalah kualiti dan sebagainya yang seperti yang dialami oleh penduduk-penduduk Kampung Orang Asli Komando. Pada masa yang sama kerana Yang Berhormat Teluk Datuk telah bangkitkan masalah CF yang mereka tidak ada CF maka kita akan arahkan pihak Majlis Daerah Kuala Langat untuk menyemak mengapa ada masalah

CF dan bila mereka membuat pembaikan dan sebagainya di kawasan tersebut mungkin perkara ini juga boleh diselesaikan. Berkenaan tentang kerosakan dewan balai raya di Kampung Orang Asli Pulau Kempas ini akan disegerakan untuk tahun 2015 dan akhirnya isu yang disentuh oleh Teluk Datuk iaitu banjir di Kampung Orang Asli Paya Rumpit iaitu yang merupakan kawasan Yang Berhormat Dengkil saya dimaklumkan pada pagi ini oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat bahawa air banjir sudah mula surut dan pada hari ini dan juga hujung minggu ini PANTAS Selangor akan masuk untuk membantu membersihkan dan juga mengemaskan rumah-rumah yang terbabat.

TUAN SPEAKER: Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang isu-isu Kerajaan Tempatan. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burong ia mengenai Kerajaan Negeri perlu mengubah undang-undang yang lebih ketat untuk mengatasi masalah siber kafe. Ya, Ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri pada masa ini telah pun mempunyai satu garis panduan pusat siber dan kafe siber sihat yang bertujuan untuk memastikan pengusaha pusat siber kafe menjalankan mengikut undang-undang dan bebas daripada sebarang aktiviti yang tidak sihat. Dari isu ini kebanyakan pusat siber ataupun kafe siber yang menjalankan aktiviti-aktiviti haram adalah pusat siber kafe yang tidak berlesen dan menyalahgunakan premis dengan menjalankan aktiviti yang melanggar undang-undang. Selain itu, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan juga merancang untuk mengadakan operasi bersepadu bagi membanteras pusat-pusat judi haram di seluruh Negeri Selangor. Semua PBT akan diminta untuk membuat aktiviti pencegahan dengan lebih kerap dan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti pihak Polis untuk membendung kegiatan judi haram di Selangor. Kita akan juga mengkaji peruntukan..ya sila...

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mendapat penjelasan sebab sekarang ini sementara belum ada digubal undang-undang ataupun enakmen berkaitan dengan penguatkuasaan di bagi mengawal apa ni..judi-judi haram ni, Kerajaan Negeri sementara ini menggunakan garis panduan, soalnya sejauh manakah garis panduan ini mempunyai kuasa-kuasa undang-undang yang boleh orang kata mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang menjalankan aktiviti haram ini hingga mereka dibawa ke mahkamah dan itu yang pertama. Yang kedua, oleh kerana ada tak cadangan dari segi masa akan datang untuk menyediakan atau menggubal undang-undang bagi mengawal kegiatan haram perjudian ini. Sekian.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Burong. Pada masa kini kuasa yang di peringkat PBT kita mempunyai kuasa untuk lesen. Ya kita boleh tarik balik lesen dan juga sita bangunan tersebut. Tapi aktiviti judi haram ini merupakan satu aktiviti jenayah.. jadi sentiasa Pihak Berkuasa Tempatan akan bekerjasama dengan pihak Polis untuk menjalankan tindakan ke atas mereka dan untuk menjawab soalan yang berikut adalah tentang bagaimana kita menggubal satu undang-undang yang memberi kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan yang lebih tegas ke atas mereka adalah undang-undang itu akan memberi kuasa kepada PBT untuk merampas ya..premis yang menjalankan aktiviti yang haram tersebut..yang itu kita akan buat. Mengenai isu meminta Kerajaan Negeri mempertimbangkan penambahan kuota Ahli Majlis di kalangan OKU juga dibangkitkan oleh Sungai Burong dan Sekinchan. Suka, suka saya tegaskan di dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dan memberi peluang kepada golongan NGO untuk mengisi kerusi Ahli Majlis di PBT termasuk dari golongan OKU. Pada ketika ini telah ada golongan OKU yang telah mengisi kerusi Ahli Majlis PBT iaitu di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Klang. Walau bagaimanapun, sebarang penambahan kuota daripada golongan OKU adalah tertakluk kepada kriteria sedia ada dan juga kesesuaian mana-mana orang OKU untuk dilantik sebagai Ahli Majlis. Kita..Kerajaan Negeri tidak mendiskriminasikan mana-mana golongan OKU. Tuan Speaker, Yang Berhormat ADUN Seri Serdang dan Seri Andalas telah membahas isu dan juga Kota Damansara mengenai isu arak dan meminta Kerajaan Negeri mengkaji keperluan mengujudkan UUK berkaitan dengan jualan arak serta isu terdapatnya segelintir pihak yang meminum arak di kawasan terbuka. Bagi mengatasi isu ini Kerajaan Negeri akan mengkaji peruntukan yang berkaitan dengan kacau gangguan di bawah Akta 171 bagi mengkategorikan aktiviti minum arak secara terbuka di tempat awam sebagai salah satu kacau gangguan dalam masa yang terdekat. Dalam masa yang sama sekiranya ada mana-mana pihak yang meminum arak di tempat awam sehingga mengganggu orang awam juga boleh membuat aduan kepada pihak Polis untuk mengambil tindakan. Tuan Speaker, untuk maklumat dewan yang mulia ini berkenaan isu pengurusan tapak pasar malam yang diminta supaya diserahkan kepada pihak JKKK yang dibawakan oleh Yang Berhormat Selat Klang. Kerajaan Negeri sudi mendengar pandangan daripada pihak Jawatankuasa Penduduk dan JKKK yang berhasrat supaya mereka dapat menguruskan semula pasar malam tersebut. Setakat ini Kerajaan Negeri belum bercadang menyemak dasar yang telah dikuatkuasakan ini. Namun begitu, Kerajaan Negeri bersikap terbuka dan akan mengkaji semula dasar ini sekiranya diperlukan. Tuan Speaker, juga merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Sekinchan sama ada Kerajaan Negeri akan membekalkan peralatan mempertahankan diri kepada anggota penguatkuasa PBT. Dalam hal ini Kerajaan Negeri sememangnya memandangkan serius soal keselamatan bagi anggota penguatkuasa dan telah menyalurkan peruntukan secara *direct grant* bagi pembelian senjata iaitu *Teasar X2* yang merupakan senjata elektrik bersifat *defensive* ataupun

pertahanan serta kelengkapan berkaitan dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM270,096.00 kepada semua PBT pada bulan Disember tahun 2013. Walau bagaimanapun, urusan pembelian senjata masih dalam tindakan kerana permohonan lesen pemilikan senjata *Teaser* yang telah dimohon oleh semua PBT pada bulan April tahun 2014 perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Jabatan Pelesenan pihak Polis. Tuan Speaker, saya juga ingin merujuk kepada pertanyaan daripada Damansara Utama yang mengemukakan mengenai isu padang cergas yang belum meletakkan garis panduan reka bentuk untuk golongan OKU. Untuk maklumat dewan yang mulia ini ingin saya nyatakan di sini bahawa garis panduan padang cergas sebelum ini menumpukan kepada penyediaan lima komponen kemudahan iaitu sebuah pondok, lima buah kerusi batu, sebuah lampu solar ataupun lampu LED, empat jenis peralatan senaman, *gym* dan satu set permainan kanak-kanak. Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap keperluan golongan OKU untuk menikmati kemudahan rekreasi yang disediakan di padang cergas. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan akan meneliti keperluan golongan OKU bagi diletakkan dalam garis panduan padang cergas pada masa hadapan. Tuan Speaker, Yang Berhormat daripada Rawang ya juga menyentuh isu tentang kenaikan kadar fi lesen perniagaan di PBT dan memohon Kerajaan Negeri agar menanggungkan kenaikan kadar fi lesen tersebut. Untuk maklumat dewan yang mulia ini, semua PBT yang telah dilaksana yang telah melaksanakan kadar baru fi lesen kecuali Majlis Daerah Hulu Selangor telah pun mengeluarkan notis pembaharuan lesen bagi tahun 2015 berdasarkan kadar fi lesen yang baru tersebut. Sepertimana ucapan bajet Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Kerajaan Negeri telah pun menyatakan komitmen untuk menyemak semula kadar fi lesen tersebut pada tahun 2015 terutamanya lesen-lesen perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil. Oleh yang demikian kerajaan akan memastikan perkara ini dilaksanakan dan dasar..dan kadar fi lesen yang baru akan dikuatkuasakan pada tahun 2016. Tuan Speaker, mengenai isu penambahan gerai statik dan inovatif bagi membantu golongan usahawan kecil yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Batu Tiga saya ingin tegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap keperluan mewujudkan lebih banyak tempat-tempat perniagaan seperti gerai ataupun *kiosk* bagi usahawan kecil dan PBT perlu mengenal pasti lokasi-lokasi yang sesuai bagi membina kemudahan tersebut. Sekiranya ada permohonan daripada PBT yang kurang mempunyai kemampuan kewangan Kerajaan Negeri sedia meneliti permohonan tersebut. Tuan Speaker, berkenaan isu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang banyak disentuh oleh Ahli Yang Berhormat suka saya nyata di sini bahawa Kerajaan Negeri sememangnya telah menubuhkan satu jawatankuasa *task force* sisa pejal di peringkat negeri bagi meneliti dan memutuskan dasar dan pelaksanaan isu yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Jawatankuasa *task force* ini juga telah melantik konsultan bebas untuk mengkaji dan menyediakan satu pelan bersepadu pengurusan sisa pepejal jangka panjang yang merangkumi aspek pengurusan sisa pepejal yang lebih mesra alam dan tidak membebankan. Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan satu projek perintis bagi pelaksana kaedah pengasingan sisa pepejal bermula di rumah bermula tahun 2015. Selain itu

Kerajaan Negeri juga akan meneliti melaksanakan pembersihan awam secara *in-house* oleh PBT yang melibatkan kerja-kerja seperti pembersihan jalan, potong rumput dan pokok dan sebagainya. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan isu-isu yang berkaitan di bawah portfolio saya. Ehem..pertamanya saya ingin memberikan maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh Sabak yang berkaitan dengan keperluan memperkasakan makasid syariah di Negeri Selangor. 'Makasirdursyariah' umumnya bermakna setiap peraturan ajaran Islam yang diturunkan oleh Allah bagi tujuan memberikan kepada kebaikan kepada manusia atau menjauhkan mereka daripada keburukan. Bagi maksud 'pensyariahan pensyariatan' sesuatu perkara yang meliputi soal menjaga agama, nyawa, akal, harta, keturunan dan harta. Sehubungan dengan itu, dari segi prinsip ia telah merangkumi lima aspek penting tadi. JAIS sedang memperbaiki daripada semasa ke semasa dengan beberapa pendekatan. Pertama, membuat rangka yang jelas dan termaktub dalam meliputi aspek..lima aspek tadi melalui pelan dakwahnya yang telah dilancarkan pada tahun 2013. Kedua, pelan menggarap lima unsur penting 'Makasirdursyariah' melalui lapan bahagian untuk dilaksanakan mulai tahun 2015 hingga 2019. Ketiga, JAIS juga sudah dalam peringkat akhir menyediakan pengurusan risikonya dalam memastikan gagasannya dikendalikan dengan sempurna dengan sebarang *diversion* dapat diminimakan. Keempat, JAIS juga mengambil pendekatan mengurus undang-undang bukan semata-mata menguatkuasakan bagi memastikan berlakunya pola pendidikan yang menyantuni golongan muda dan pencelahan melalui program ammar. Pendekatan seumpama ini pasti meninggikan lagi prinsip 'amar makruf nahi mungkar' yang dianjurkan oleh syariat. Kelima, bertindak tegas dalam ajaran sesat, dakyah dan doktrinasi yang memesongkan akidah umat Islam, perundangan yang sah yang dibuat dengan profesional. Keenam, masjid akan mengambil pendekatan lebih tegas dengan memastikan masjid adalah institusi yang membawa rahmat kepada umat. Berkecuali dan aman dalam masa yang sama masjid dalam kepelbagaian..dalam pelbagai pengimarahannya melihat masjid sebagai rumah Allah bukan pusat kumpulan tertentu dengan demikian masjid akan subur dengan kejujuran sekumpulan Daei bukannya oleh kumpulan yang berterusan menuduh dan menghukum serta membawa perkhabaran-perkhabaran yang disangsikan kebenarannya. Ketujuh, untuk melaksanakan dengan lebih ideal JAIS juga cuba merobos kebiasaan yang membawa makna asal Islam sebagai Ad-din agar agama Islam bukan di jais kan bahkan ia juga di tanggungjawab agensi-agensi lain dengan fahaman yang satu dan perkara kolaborasi yang serasi dalam pelbagai aspek dan berterusan. Kedua, saya ingin memberi maklum balas berkaitan dengan keperluan memperkasakan industri halal di Negeri Selangor yang juga dibangkitkan oleh Sabak. JAIS sentiasa membuka ruang kepada para pengusaha untuk memohon

pensijilan halal bagi menyokong usaha tersebut. Pihak kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun JPA telah pun bersetuju dengan cadangan meluaskan lagi peranan Unit Pengurusan Halal dengan menubuhkan Bahagian Pengurusan Halal pada tahun 2015. Kemudian, beberapa isu..isu yang berkaitan dengan sekolah yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan termasuklah Serdang yang mana disokong oleh Kampung Tunku dan juga dibangkitkan oleh Tanjung Sepat dan beberapa ADUN lain berkaitan dengan sekolah menengah agama yang mana kalau kita lihat memanglah buat masa ini di Negeri Selangor ini kita mempunyai keterbatasan daripada jumlah bilangan sekolah agama di Negeri Selangor. Walaupun boleh saya katakan daripada bilangan sekolah-sekolah agama ini.. di setiap daerah boleh saya katakan di setiap daerah di sembilan-sembilan daerah di Negeri Selangor ini mempunyai sekolah agama menengah ataupun sekolah agama menengah tinggi yang mana walaupun pengurusannya pada hari ini tidak diuruskan oleh Kerajaan Negeri dan ianya sebenarnya masih lagi dalam keadaan yang terlalu kurang dan cuma usaha Kerajaan Negeri sehingga pada hari ini menghidupkan Maahad Tahfiz Integrasi Sains yang kita mempunyai tiga buah di tiga buah pusat di tiga daerah iaitu Klang, Kuala Langat dan Sabak Bernam. Ini juga masih lagi yang jumlah yang tidak dapat memenuhi permintaan kerana kita lihat pada tahun lalu saja hanya sejumlah 3,352 tempat yang kita dapat tempatkan anak-anak kita memasuki tahun satu dan kalau kita lihat permintaannya yang begitu tinggi hatta kalau kita lihat pencapaian peperiksaan PSRA pada tahun ini daripada jumlah calon-calon kita anak-anak kita yang berada di tahun enam menduduki peperiksaan PSRA ini sejumlah 4,382 mendapat mumtaz. Kalau kita nak bandingkan dengan jumlah tempat kemasukan tahun satu yang kita dapat terima tahun ini hanyalah sekadar 3,352. *Insyallah* kita akan menambahkan lagi beberapa Maahad Tahfiz Integrasi dan dalam perancangan kita Kerajaan Negeri akan menambahkan tiga buah lagi di kawasan yang kita rancangkan pertama di Bukit Jelutong, Petaling..kedua Bagan Lalang, Sepang dan juga Pandan di Hulu Langat..di masa..beberapa tahun lagi. Jadi, antara isu yang dibangkitkan oleh Serdang ialah keperluan memperbanyakkan sekolah agama ini..tapak sekolah menengah di Kinrara telah dirizabkan sebagai tapak sekolah menengah agama dan diletakkan di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor. Setakat ini belum ada perancangan dari Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor untuk melaksana projek pembinaan di tapak tersebut. Saya akan melihat beberapa mengikut daerah-daerah dan mengikut keperluan-keperluan pembinaan ini ataupun mewujudkan sekolah ini dan *Insyallah* kita boleh lihat, kita akan melihat '*priority-priority*' yang kita fikirkan untuk membina sekolah-sekolah agama menengah ini kerana ianya melibatkan jumlah peruntukan yang agak besar. Pembinaan mungkin tidaklah menjadi satu isu yang besar tetapi daripada segi pengurusan ataupun operasi pengurusan itu akan memakan jumlah peruntukan yang cukup besar. Yang kedua saya ingat berkaitan dengan sekolah agama ini yang dibangkitkan oleh DUN Teluk Datuk permohonan membina sekolah agama di Bandar Saujana Putra. Pihak Jabatan Agama Islam Selangor telah mencadangkan agar pembinaan SRA Saujana Putra dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke11 2016-2020 dan penetapan pelaksanaan projek-

projek di bawah RMK tersebut akan diputuskan dalam bengkel dan mesyuarat yang akan kita adakan pada tahun hadapan. Isu yang dibangkitkan oleh Sabak, Sungai Panjang dan Sungai Air Tawar berkaitan dengan kadar elaun guru KAFA saya kira saya sudah jawab dan tadi pun telah disentuh oleh EXCO Pendidikan. Kemudian...berkaitan dengan..saya ingat pada beberapa isu berkaitan dengan pembangunan masjid..masjid-masjid di Negeri Selangor ini. Antara perkara-perkara yang menjadi kekangan kita dalam pembinaan masjid ini adalah berkaitan dengan tapak tanah yang mana sebahagian besarnya perkara-perkara ini menjadi sedikit halangan kepada Kerajaan Negeri ataupun peruntukan yang kita peruntukkan di bawah JAIS untuk pembinaan masjid-masjid ini. Saya kira pada tahun hadapan kita akan lihat apabila ada peruntukan semasa yang kita peruntukkan bermakna kita boleh lihat bahawa '*priority*' ini adalah '*priority*' yang kita boleh katakan masalah tapak tanah tapak masjid itu boleh dikatakan hampir selesai supaya peruntukan yang kita peruntukkan itu dapat digunakan pada tahun semasa. Daripada Seri Serdang status pembangunan masjid-masjid di kawasan Seri Serdang terutamanya di Seri Aman, Puchong dan di MARDI pembinaan masjid ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Qariah atas permohonan Ahli Jawatankuasa Qariah Setempat. Untuk mengendalikan pembinaan projek ini, pihak JAIS dan JKR tidak terlibat dalam proses pembinaan memandangkan ia diuruskan oleh Jawatankuasa Pembinaan masjid tersebut. Walau bagaimanapun, pihak JAIS bersedia memberikan pandangan dan nasihat sekiranya diperlukan. Masjid Al-Taqwa Taman Pinggiran Putra Seksyen 2, Bandar Putra Permai sedang dalam pembinaan dan pembiayaannya adalah hasil kutipan orang ramai. Kemudian masjid..isu masjid ini di Dengkil yang berkaitan dengan orang asli...terdapat pertikaian berkaitan tapak seluas 10 ekar yang dirizabkan sebagai masjid..sebagai tapak Masjid Pekan Dengkil. Empat keluarga orang asli telah membuat tuntutan pampasan ganti rugi akibat kehilangan hasil bagi tapak tersebut. Yang terkini...pada Julai melalui Kamar Penasihat Undang-undang mempunyai pandangan terkini mengenai tanah yang dipertikaikan oleh orang asli sebagai tanah warisan sebenarnya adalah tanah milik kerajaan yang telah diwartakan sebagai tapak Masjid Pekan Dengkil dan di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor dan Kamar menyarankan pihak JAIS membuat aduan ke Pejabat Tanah Daerah Sepang ataupun Pejabat Tanah Galian Negeri untuk diambil tindakan notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965. Dan pihak JAKOA Daerah Sepang juga memaklumkan bahawa orang asli tiada halangan bagi pembinaan masjid dan tujuan pemulangan cek pampasan..pampasan kepada tanaman dan juga pokok yang mendatangkan hasil kepada mereka adalah kerana orang asli mahu membuat tuntutan pampasan tanah dan pokok. Dan yang terkini pada Oktober, JAIS telah melantik juruukur *format survey* bagi kerja-kerja ukur serta meletakkan batu tanda bagi keluasan lima ekar tapak..tanah tapak masjid baru ini. Dan kita juga dapat makluman bahawa pihak SU memaklumkan yang Y.A.B. Perdana Menteri telah bersetuju meluluskan peruntukan sejumlah RM3 juta bagi projek pembinaan masjid ini.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sijangkang, boleh berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab urusan dewan ini masih belum selesai maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai penggulungan daripada pihak kerajaan pada hari ini”.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Sijangkang teruskan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Puan Speaker.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Reka bentuk...

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Boleh?

TUAN SPEAKER: Ya Dengkil.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya habiskan ayat terakhir.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Oooh belum lagi. Belum habis lagi.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Reka bentuk masjid telah pun disediakan dengan bantuan oleh pihak JKR dan *Insya-Allah* projek ini yang telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke10 *Insya-Allah* dapat dilaksanakan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO..tadi ada dua jawapan yang berbeza daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan. Tadi kata ada lagi masalah orang asli masih lagi membuat tuntutan tetapi Yang Berhormat Sijangkang memaklumkan yang ni telah diselesaikan.

Sekali lagi saya nak tanya sama ada ia betul-betul sudah selesai? Kalau sudah selesai bilakah *time frame*? Supaya kita dapat gunakan peruntukan tu sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi dalam tahun semasa. Kalau tidak nanti peruntukan tu akan tidak dilanjutkan lagi.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Apa yang saya maksudkan adalah sepertimana yang saya katakan tadi bahawa orang asli tidak tiada halangan bagi pembinaan masjid tersebut. Pada peringkat awalnya mereka..kita telah memberikan pampasan untuk tanaman dan juga pokok yang terlibat di kawasan yang mereka mengatakan itu adalah kawasan merayau mereka dan mereka memulangkan cek tersebut. Buat masa ni mereka tidak ada halangan untuk kita bina tapi mereka akan tetap membuat tuntutan pampasan tanah dan juga pokok.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Jadi dia punya proses tu berjalan? Serentak?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Proses tu *Insyah-Allah* akan berjalan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Berjalan serentak? Maksudnya pampasan akan dibayar untuk orang asli dan juga kelulusan juga diberikan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Yang ini akan dibawa ke kepada mahkamah lah berkaitan keputusan pampasan tanah tu. Untuk pokok ataupun tanaman kita tidak ada masalah sebab kita dah sediakan duit tu cuma mereka..setakat ni mereka tidak menerima. Kemudian..isu berkaitan dengan status pembinaan...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Speaker, boleh minta penjelasan sikit? Terlanjur dah sebut pasal kedudukan surau dan masjid saya nak tanyalah mungkin di luar pengetahuan saya ataupun telah dijadikan satu praktis. Saya dapati kedudukan surau ini tidak melibatkan di kampung tapi di kawasan-kawasan bangunan samada bangunan kerajaan ataupun bangunan komersial, persendirian. Saya dapat surau-sarau yang disediakan di bangunan-bangunan ni kadang-kadang tidak apa ni selesa, satu. Yang keduanya, kadang-kadang akses untuk pergi ke bangunan ada ke kadang sesetengah bangunan surau diletakkan di tingkat 10. Begitu sukar kita nak dapat pergi ke satu tempat dengan kemudahan-kemudahan yang tidak mencukupi. Jadi saya nak tanya sama ada dari segi peraturannya apakah dalam menentukan..memberikan kebenaran merancang ataupun kebenaran pelan bangunan apakah ada syarat-syarat ditentukan contohnya diberi kemudahan contohnya surau memandangkan agama ni agama rasmi kepada kerajaan kita.

Apakah Kerajaan Negeri ada menentukan surau mesti di tempat yang aksesnya senang di kawasan yang rendah supaya orang-orang, orang tua yang tak dapat pergi ke atas boleh akses. Jadi sebab dalam, dalam tinjauan, bukan tinjauan yang

saya sendiri pun alami. Banyak bangunan-bangunan yang diberi kelulusan kadang-kadang surau ini cukup daif, suasananya tidak cantik, tidak ada kemudahan-kemudahan untuk ambil wudhu', kadang-kadang jauh. Jadi saya nak minta sama ada kerajaan adakah menentukan dalam meluluskan pelan bangunan disyaratkan supaya diberikan kemudahan-kemudahan dan tempat-tempat yang selesa dan senang akses. Dengan izin supaya orang Islam mudah untuk menunaikan solat ni. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira bagi Kerajaan Negeri ataupun Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, sudah tentulah melihat perkara-perkara termasuklah akses ke surau ataupun keselesaan, tempat ibadat atau surau itu sendiri menjadi *priority*. Cuma kadang-kadang ini adalah permintaan daripada jawatankuasa tempatan ataupun masyarakat tempatan yang meminta kawasan itu untuk digazetkan sebagai surau. Jadi bagi memudahkan aktiviti ibadat, penggunaan surau itu, kelulusan dan kita terpaksa, terpaksa berikan kerana sebenarnya bukan sahaja tempat-tempat sebegitu. Surau-surau yang sedia terutamanya termasuklah di kawasan-kawasan kampung. Kadang-kadang tapak dia pun tak, tak *clear*. Bermakna daripada segi wakafnya, daripada segi pewartaan juga. Ini juga kita akan cuba putihkan termasuklah kawasan-kawasan yang Yang Berhormat katakan tadi ya. Kadang-kadang tidak ada alternatif lain yang terpaksa kita berikan kelulusan untuk aktiviti-aktiviti surau tersebut.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta sikit lagi penjelasanlah. Saya ambil contohlah. Minta maaf, kalau saya sebut. Saya terpaksa sebut. Contohnya di Plaza Masalam contohnya. Yang disediakan tu tersorok, tempatnya pun terlalu kecil dan pengunjung begitu ramai. Jadi kadang-kadang waktu Maghrib tu singkat. Jadi kadang-kadang ambil yang cukup lama. Dengan keadaan ambil wudhu'nya terlalu kecil. Jadi ada juga surau tapi di tingkat 10. Dan bila waktu-waktu dah lepas *office hour* dah tak boleh naik ke atas. Jadi saya nak minta kalau boleh kerajaan memberikanlah beberapa syarat dalam kelulusan pelan bangunan. Kalau boleh ditentukan, dipastikan supaya surau-surau ini. Saya percaya ini mengenai bangunan. Bukan mengenai surau yang di luarlah. Yang bangunan-bangunan. Sama ada bangunan kerajaan, bangunan persendirian yang memerlukan kelulusan bangunan ini diberikan satu, satu apa ni tekanan ataupun penekanan supaya ada kelulusan pembinaan surau ni. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih kepada Permatang. *Insyallah* kita akan melihat perkara-perkara ini. Untuk kepentingan masyarakat Islam terutamanya untuk menggunakan surau-surau ini sebagai tempat ibadat. Seterusnya saya ingin menyambung berkaitan dengan isu status pembinaan Masjid Zakariya, Gombak, yang di, yang dibahaskan oleh Gombak Setia. Masjid ini telah diluluskan bajet sejumlah RM6 juta hampir 5 tahun yang lalu. Proses pengambilan tanah bagi pembinaan Masjid Zakariya Daerah Gombak telah selesai dan jumlah

RM6 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan masjid tersebut. Walau bagaimanapun terdapat 2 isu yang menyebabkan pembinaan masjid ini tertangguh.

- 1) Isu laluan masuk ke tapak. Kedudukan tapak yang terletak di belakang tanah lot yang dimiliki oleh individu menyebabkan pihak JAIS terpaksa melaksanakan proses pengambilan bagi laluan masuk ke tapak ini. Ia melibatkan 2 hak milik yang terletak bersebelahan dengan jalan .
- 2) Isu penduduk setingan. Terdapat 1 keluarga yang masih menghuni tapak ini dan mendakwa telah melakukan transaksi penjual, jual beli dengan pemilik asal. Namun perkara tersebut tidak tercatat dalam hak milik seperti mana yang dikehendaki oleh Kanun Tanah Negara. Usaha sedang dijalankan untuk mengenal pasti sekiranya terdapat tanah wakaf atau rumah PPRT bagi tujuan pemindahan.

Insyah-Allah, perkara-perkara ini kita akan ambil tindakan dalam masa terdekat.

Seterusnya, tapak Masjid Pekan Sungai Buloh yang dibahaskan oleh Paya Jaras. Tapak seluas 0.817 hektar telah dirizabkan sebagai tapak masjid Kampung Melayu Batu 13, Sungai Buloh yang terletak bersebelahan dengan Sekolah Rendah Agama Zahariah, Kampung Melayu, Sungai Buloh. Pihak JAIS telah memberikan kebenaran pada pihak jawatankuasa pembinaan masjid untuk melaksanakan proses pembinaan masjid ini. Namun proses ini terhalang memandangkan tiada laluan masuk ke tapak ini. Satu-satunya laluan masuk bagi tapak ini adalah melalui tanah hak milik bernombor HSD 30662 PT 35378. Jumlah nilai pada tahun 2013 adalah RM668,300.00. Satu perbincangan telah diadakan dengan pihak Pejabat Tanah Gombak dan permohonan peruntukan bagi pengambilan balik tanah telah diajukan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Isu yang seterusnya yang dibawa oleh Paya Jaras adalah tapak Surau Taqwaniah, Paya Jaras. Proses pengambilan sedang dilaksanakan bagi tujuan pembesaran tapak surau seluas 0.74 ekar. Permohonan telah diajukan ke Pejabat Tanah Petaling dan menunggu penilaian terkini dari Jabatan Penilaian Hartanah berkaitan nilai tapak tersebut. Nilai asal bagi tapak ini pada tahun 2011 adalah berjumlah RM782,600.00. Unit Perancang Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan berdasarkan nilai pada tahun 2011.

Isu kemudiannya yang dibawakan oleh Kota Anggerik. Mempermudahkan pemberian tauliah dakwah untuk tujuan pengimarahkan dalam program-program dakwah. Bahagian Dakwah telah membuat penambahbaikan dalam permohonan untuk mendapatkan tauliah mengajar di Negeri Selangor. Permohonan untuk mendapatkan tauliah boleh dibuat terus ke Bahagian Dakwah, ibu pejabat ataupun mana-mana Pejabat Agama Islam seluruh Negeri Selangor. Jabatan juga

merancang untuk menyediakan perkhidmatan secara *online* bagi memudahkan urusan permohonan.

Isu *syllabus standard* bagi surau dan masjid yang dibawa juga oleh Kota Anggerik, saya kira EXCO Pendidikan tadi sudah menyentuh berkaitan dengan program yang diadakan di KUIS. Kemudian berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan yang perlu diambil terhadap premis yang menggaji orang Islam sebagai pekerja atau pun penjual arak yang dibawa oleh Seri Serdang. Kesalahan menjual arak bagi mana-mana orang Islam adalah terkandung dalam Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 adalah seperti berikut :

Seksyen 18 minuman yang memabukkan.

- 1) Mana-mana orang yang di mana-mana kedai atau tempat awam minum apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabit boleh didenda tidak melebihi RM3,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun ataupun kedua-duanya.
- 2) Mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan untuk jualan, mempamerkan untuk jualan, menyimpan ataupun membeli apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun ataupun kedua-duanya.

Bagaimanapun rentetan daripada isu penguatkuasaan terhadap penjual di kalangan orang-orang Islam yang timbul pada tahun 2010, Kerajaan Negeri memutuskan agar kawalan sendiri dilaksanakan di bawah pihak penjual ataupun pekedai hendaklah memastikan bahawa penjualnya bukan orang Islam dan orang Islam pula hendaklah mengawal diri untuk tidak membelinya. Dengan pelaksanaan dasar ini aspek penguatkuasaan terhadap penjualan oleh orang-orang Islam tidak lagi dijalankan. Pun begitu, pihak JAIS sentiasa memantau keadaan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira kita tidak nafikan di Negeri Selangor ini yang dengan kepelbagaian kaum dan kepelbagaian anutan agama, mungkin ada perkara-perkara yang hari ini begitu menjadi isu di Negeri Selangor itu sendiri yang mana memerlukan satu bentuk keharmonian ataupun toleransi di antara kaum dan juga di antara penganut agama. Saya kira beberapa isu termasuklah isu *Oktober Fest, I want to touch a dog* kemudian juga isu pemasangan *banner* melarang ataupun menolak penjualan minuman keras ataupun arak di kawasan majoriti Melayu. Ini memberikan satu senario supaya kita sebagai pemimpin yang juga rakyat yang melihat supaya akhirnya ada satu bentuk keharmonian yang perlu kita bawa kepada masa kita dan toleransi antara agama yang perlu diperkukuhkan. Saya melihat di

dalam bajet, ucapan Belanjawan Negeri Selangor oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya melihat bahawa Kerajaan Negeri juga bercadang untuk memperuntukkan geran sejumlah RM2 juta untuk mewujudkan Institut Darul Ehsan sebagai wahana untuk merangka kebijakan-kebijakan serta mengeratkan pemikiran progresif demi kecemerlangan Negeri Selangor. Apa yang saya harapkan di sini supaya institut ini bukan sahaja memikirkan soalan pembangunan daripada segi fizikal tetapi daripada segi sosial. Masalah sosial juga perlu difikirkan supaya akhirnya kita dapat melihat bagaimana penambahbaikan, penumpuan persefahaman kaum dan toleransi antara agama ini dapat diwujudkan. Dan akhirnya Negeri Selangor ini sebagai peneraju kepada kehidupan yang lebih harmoni yang kita dapat lihat di masa akan datang. Saya kira itu sahaja yang saya ingin sentuh berkaitan perbincangan daripada Yang Berhormat yang menyentuh portfolio di bawah saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Tuan Speaker dan seluruh Ahli Dewan yang dihormati sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat–Yang Berhormat yang telah pun menyentuh beberapa hal yang berkaitan dengan portfolio yang diseliaikan oleh saya. Yang pertama, yang berkaitan dengan jalan-jalan khususnya yang diselia senggarakan oleh JKR itu sendiri. Sungai Panjang ada menyentuh berkenaan dengan selenggaraan parit tepi Jalan Persekutuan 5, di mana penyelarasan di antara JKR, JPS telah pun dilakukan. Yang mana JKR telah pun menyerahkan kepada pihak JPS untuk tujuan penyelenggaraan. Dan perkara ini telah pun diselesaikan pada 24 Oktober 2014 yang lalu. Begitu juga berkenaan dengan Rawang, ada membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah kesesakan lalu lintas. Dimaklumkan bahawa pembinaan Jalan B27 telah dimulakan pada 15 Mac 2013 dan dijadualkan siap pada 18 Disember 2015. Manakala kemajuan sebenar sehingga kini sebanyak 19% berbanding jadual iaitu 70%. Dan yang kedua, persimpangan Jalan, Jalan Bristol, Kuang dijangka akan ditenderkan pada Jun 2015 pada tahun hadapan. Telok Datuk ada menyentuh berkenaan dengan pembinaan *fly over* dari Saujana Putera ke Elite dan SKVE. Kita mengambil maklum pada masa ini tidak ada lagi sebarang perancangan untuk membuat kajian kesesuaian pembinaan *fly over* di Persiaran Saujana Putera seperti mana yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Telok Datuk. Kota Anggerik ada membangkitkan berkenaan dengan permasalahan trafik di Jalan B49, Persiaran Mokhtar Dahari. Disarankan untuk dilebarkan. Dan untuk makluman, Jalan B49, Persiaran Mokhtar Dahari ini dijangka juga akan di tender pada Januari 2015. Paya Jaras ada membangkitkan berkenaan cadangan projek menaik taraf Jalan B131. Ianya telah pun dimasukkan dalam *list* untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Paya Jaras juga membangkitkan persoalan berkenaan dengan jalan-jalan melalui tanah persendirian. Dan seperti mana telah pun dijawab oleh salah seorang EXCO

bagaimana proses pengambilan tanah sebagai rizab jalan ini biasa dilakukan oleh agensi. Paya Jaras juga membangkitkan persoalan dengan jalan alternatif Kampung Seri Indah ke Hospital Sungai Buloh. JKR akan membuat kajian kemungkinan *feasibility study* untuk cadangan di jalan alternatif tersebut. Selat Klang ada membangkitkan berkenaan dengan pampasan yang munasabah untuk pengambilan balik tanah bagi projek Jambatan Ke-3 Fasa 2.

Tuan Speaker, pembayaran pampasan yang munasabah akan dinilai oleh Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta, JPPH daripada segi reka bentuk, penentuan jajaran dan sebagainya telah pun mengambil kira *optimisation* iaitu mengurangkan pengambilan lot tanah persendirian di samping memastikan penggunaan trafik secara maksimum atas rizab jalan yang sedia ada. Dan ada juga di kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat membangkitkan permasalahan berkenaan jalan-jalan federal. Saya yakin dan percaya di peringkat Jabatan Kerja Raya yang mengurustadbirkan negeri dan federal mampu untuk mengatasi ini dan minta kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mengajukan permasalahan ini secara *detail*.

Tuan Speaker, Ahli Dewan juga membangkitkan permasalahan banjir termasuk banjir kilat yang kita sedia maklum ini satu perkara sangat serius dan pihak kerajaan mengambil ini satu perkara yang berat dan cadangan supaya ditubuhkan jawatankuasa khas banjir itu satu cadangan yang baik. *task force* banjir. Dan insya-Allah, selepas daripada ni kita akan duduk dan bincang untuk mewujudkan *task force* banjir ini yang akan dianggotai oleh EXCO-EXCO. Begitu juga dengan agensi-agensinya yang terlibat, yang sedia maklum, yang diamanahkan untuk mengatasi permasalahan ini. Untuk pengetahuan sidang sekalian, Sungai Burong sebagai contoh ada membangkitkan permasalahan peruntukan dan juga prestasi. Untuk makluman sekalian, peruntukan diterima oleh untuk peruntukan banjir pada tahun 2014 oleh JPS Negeri Selangor adalah sebanyak RM20.67 juta. Dan perbelanjaan sehingga November 2014 adalah sebanyak RM9.78 juta iaitu pada kadar 47.32 % dan tanggungan sebanyak RM10.9 juta. Walau bagaimanapun komitmen sehingga Disember 2014 adalah RM20.67 juta bersamaan dengan 100%. Jumlah tender yang dipanggil untuk kerja-kerja tebatan banjir ialah sebanyak sembilan bilangan tender, kerja-kerja sebutan sebut harga untuk kerja-kerja tebatan banjir ialah 90 bilangan sebut harga. Dan projek-projek tender dan sebut harga yang telah siap bagi tender sebanyak dua dan sebut harga sebanyak 80. Sebanyak 7 tender dalam pembinaan akan disiapkan mengikut jadual pada tahun 2015.

Ahli Dewan juga ada membangkitkan, antaranya YB daripada DUN daripada Melawati membangkitkan isu kunci air Kampung Asahan dan Kampung Pauh yang sudah rosak. JPS telah mengambil tindakan sewajarnya dan perkara ini dijangka selesai pada 30 Disember 2014. Kerja telah pun bermula pada 2014 dan sepatutnya siap pada 15 September 2014. Isu parit-parit yang lewat diselenggarakan terutamanya di hujung tahun yang menyebabkan banjir kerja-kerja

penyelenggaraan telah lewat selama satu bulan dan kawasan tiada berlaku banjir. Untuk makluman YB Melawati kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan tersebut telah pun disiapkan. Bagi YB Sg. Pelek isu banjir di kawasan Dengkil terutamanya di kawasan Kg. Jenderam Hilir dan Kg. Paya Rumput di mana ban dan benteng sungai yang disarankan perlu dinaiktaraf bagi mengatasi masalah banjir di kawasan DUN Dengkil dan di kawasan sekitarnya pihak JPS akan mengambil tindakan segera untuk membaiki dan memperkukuhkan benteng sungai di kawasan tersebut. Manakala bagi langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah banjir di Lembangan Sg. Langat dan Sg. Labu pihak JPS telah memohon peruntukan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke 11 untuk rancangan tebatan banjir Sg. Langat adalah sebanyak RM200,000,000.00 dan rancangan tebatan banjir Sg. Labu adalah sebanyak RM50,000,000.00. Untuk isu banjir disebabkan oleh sistem perparitan yang perlu dinaiktaraf, sistem perparitan akan dinaiktaraf mengikut keperluan manakala rumah pam kekal akan dibina di Kg. Labu Lanjut dan Kg. Bukit Canggung serta di Kg. Labuhan Dagang. Teluk Datok ada membangkitkan berkenaan dengan isu Sg. Langat dan sistem perparitan sempit dan kecil. Untuk mengatasi masalah banjir kilat di Pekan Banting Fasa 1, kerja-kerja rekabentuk sedang dilaksanakan oleh perunding dan akan disiapkan pada awal tahun depan. Kerja-kerja pembinaan akan bermula pada pertengahan 2015 dan akan dijangka siap pada penghujung 2016. YB Kajang membangkitkan persoalan banjir kilat dan juga tindakan JPS berkaitan dengan banjir yang juga membangkitkan isu masalah sampah. Ini akan diselesaikan bersama-sama oleh pihak JPS dan juga PBT dan juga pemantauan semasa banjir telah dilaksanakan oleh pihak JPS sendiri.

YB DUN Rawang ada membangkitkan kaitan dengan menaiktaraf Sg. Gong dan Sg. Bakau. Bagi kejadian banjir kilat yang berlaku di Bandar Rawang projek menaiktaraf sistem saliran dan kerja-kerja berkaitan lain di Bandar Rawang fasa dua sedang dijalankan. Kos tawaran bagi kontrak ini ialah sebanyak RM3,283,102.50 yang telah bermula pada 25 Februari 2014 dan akan berakhir pada 24 Ogos 2015. Status terkini adalah kerja-kerja peralihan utiliti TNB, SYABAS, tiang elektrik milik MPS sedang dialihkan. Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran telah siap 50%. Kerja-kerja utama seperti *pipe jacking* dijangka akan bermula pada awal Disember 2014. Ini kerana tiang elektrik milik MPS dalam proses pengalihan. Projek pembinaan sistem saliran Taman Garing Mukim Rawang Daerah Gombak telah siap pada 1 Ogos 2014 dengan kos perbelanjaan satu juta enam puluh ribu tujuh ratus tiga puluh ringgit Malaysia. Kerja-kerja menaiktaraf Sg. Rawang di Kg. Datuk Lee Kim Sai Mukim Rawang Daerah Gombak telah disiapkan pada 3 Julai 2014 dengan kos perbelanjaan RM2,227,365.00 juta. Reka bentuk terperinci Sg. Kundang, Sg. Kuang serta kerja-kerja lain berkaitan di Kg. Baru Kundang dalam peringkat "*detail design*" dijangka dapat diiklankan pada Januari 2015 yang dijangka akan menelan kos kontrak sejumlah RM5 juta.

Untuk makluman pihak YB Rawang terdapat tiga projek menaiktaraf yang telah diluluskan di bawah peruntukkan caruman parit bagi tahun 2015 di Rawang Daerah Gombak.

1. Menaiktaraf Kolam takungan banjir Sg. Gong dengan keluasan lapan ekar dengan peruntukkan diluluskan sebanyak RM5 juta.
2. Projek menaiktaraf Sg. Garing Fasa 2 mengatasi masalah banjir serta naiktaraf kolam takungan Sg. Garing dan kerja-kerja yang bersangkutan Mukim Rawang Gombak dengan kelulusan RM250,000 untuk peringkat awalan reka bentuk terperinci dan kerja-kerja ukur.
3. Projek menaiktaraf Sg. Bakau mengatasi masalah banjir serta kerja-kerja yang bersangkutan Mukim Rawang Gombak dengan kelulusan RM250,000 ke peringkat awalan reka bentuk terperinci dan kerja-kerja ukur.

Juga dibangkitkan berkenaan tindakan-tindakan berkesan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini di samping kontrak utama yang sedang berjalan kerja-kerja penyelenggaraan seperti kerja-kerja penggalian semula Sg. Gong telah disiapkan pada Julai 2014 dengan kos perbelanjaan RM60,000. Kerja-kerja penggalian semula Sg. Bakau sedang dilaksanakan dijangka siap pada 20 Disember 2014 dengan kos tawaran RM73,100.00 Kerja-kerja penggalian Sg. Rajah sedang dilaksanakan dijangka siap pada 20 Disember 2014 dengan kos tawaran RM70,100.00 dan kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan banjir Taman Garing telah disiapkan pada 21 November 2014 dengan kos perbelanjaan RM12,250.00. Dan berkaitan dengan Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan sejumlah peruntukkan sebanyak RM388,000,000.00 yang melibatkan pembinaan kerja-kerja infrastruktur. JPS Daerah Gombak telah menerima peruntukkan Persekutuan bagi kerja-kerja kecemasan sejumlah RM150,000.00 dan peruntukkan tersebut telah digunakan bagi kerja-kerja penggalian semula Sg.Pusu yang telah mengakibatkan banjir di Universiti Islam Antarabangsa pada September 2014 baru-baru ini.

Yang Berhormat-Yang Berhormat juga ada membangkitkan persoalan sumber air mentah. Saya kira sudah banyak kita perbahaskan di dalam menjawab soalan-soalan berkaitan dengan HORAS dan sebagainya dan kita doakan supaya musim tengkujuh sedang bersama kita sekarang ini mampu untuk memberikan sumbangan kepada empangan-empangan yang....

YB. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sedikit...

YB. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Silakan....

YB. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta penjelasan sedikit daripada EXCO mengenai HORAS ini memang saya nak dengar mengenai HORAS 600. Saya rasa agak sangsi juga apabila dalam jawapan soalan mulut pun ada dibangkitkan bila YAB beritahu mengenai dijangka siap pada September 2015. Tapi ada juga jawapan mulut yang saya dengar YAB juga beritahu tender akan mula dibina dimulakan pada tahun 2015. Jadi saya nampak macam tak begitu jawapannya ...iaitu tender akan dikeluarkan pada 2015 dijangka akan siap September 2015. Kita dimaklumkan dalam Dewan ini bahawa HORAS 600 ini melibatkan peruntukkan perbelanjaan hampir RM400 juta lebih. Jadi bagaimana tender dikeluarkan 2015, 2015 dijangka siap, September 2015. Jadi, saya nak minta maaf kalau mungkin saya punya catitan kurang tepat tapi saya dapat jawapan yang menimbulkan rasa sangsi. Boleh ke dalam tempoh waktu tender dikeluarkan tahun yang sama boleh disiapkan peruntukkan hampir 400 juta lebih ni. Itu yang saya nak mintak kalau boleh dijelaskan pada Dewan ini.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Permatang seperti mana yang telah pun dinyatakan HORAS 600 ini dijangkakan siap pada September 2015 adalah berkaitan dengan kolam-kolam yang memungkinkan untuk kita menikmati 600 mld. Dia ada beberapa fasa yang sepertimana yang saya sebut dalam jawapan mulut. Jadi sehingga September 2015 semua kolam mampu untuk mengeluarkan air dan mampu untuk kita salurkan ke Sg. Selangor sebanyak 600 mld. Dalam masa yang sama ada

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta siap tu siap sepenuhnya projek HORAS 600 ataupun hanya kerja-kerja mengeluarkan pasir saja....

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Siap sepenuhnya pada Disember 2016 sepenuhnya. Tapi pada September 2015 kita sudah pun mampu untuk menikmati keseluruhan air 600 mld sepertimana yang dijanjikan. Jadi telah banyak kita bicarakan mudah-mudahan dengan prestasi hujan dan juga tahap takungan empangan Sg. Selangor dan empangan Sg. Tinggi mampu menghilangkan kegusaran kita atas masalah seperti mana catuan yang pernah berlaku pada tahun ini. Tuan Speaker.....

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah.....kalau siap September 2015 boleh menikmati 600 mld patut siap sepenuhnya Disember 2016, lima belas bulan tu nak buat kerja apa...boleh menjelaskan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Dalam persoalan dalam menjawab soalan mulut, secara ringkasnya dia ada tiga fasa, saya mungkin perlu cari balik catatan tersebut. HORAS 600 ini pertama sekali proses-proses yang telah pun dan sedang dibuat oleh KSB untuk menggali kolam, kolam dan selepas kolam digali dia ada proses-proses *engineering* yang lain untuk menguatkan tebing-tebing kolam tersebut. Dalam masa yang sama air telah pun boleh diguna pakai. Dari segi

Engineering, kejuruteraan untuk kita mengukuhkan tebing sungai-tebing sungai tersebut yang akan juga diberikan kontrak tersebut dan ditender secara terbuka kepada pihak-pihak yang berkeelayakan. Dalam masa yang sama juga proses ataupun kerja-kerja landskap yang lain di kawasan sekitar HORAS begitu juga dengan pembikinan rumah pam, rumah pam yang secara sempurna. Dalam masa yang sama seperti yang saya sebutkan tadi September 2015 kolam telah pun siap, air sudah pun ada dan proses pengepaman boleh dibuat ke Sg. Selangor.

Tuan Speaker YB Teratai ada membangkitkan persoalan berkenaan dengan bekalan tenaga elektrik. Saya kira tidak perlu saya mengulangi ucapan YAB Dato' Menteri Besar berkenaan dengan bagaimana seriusnya komitmen kita Kerajaan Selangor untuk memastikan bekalan tenaga elektrik ini mampu dibekalkan ke negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang maju dan tidak merencatkan pembangunan-pembangunan yang telah pun dirancang. Jadi berdasarkan kepada unjuran permintaan dan keupayaan bekalan tenaga elektrik maka dengan itu Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk meneruskan pelaksanaan dua projek talian penghantaran elektrik yang kritikal dan perlu disiapkan sepenuhnya dengan kadar segera iaitu talian 275kv iaitu PMU Bukit Tarik ke PMU Churbadak. Dan juga talian 275kv ke PMU Mahkota Cheras. Bagi talian 275kv PMU Bukit Tarik dan PMU Churbadak yang dibangkitkan oleh Sg. Panjang berkenaan dengan kelewatan dan proses yang terlalu lama diambil untuk mengatasi permasalahan yang mungkin kita boleh sebut sebagai Sg. Terentang ini telah pun lama sebenarnya proses telah pun selesai. Kerajaan Negeri melalui MMKN 5/2014 pada 5 Februari 2014 bersetuju supaya laluan pinggir hutan iaitu diantarai Hutan Simpan Bukit Lagong dan Hutan Simpan Kanching sejauh 6.1 km melibatkan keluasan hutan simpan seluas 36.42 hektar digunakan. Dan sekarang ni pihak TNB dalam proses berurusan dengan Jabatan Hutan untuk mendapatkan laluan untuk masuk dan meneruskan kerja-kerja yang sepatutnya. Begitu juga dengan talian 275 ke PMU Mahkota Cheras yang dibangkitkan oleh YB Teratai yang saya cukup terharu sebenarnya dan kagum dengan kesungguhan YB Teratai yang sering kali berinteraksi dengan pihak penduduk begitu juga dengan pihak EXCO dalam tempoh masa seminggu dua pun telah datang berjumpa dengan saya dan sebagainya. Dan sebagaimana yang disebutkan tadi Kerajaan Negeri juga melalui MMKN 24/2014, 25 Jun 2014 telah menimbang dan bersetuju projek ini tidak akan melalui kawasan perumahan dan sebaliknya melalui jajaran yang melalui rizab hutan simpan Bukit Seputeh seperti yang diluluskan pada MTES 9 Disember 2011. Projek talian 275kv ini ke pmu Mahkota Cheras akan memberikan impak langsung kepada kemajuan beberapa projek mega yang lain seperti kv MRT, Loji Rawatan Air Langat 2 dan Lebuh raya SUKA. Jadi secara keseluruhannya kesinambungan bekalan elektrik yang mencukupi akan diberikan perhatian serius selari dengan pembangunan rancak Negeri Selangor terutamanya beberapa kawasan yang akan tumbuh dengan pesat seperti di kawasan Sungai Buluh, Kuasa Land, Petaling Jaya Icon City, PJ Central serta ICT Shah Alam.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya, Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih, Puan Speaker. Saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO yang mana memang dah mengkaji bagi isu bekalan elektrik dengan pemasangan pencawang elektrik ini, sama ada pihak TNB telah membekalkan laporan dengan izin, SIA dan juga EIA, kepada pihak Kerajaan Negeri. Seperti mana yang telah dijanjikan dan sama ada Kerajaan Negeri telah mengkaji kesesuaian untuk meminta TNB untuk memasang kabel bawah tanah di mana TNB telah membuat pemasangan kabel bawah tanah di Putrajaya. Walaupun bagi kilovolt dengan 275 ini, agak tinggi tapi sebelum ini TNB tidak pernah membuat kabel bawah tanah sebelum bermula projek di Putrajaya ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Yang Berhormat Teratai. Berkaitan dengan laporan-laporan itu, saya akan membuat semakan, saya yakin proses-proses yang perlu dibuat telah pun di laksana dan disempurnakan. Berkaitan dengan kabel bawah tanah, pihak kerajaan telah pun menyemak dengan pihak TNB, dan di sana mungkin ada ruang-ruang yang boleh kita duduk dan bincang. Tapi hasil daripada respons, maklum balas daripada pihak TNB, menyatakan bagaimana projek talian, atas penghantaran TNB melalui kawasan Teratai dan Ampang, secara keseluruhannya adalah melibatkan talian atas penghantaran 275 dari PMU Kampung Pandan ke PMU Ampang IS, di kawasan Hulu Langat, Selangor yang melalui kawasan Ampang. Dan keduanya, atas penghantaran 275 KV ke PMU Mahkota Cheras melalui kawasan Teratai. Talian-talian atas penghantaran yang bervoltan tinggi tersebut adalah merupakan *main trunk system grid national*, bertujuan bagi menyalurkan bekalan elektrik ke kawasan Lembah Klang. Penggunaan kaedah talian atas penghantaran dan bukanlah kabel bawah tanah ini adalah sama sepertinya diamalkan oleh keseluruhan utiliti di serata dunia bagi memastikan bekalan elektrik stabil dan berdaya harap ataupun *reliable*.

Tuan Speaker, pihak TNB melaksanakan projek talian atas penghantaran bervoltan tinggi yang secara langsung melibatkan kawasan Teratai dan Ampang dan tidak dengan kaedah kabel bawah tanah adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut :-

- 1) Sistem Grid National terdedah kepada risiko ke tidakstabilan sistem dengan penggunaan kabel bawah tanah. Aspek keutuhan dan keboleharapan sistem *Grid National* talian atas adalah amat kritikal bagi mengelakkan daripada berlakunya *major black-out* atau *pro-long major black-out*. Talian atas voltan tinggi juga itu boleh dilengkapi dengan satu sistem yang dipanggil sebagai *Skim Auto Re-Close*, yang mampu menghidupkan semula talian berkenaan dalam tempoh 0.75 saat selepas terpelantik, ataupun trip, akibat kerosakan talian atas

tersebut. *Skim Auto Re-Close* ini tidak boleh diguna pakai pada sistem kabel bawah tanah atas sebab-sebab operasi, teknikal dan keselamatan. Operasi *Skim Auto Re-Close* ini terlalu pantas sehingga pengalihan kuasa elektrik melalui talian atas voltan tinggi yang lain tidak diperlukan dan sekali gus mengelakkan *Cus Cadet Tripping* yang boleh menyebabkan *major black-out*.

- 2) Kerumitan pengesanan lokasi kerosakan kabel bawah tanah berbanding dengan talian atas penghantaran. Pengesanan kerosakan pada kabel tanah adalah satu yang merumitkan, oleh sebab kedudukannya yang agak dalam di bawah tanah dan juga jalan raya. Teknologi *On-line Fault Locater* tidak boleh dipakai untuk kabel bawah tanah. Tanpa *On-line Fault Locater* ini, pengesanan lokasi kerosakan pada kabel bawah tanah akan mengambil masa selama beberapa hari atau beberapa minggu kerana kawasan yang disyaki berlakunya kerosakan terpaksa dikorek. Dan juga sebaliknya pengesanan lokasi kerosakan kekal pada talian atas dapat dikenal pasti dengan cepat dan tepat dengan menggunakan peralatan *On-line Fault Locater*. Begitu juga dengan tempoh pembaikan kerosakan kabel bawah tanah mengambil masa yang panjang atas sebab-sebab teknikal-teknikal yang lain. Namun demikian tempoh pembaikan sebarang kerosakan talian atas penghantaran hanya mengambil masa yang singkat dan tidak melebihi sehari kerana alat-alat gantinya tidak mempunyai jangka hayat dan boleh di stok kan dengan sempurna. Disebut tentang Putrajaya tadi, dia adalah merupakan talian yang bukannya yang bervoltan *grid national* sebegini, dia hanya 130 KV sahaja. Maka atas teknikal itulah, maka syor supaya diteruskan untuk tidak kabel, pemasangan kabel di bawah tanah ini.

Seterusnya, Sekinchan ada membangkitkan berkenaan dengan projek Lebuh raya Pantai Barat WCE. Sehingga 31 Oktober 2014, status kemajuan pelaksanaan Projek Lebuh raya Pantai Barat (WCE) adalah di peringkat reka bentuk terperinci oleh juru perunding yang dilantik oleh pihak konsesi. Proses pengambilan balik tanah sedang giat di laksanakan untuk jajaran dari persimpangan New Klang Valley Ekspressway (NKVE), Lebuh raya Persekutuan 2 FRU ke persimpangan New North Klang Strait By-pass. Dan juga dari NNKSB ke kapar. Kerja-kerja awalan seperti kerja ukur dan penandaan, mengesan saluran utiliti dan siasatan tanah juga sedang dijalankan di jajaran tersebut.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sedikit pertanyaan. Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat Taman Templer, saya nak tahu tentang WCE ini, jajaran daripada Tanjung Karang hingga ke Sabak Bernam, dia menggunakan jajaran mana. Kalau dulu menggunakan Persekutuan 5, sekarang macam mana.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Pada 27 Ogos 2014, saya kira itu keputusan yang paling mutakhir sekali. Di mana Kerajaan Negeri melalui MTES telah pun bersetuju cadangan perubahan dan pembinaan jajaran alternatif oleh pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia, iaitu jajaran melalui terusan utama iaitu Ban *Canal*, bagi menggantikan jajaran Federal Road 5 dan kebenaran memasuki tapak untuk kerja-kerja kajian impak alam sekitar AIA, kajian impak AIA dan kajian impak sosial AIA yang akan di laksanakan oleh JKR Malaysia. Seterusnya Yang Berhormat juga ada menyentuh berkenaan pertanian khususnya daripada Yang Berhormat Bukit Melawati, dan juga Yang Berhormat Tanjung Sepat. Kerajaan Negeri berhasrat memberikan komitmen yang, *Insyah-Allah*, lebih terancang, bersepadu dan berinovasi bagi sektor pertanian. Sektor ini mensasarkan pencapaian produktiviti yang tinggi dan menghasilkan bahan makanan yang berkualiti, selamat dan mesra alam sekitar. Komitmen ini diharap dapat menyumbang kepada pendapatan petani dan tahap sara diri rakyat negeri Selangor serta alam sekitar yang lestari di negeri ini. Untuk tujuan itu sektor pertanian akan dipertingkatkan melalui beberapa program. Antaranya program meningkatkan pengeluaran hasil tanaman. Melalui program pembangunan tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran, buah-buahan, kelapa dan program tanaman industri seperti nanas dan umbisi, Kerajaan Negeri mensasarkan tahap sara diri daripada 45.87% pada tahun 2013 dan kepada 46.13% pada tahun 2014. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM27 juta untuk program-program tersebut di bawah RMK 10 dan program pembangunan tanaman makanan menyasarkan untuk mewujudkan lebih ramai golongan usahawan tani dengan pendapatan melebihi RM4,000.00 sebulan melalui strategi seperti berikut :-

- 1) Penggunaan teknologi dan inovasi yang sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad di negeri Selangor ini sebagai contohnya teknologi fertigasi.
- 2) Mempertingkatkan kawalan musuh tanaman yang menjejaskan hasil tanaman program *integrated pest management*, pengawalan perosak penyakit bersepadu.
- 3) Pengeluaran produk pertanian lestari berkualiti tinggi melalui persijilan My-Gab dan SOM. Inovasi amalan teknologi pertanian dan teknologi lepas tuai memperkukuhkan jaringan pasaran melalui kerjasama antara agensi dan menggunakan *variety* atau klon terpilih bagi keperluan tempatan, eksport dan aktiviti hiliran.

Untuk menjamin pengeluaran hasil padi yang merupakan *food security* secara berterusan, program peningkatan hasil padi negeri Selangor di teruskan, di mana insentif disalurkan kepada pesawah untuk meningkatkan purata hasil kepada 7.5 metrik tan sehektar. Melalui program ini, peningkatan hasil padi adalah memberangsangkan di mana purata hasil padi negeri Selangor adalah yang tertinggi di Malaysia pada masa ini iaitu 6.4 metrik tan per hektar. (TEPUK). Manakala

program *natural farming* membantu dalam mengurangkan kos operasi petani serta menjana pendapatan tambahan hasil jualan produk *natural farming*. Dalam masa yang sama juga Kerajaan Negeri akan dan sedang mengambil beberapa inisiatif bagi meningkatkan hasil padi sebagai contoh pemberian bantuan baja mikrob sebagai baja tambahan dan dalam masa yang sama ianya bertindak sebagai agen untuk pereputan jerami, mengawal padi angin, rawatan dan pencegahan penyakit *bakteria live blide (BLB)*. Selain itu bagi menambah pendapatan petani, Kerajaan Negeri juga turut mempromosikan sumber baru pertanian seperti penanaman herba dan juga madu kelulut sebagai salah satu strategi mengoptimalkan penggunaan tanah yang semakin terhad. Galakan penanaman herba adalah untuk menghasilkan produk hiliran herba yang mempunyai nilai perubatan yang tinggi yang boleh memperluaskan penggunaannya ke luar negara. Manakala pengenalan kepada integrasi tanaman dan ternakan lebah kelulut turut menjadi salah satu alternatif menjana pendapatan tambahan.

Yang keduanya, amalan pertanian baik untuk hasil berkualiti dan selamat. Tuan Speaker, pengguna pada masa ini, kini di Malaysia dan seluruh dunia didapati semakin peka kepada kesihatan dan keselamatan makanan. Permintaan terhadap produk makanan yang bebas dari bahan kimia berbahaya serta mesra alam semakin meningkat. Atas kesedaran itu Kerajaan Negeri juga bertanggungjawab untuk mempromosikan amalan pertanian baik dan pertanian lestari untuk memastikan alam sekitar terus terpelihara dan kesihatan pengguna terjamin. Persijilan Amalan Ladang Baik, My-Gab dan Skim Organik Malaysia, SOM, adalah satu usaha untuk memastikan pengeluaran makanan yang mengamalkan amalan pertanian yang baik dan menggunakan bahan kimia secara terkawal dan minimum. Sehingga Oktober 2014, seramai 172 petani di Selangor telah mendapat persijilan My-Gab. Dan selama 4 tahun berturut-turut negeri Selangor kekal sebagai penerima persijilan tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Dan yang ketiga, program pertanian lestari

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan. Tuan Speaker, penjelasan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak tanya, apakah rancangan kerajaan dalam usaha untuk membangunkan tanah-tanah terbiar yang begitu banyak di negeri Selangor.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tanah-tanah terbiar yang banyak di negeri Selangor akan dikenal pasti. Dari sudut kesesuaian, sudah pastilah dari sudut pertanian kita memang kekurangan tanah-tanah pertanian dan sekiranya tanah-tanah tersebut sesuai dan melepasi dari sudut pra syarat-pra syarat yang lain, sudah pasti dari sudut pertanian amatlah diperlu. Berkenaan dengan program pertanian lestari tadi, untuk mengukuhkan lagi usaha ke arah penanaman pertanian yang baik oleh seluruh petani Selangor, program pertanian lestari merupakan program

menyokong usaha tersebut. Program ini menerapkan pertanian yang baik dari mula penanam hinggalah penuaian hasil. Program ini dimulakan di desa dengan menggunakan konsep pembangunan komuniti berasaskan aset sekitar. Konsep ini berkesan kerana penglibatan aktif pemimpin komuniti, pemimpin desa menggunakan aset setempat secara optimum. Diantarai objektif program pertanian lestari ini menggunakan bahan mentah atau sumber semula jadi yang ada di sekitar sebagai bahan asas produk yang digelar sebagai *natural farming*, mengurangkan penggunaan bahan agro kimia yang mahal dan boleh mendatangkan mudarat kepada petani dan mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna. Dan yang terakhir, melestarikan pertanian dan memelihara sumber alam serta mengurangkan kos bahan input kimia, pada masa yang sama memberi pendapatan sampingan kepada petani terlibat melalui penghasilan produk *natural farming* yang boleh digunakan untuk tanaman sendiri ataupun dijual. Yang terakhir, maafkan saya, yang keempat, projek tanaman kekal pengeluaran makanan (TKPM). Tuan Speaker, pewujudan kawasan tanaman kekal pengeluaran makanan (TKPM) telah dapat membantu meningkatkan pengeluaran bahan agro makanan. Bagi mencapai matlamat ini Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah konstruktif seperti memberi sokongan infrastruktur, kemudahan serta perkhidmatan yang lengkap. Penggunaan teknologi moden dan pengeluaran mengikut amalan pertanian yang baik. Langkah ini dapat meningkatkan produktiviti serta mengeluarkan produk agro makanan yang berkualiti dan selamat dimakan. Seterusnya pemasaran hasil ladang dapat diperbaiki dan pendapatan usahawan yang menyertai projek ini juga dapat ditingkatkan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah mewujudkan kawasan TKPM di negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM7,560,000.00 di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Keseluruhan kawasan TKPM negeri Selangor adalah 21,212 hektar yang melibatkan seramai 374 usahawan dan juga syarikat swasta. Pada tahun 2013, jumlah pengeluaran TKPM di Negeri Selangor adalah sebanyak 282,344 metrik tan dengan nilai RM30.46 juta TKPM di Negeri Selangor

TUAN SPEAKER: Banyak lagi Taman Templer boleh ringkaskan

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Sikit lagi. TKPM di Negeri Selangor telah menyumbang sebanyak 43% daripada jumlah pengeluaran keseluruhan TKPM Malaysia tahun ini pengeluaran di sasaran adalah RM31.4 juta. Dan ada Yang Berhormat membangkitkan persoalan dengan TKPM Bestari Jaya yang beroperasi di tanah hak milik Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) di mana kawasan tersebut terlibat dengan Projek HORAS pembinaan takungan air mentah di Negeri Selangor. Dan Kerajaan Negeri telah berunding dengan pihak Kumpulan Darul Ehsan Berhad untuk membolehkan peserta-peserta TKPM ini terus mengusahakan projek mereka sehingga Jun 2015. Kerajaan Negeri juga berusaha untuk mengenal pasti kawasan lain yang sesuai untuk menempatkan semula peserta-peserta yang terlibat. Yang ke5 Program Industri Asas Tani juga menjadi satu perkara yang akan kita menjadi

fokus supaya untuk mempergiatkan usaha melibatkan petani bagi usahawan Industri Asas Tani ini. Yang ke-6 yang terakhir saya kira membangunkan kumpulan sasar ini juga Program Perkembangan dilaksanakan oleh 57 orang agen perkembangan kawasan yang berhubung terus dengan kumpulan sasar di kawasan-kawasan khidmat mereka. Yang ke7 berkaitan dengan Moral Febami mungkin saya akan menjawab dalam persoalan dalam menjawab soalan-soalan mulut nanti. Saya rasa itu sahaja Tuan Speaker. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama sekali saya panjatkan rasa syukur dan berterima kasih kerana setelah saya merujuk kepada nota dan mengikuti perbahasan saya mendapati seramai 34 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan dan daripada jumlah tersebut 28 daripada mereka adalah Ahli Dewan Negeri Kerajaan dan 6 orang Ahli Dewan Negeri daripada Pembangkang. Saya menyambut baik pandangan dan teguran kritikan dan juga nasihat yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan ini membuktikan sebagai sebuah pentadbiran yang mengamalkan demokrasi, transparansi dalam perbahasan di Dewan ini cukup penting demi memastikan dasar-dasar yang akan kita laksanakan sentiasa bersifat membangun dan peduli rakyat. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang tekun mendengar dan mengikuti perbahasan dan telah pun memberikan perhatian kepada beberapa isu yang dibangkitkan dan telah memberikan jawapan berdasarkan Jawatankuasa Tetap masing-masing. Maka pada petang ini saya akan menyentuh dan menjawab beberapa persoalan yang mungkin perlu ditegaskan dan juga dari segi dasar dan polisi Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Tuan Speaker beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh isu penstrukturan semula Industri Air Selangor yang turut melibatkan perbincangan mengenai kadar tarif kandungan perjanjian air pembangunan Langat 2, NRW dan juga Program Air Percuma. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Tuan Speaker perkara-perkara ini telah pun saya huraikan dengan panjang lebar dalam sesi soalan jawab semalam. Maka saya mohon izin kepada yang Berhormat Tuan Speaker untuk tidak mengulangi perkara-perkara yang sama. Dan boleh kita merujuk kepada *handsard* disediakan oleh Sekretariat Dewan Undangan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang berkaitan yang perlu saya jawab pada petang ini. Khususnya YB Kota Damansara Utama yang telah membangkitkan isu paras air di empangan. Apakah pertambahan yang berlaku dalam tempoh beberapa bulan ini. Setelah melihat cuaca hujan yang lebat dan apakah kedudukan paras air di empangan ini masih di tahap kritikal. Mengikut data yang berkenaan dengan ini takungan simpanan air mentah di kedua-dua empangan iaitu di Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tengi. Sebelum tahun 2012 biasanya pada awal tahun ekoran musim tengkujuh hujung tahun sebelumnya biarnya mencatat paras takungan pada tahap 95% ini sebelum 2012. Namun kalau kita lihat statistik yang

berlaku pada tahun 2014 data paras empangan Sungai Selangor dan Sungai Tenggi adalah seperti berikut. Pada awal 2014 parasnya ialah 65.20%. Kemudian terus menurun kepada September tahun ini turun kepada 35.69%. Tetapi semenjak 2 bulan kebelakangan ini ia meningkat pada 26 November 2014 paras ia mencatatkan 58.11%. Maka bagi akhir tahun ini dan awal tahun 2015 kita menjangkakan paras ini terus meningkat kepada 65 hingga 70%. Manakala Empangan Sungai Tenggi pada awal tahun 2014 mencatatkan 88.45%, menurun sehingga suku tahun ke-3 ini kepada 42.23%, tetapi pada 26 November 2014 ia meningkat kepada 52.92%. Dan kita menjangkakan pada hujung tahun ini awal tahun depan ia dapat mencatatkan paras 65 hingga 70%. Namun saya menyatakan di sini paras yang akan kita catatkan ini masih jauh lebih rendah daripada apa yang berlaku sebelum tahun 2012. Penurunan paras ini adalah disebabkan keadaan cuaca panas yang luar biasa dan ditambah juga dengan penurunan kadar hujan yang ketara. Saya ini memberikan statistik sebagai contoh pada tahun 2012 pada bulan Februari jumlah hujan bulanan yang turun di empangan ialah mencatatkan 214 milimeter, tetapi bagi tahun ini pada bulan yang sama Februari 2014 jumlah hujan bulanan yang turun hanya 2 milimeter. Ini menunjukkan betapa serius kesan penurunan simpanan di empangan ini akibat daripada cuaca yang panas dan juga penurunan kadar air hujan. Namun Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah yang proaktif untuk mengatasi penurunan yang berterusan ini khususnya di dua-dua empangan tersebut dengan mengepam sejumlah 800 juta liter hari air mentah daripada 9 kolam di Bestari Jaya dan juga telah melaksanakan proses pembenihan awam. Untuk kerja-kerja pembenihan awam sukacita saya memaklumkan Kerajaan Negeri telah menggunakan 2 khidmat daripada 2 pihak. Yang pertama daripada TUDM dan yang kedua daripada syarikat swasta AFJIT Sdn Bhd. Dan jumlah operasi pembenihan awam yang dijalankan di kawasan di tadahan air Empangan Sungai Selangor dari Mac 2014 sehingga November 2014 ialah sebanyak 191 kali dan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM3.5 juta. saya juga ingin memaklumkan kedudukan di empangan lain di Negeri Selangor. Empangan Sungai Batu sehingga 26 November 2014 mencatatkan 97.7%, Empangan Genggiti 99.74%, Empangan Langat 100%, Empangan Semenyih 76% dan Empangan Tasik Subang 74.50%. Setakat November 2014 paras simpanan air mentah di semua empangan air di Negeri Selangor telah pun melepasi paras kritikal. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pembinaan HORAS Yang Berhormat daripada Taman Templer yang dipertanggungjawabkan dan telah pun memperincikan. Namun saya mohon keizinan untuk memberi sedikit maklumat tambahan mengapa Projek HORAS ini amat penting bagi Kerajaan Negeri. Kita sedia maklum Kerajaan Negeri telah pun memulakan Projek Mitigasi 2 untuk meningkatkan keupayaan loji rawatan SSP1, SSP3 dan loji rawatan besar. Maka untuk menjayakan Projek Mitigasi ini kita memerlukan bekalan air mentah yang mencukupi. Sebab itu Projek HORAS ini amat penting untuk bekalkan air mentah bagi menjayakan program Mitigasi 2 yang saya nyatakan tadi untuk meningkatkan keupayaan bagi ketiga-tiga loji rawatan di SSP1 kepada tahap 1,500, SSP3 800 dan loji rawatan besar 250 dan juga meningkat keupayaan sistem pengagihan. Maka tanggungjawab negeri untuk memastikan

bekalan jumlah air mentah yang mencukupi bagi ketiga-tiga loji rawatan yang berkenaan. Saya telah menyatakan tadi bagaimana paras simpanan di 2 empangan utama di Negeri Selangor yang masih lagi belum mencatatkan satu paras yang boleh meyakinkan walaupun ada peningkatan dalam tempoh 2 bulan pada akhir tahun 2014. Maka mulai April 2014 kita telah memulakan mencari punca-punca bekalan air mentah di Empangan Air Sungai Selangor. Pertama daripada pelepasan air mentah datang daripada empangan 2 yang saya nyatakan tadi. Tetapi kebimbangan kita tadi kalau tahap paras yang rendah maka kita kena cari sumber air mentah yang lain. Yang ke-2nya aliran asas air di Sungai Selangor tetapi sekali lagi kalau keadaan hujan tidak lambat, maka ia juga akan menjejaskan. Maka kita mencari sumber yang ke-3 untuk kolam automatik yang berupaya bekalkan 800 juta liter sehari di 9 kolam yang saya nyatakan tadi. Bagi Pembinaan HORAS 600 oleh sebab YB Permatang membangkitkan tadi ada *disdut* ataupun dari segi tarikh. Saya hendak menyatakan di sini ya Pembangunan HORAS 600 bermula pada Mac 2014 dan tempoh siap keseluruhan projek Pembangunan HORAS adalah dalam tempoh 3 tahun. Yang dinyatakan tadi September 2015 ialah kita menyiapkan kolam-kolam tersebut di untuk Horras 600. Status pembangunan Pembangunan HORAS 600 ini setakat ini ialah pada tahap 35% dan ia akan siap sepenuhnya pada 2015. tarikh yang diberikan September 2016 ialah Pembangunan Rumah-rumah Pam di HORAS 600 ini. Itu YB Taman Templer sebut pada beberapa fasa yang perlu kita lengkapkan. Walau bagaimanapun, walaupun HORAS 600 ini belum siap sepenuhnya pada ketika ini hanya 35% dari kemajuan projek yang bermula pada 2 April 2014, HORAS 600 telah dapat membekalkan air mentah sebanyak 160 liter juta sehari pada tahun tahap 35%. Tetapi setelah siap September 2015 kita menjangkakan ia berupaya menyediakan bekalan air mentah sebanyak 600 juta liter sehari. Dan untuk Disember 2016 ia siap sepenuhnya termasuk Pembangunan Rumah Pam yang saya nyatakan tadi. Tentang HORAS 300,000 ia masih dalam kajian kerana ia melibatkan satu kos yang cukup besar dan kita ingin memastikan projek ini benar-benar mendapatkan manfaat keseluruhannya. Saya juga ingin membangkitkan perkara yang dibangkitkan oleh YB Sekinchan

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sikit penjelasan Menteri Besar. Berapa segi kos anggaran asal dulu ada disebutkan sekitar RM450 juta untuk HORAS 600. Jadi sehingga kini adalah Dewan ini maklumkan berapa kadar yang sebenarnya atau berapa yang paling hampir boleh menaikkan HORAS 600 ini.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB Permatang. Untuk HORAS 600 bagi kerja-kerja mengorek ya yang dijalankan ia melibatkan kos RM100 juta. Tetapi untuk pembinaan sepenuhnya termasuk pembinaan Rumah Pam dan kerja-kerja lain yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Taman Templer itu tadi ianya melibatkan kos RM200 juta jadi jumlahnya RM300 juta tetapi apabila kita jalankan secara tender terbuka kita percaya kos ini akan berlaku penjimatan daripada anggaran yang saya nyatakan tadi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta Penjelasan.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nak tanya Dato' Menteri Besar rancangan-rancangan ini saya nampak sekarang HORAS dan sebagainya kita akan belanja dekat RM300 juta atau tambah RM300 million yang lebih. Apakah jangkaan Kerajaan Negeri dengan adakan HORAS dan pada masa yang sama kita akan adakan Langat 2 pula yang akan bawa air juga daripada Pahang dan sebagainya. Adakah dua-dua ini telah pun dikira oleh Kerajaan Negeri dalam masa jangka panjang ini perbelanjaan yang kita buat sekarang untuk HORAS dan sebagainya *it just that are we spending over money* dan lepas itu Langat 2 macam mana kiraan Negeri Selangor ini terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Sri Andalas sukacita saya menjelaskan bahawa kos pembinaan HORAS 600 ini dalam fasa yang kedua pembinaan rumah pam RM200 juta itu di mana sebanyak RM100 juta adalah datangnya daripada hasil pasir yang diusahakan oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Dan apabila pasir ini dikorek dan hasil pasir itu akan menampung dan membiayai kos pembinaan HORAS 600. Walau bagaimana pun perkara yang kedua kita harus tegaskan di sini ialah apabila Kerajaan Negeri dapat mengesan dan mengenal pasti bahawa paras simpanan air mentah di Empangan yang besar ini, empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi yang besar ini semakin menurun. Ini akan menjejaskan kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor kita tidak mahu berlaku keadaan di mana ada lagi program catuan air ataupun bekalan yang terputus. Kerana kesan ekonomi kepada Negeri Selangor itu parah bukan sahaja kepada pengguna isi rumah tetapi juga industri yang memerlukan jaminan bekalan air ini tidak ada gangguan lagi. Sebab itu Kerajaan Negeri terpaksa mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk memastikan ada sumber-sumber air mentah yang lain seperti yang saya nyatakan tadi selain daripada 2 Empangan besar ini dan juga daripada Sungai Selangor kita merasakan belum cukup untuk menampung kekurangan yang ada. Maka sementara kita nak menunggu pembinaan Langat 2 mengambil mungkin masa kita tidak mahu ada gangguan pada tahun 2015, 2016 dan sehingga pada tahun 2017 maka langkah ini terpaksa kita ambil untuk menjaga kepentingan industri dan pengguna Negeri Selangor.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Sebab di persidangan sebelum ini kita dimaklumkan bahawa HORAS akan ditanggung oleh KSSB sepenuhnya. Sama ada ini benar atau kita akan, Kerajaan Negeri akan menampung sedikit sebanyak.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama seperti yang telah saya nyatakan sebanyak RM100 juta hasil dari penjualan pasir itu akan dibiayai oleh KSSB dan sebahagiannya 50% oleh dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Tuan Speaker saya juga ingin merujuk kepada...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing dulu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker selain pembinaan projek HORAS 600, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membaik pulih sistem untuk pam air daripada Sungai Selangor balik pada Empangan Sungai Tinggi, sistem untuk mengepam air yang dimaklumkan dulu ada terowongnya tetapi sekarang sistem itu tidak berfungsi lagi. So ini mungkin menjadi satu cara untuk mengisi Empangan Sungai Tinggi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya tiada ada makluman, yang dilakukan sekarang oleh kerana dua empangan yang saya nyatakan tadi, Empangan Sungai Selangor dan Empang Sungai Tinggi oleh kerana parasnya semakin menurun dalam satu dua bulan yang terakhir melihat sedikit peningkatan dan yang keduanya kita juga aliran asas ataupun *river bass flo* menurun oleh kerana keadaan cuaca yang begitu panas maka terpaksa mencari sumber yang ketiga untuk pembinaan HORAS. Jadi saya ingat tidak timbul kita nak pam air sebab air Sungai Selangor juga penurunan yang agak serius kita terpaksa mencari sumber yang ketiga, masuk ke Sungai Selangor daripada Sungai Selangor ke loji rawatan bagi merawat air sebelum disampaikan air bersih kepada pengguna. Yang Berhormat Tuan Speaker saya merujuk kepada perkara.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Soalan terakhir mengenai isu ini supaya Menteri Besar boleh pergi isu seterusnya. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker soalan saya adalah sangat penting tetapi amat ringkas iaitu daripada ucapan Yang Amat Berhormat tadi kita telah pun maklum bahawa isu atau pun faktor hakikat perubahan cuaca. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak eksekutif khususnya di pihak Menteri Besar apakah langkah-langkah proaktif yang kita boleh diambil untuk mengelakkan krisis air daripada berlaku. Kerana perubahan cuaca ini sekiranya ianya berlaku dengan lebih serius lagi HORAS mungkin tidak akan dapat menyelesaikan masalah malahan Langat 2 pun mungkin tidak akan menyelesaikan masalah kita dan pada masa yang sama permintaan terhadap air mentah semakin meningkat jadi saya ingin bertanya adakah apa-apa bentuk provokasi atau pun kerjasama antara pusat dengan negeri,

antara negeri ini dengan Negara yang lain, mencari satu jalan penyelesaian yang lebih holistik bagi menyelesaikan masalah perubahan cuaca iklim ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku sebelum itu ada satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing sebentar tadi tentang pam yang dikatakan tidak berfungsi untuk Empangan Sungai Tinggi saya dimaklumkan pam ini telah pun berjalan dan berfungsi sekarang. Tentang perkara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku seperti yang saya nyatakan tadi Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah proaktif apabila melihat keadaan cuaca yang panas air biasa dan berterusan. Dan kita juga melihat pengurangan kadar hujan yang agak ketara. Jadi antara langkah yang telah kita ambil kita mengepam daripada sejumlah 800 juta liter daripada 9 kolam-kolam di Bestari Jaya masuk ke dalam Sungai Selangor sebelum disalurkan kepada loji rawatan. Yang keduanya kita telah mengambil keputusan untuk menjalankan kerja-kerja pembenihan awan yang menelan kos sebanyak RM3.5 juta. Ini di antara langkah-langkah yang telah kita ambil tetapi beberapa cadangan lain sumber-sumber air mentah kira ada teknologi-teknologi baru sedang dikaji oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah yang dinyatakan tadi. Yang Berhormat Bukit Gasing ada bertanya tentang apakah Kerajaan Negeri akan meletakkan satu sasaran tentang rizab yang sedang kita catatkan pada hari ini. Pada jumlah 3.3 bilion ringgit dan sekiranya ada sasaran Yang Berhormat ingin mengetahui apakah formula untuk mencapai sasaran tersebut. Sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Bukit Gasing bahawa Kerajaan Negeri tidak bercadang menetapkan sasaran rizab yang perlu dicapai namun mengujudkan rizab pada tahap yang munasabah amat penting. Kemunasabahan ini adalah satu jumlah yang boleh menampung perbelanjaan negeri dalam tempoh setahun apabila berlaku sesuatu keadaan di mana hasil negeri mungkin menyusut secara mendadak, kelembapan ekonomi, bencana, insiden luar jangka. Seperti yang kita sedia maklum sekarang yang saya nyatakan dalam ucapan belanjawan Negara Jepun telah menyaksikan kelambatan ekonomi dalam suku tahun ketiga 2014. Dan Selangor perlu mengambil langkah-langkah untuk bersedia menghadapi kemelesetan ekonomi maka Kerajaan Negeri mengambil pendekatan kaunter siklikal supaya berbelanja untuk mengelakkan kemelesetan ini terus berlaku memberikan kesan yang negatif kepada rakyat di negeri ini.

Pada setakat ini kita memastikan rizab Kerajaan Negeri itu pada satu tahap yang cukup munasabah untuk membolehkan kita berbelanja sekiranya Negeri Selangor terkesan kemelesetan ekonomi. Saya juga ingin merujuk kepada Yang Berhormat Sekinchan yang meminta penjelasan mengenai pampasan kepada pegawai kakitangan MBI. Sekali lagi saya pohon persetujuan Tuan Speaker perkara ini telah saya jawab dengan panjang lebar dalam sesi soal jawab dan kita mengambil tindakan yang sewajarnya dalam mesyuarat MMKN pagi besok. Dan pada prinsipnya kita bersetuju laporan audit dibentangkan secara terbuka dalam sesi dewan ini juga. Yang Berhormat Sekinchan sekali lagi telah membangkitkan soal

kes Yang Dipertua Dewan Rakyat lawan Yang Berhormat Govind Singh. Dan sama ada Mahkamah Persekutuan ini terikat dengan undang-undang di Selangor dan apakah Kerajaan Negeri akan membuat pembayaran balik saranan, gaji dan elaun.

Yang Berhormat Sekinchan, keputusan kes yang, Yang Berhormat Puchong oleh Mahkamah Persekutuan adalah mengikat dan terpakai berdasarkan peruntukan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Peraturan-peraturan tetap Negeri Selangor adalah mempunyai persamaan dan berasaskan prinsip duluan mengikut namun keputusan Mahkamah Persekutuan ini terpakai ke atas dewan negeri dan bukan kepada Kerajaan Negeri. Memandangkan tindakan pergantungan ahli dan saraan gaji dan elaun telah dibuat oleh Dewan Negeri dan tidak melibatkan Kerajaan Negeri. Oleh itu cadangan sama ada saraan gaji dan elaun dipulangkan balik kepada ahli dewan negeri yang terlibat setelah mengambil kira keputusan mahkamah. Mahkamah Persekutuan hendaklah diserahkan kepada Dewan untuk dipertimbangkan.

Namun sebarang keputusan oleh pihak dewan juga mengambil kira kewajaran pulangkan semua berasaskan prinsip-prinsip perundangan yang sedia ada seperti tempoh masa dan pemakaian kes mahkamah persekutuan adalah untuk masa hadapan, terima kasih. Jangan ada soalan tambahan ya. Yang Berhormat Kampung Tunku telah membangkitkan soal pembelian 5 unit Al-Marwa Tower di Kota Mekah oleh PNSB. Sukacita saya memaklumkan lagi di dewan yang mulia ini sedikit latar belakang pembelian Al-Marwa Tower di Kota Mekah. Pada 14 September 2007 Lembaga Pengarah PNSB meluluskan pembelian 5 unit Apartmen di Al-Marwa Tower dengan jumlah keseluruhan pembelian RM8.4 juta kos operasi yang telah dibelanjakan PNSB bagi kelima-lima ini adalah bernilai RM9.1 juta, pendapatan yang diperolehi oleh PNSB ini sehingga kini berjumlah hanya RM1.7 juta. Pada 17 Mac 2014 Lembaga Pengarah PNSB memutuskan agar PNSB menjual kesemua unit Apartmen ini tender terbuka. PNSB telah pun melantik Jun Land Woodten mendapatkan nilai terkini bagi kelima-lima unit Apartmen malangnya nilai terkini bagi 5 unit berkenaan hanya bernilai pada RM7.56 juta. PNSB telah mengiklankan tawaran penjualan secara tender terbuka di dalam Akhbar Harian, NSTP dan Sinar Harian 9 Oktober 2014. Walau bagaimanapun pembukaan tender 24 November 2014 yang lalu mendapati tiada siapa yang berminat untuk membeli unit-unit berkenaan.

Sehubungan itu, PNSB bercadang untuk melantik pihak pengurusan Al-Marwa Tower sebagai ejen jualan yang dilihat berpotensi bagi mendapatkan prospek pembeli yang lebih luas dengan penawaran harga yang lebih baik.

Saya juga ingin rujuk kepada Perbahasan Kuala Kubu Baharu yang menyentuh soal rizab MARRIS dan ada kaitan dengan Perbahasan Kota Damansara. Masalah jalan yang diturap tetapi tidak sempurna dari segi kualiti kerjanya. Saya ingin menyatakan dalam Dewan Yang Mulia Ini tentang rizab MARRIS yang jarang sekali kita

bincangkan. Peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dimasukkan dalam Akaun Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri. Berikut dikemukakan trend baki terkumpul dari tahun 2011 sehingga 2013. Pada tahun 2011 jumlah yang terkumpul rizab MARRIS yang tidak diguna sejumlah RM320 juta. Sehingga 26 November 2014 jumlah yang terkumpul iaitu rizab MARRIS mencatatkan jumlah RM843 juta. Saya juga ingin mencadangkan kepada Dewan bahawa peruntukan MARRIS mulai tahun hadapan harus dibesarkan skopnya, selaras dengan skop penyelenggaraan jalan negeri yang dibenarkan di bawah garis panduan tatacara pengurusan pemberian penyelenggaraan jalan negeri di mana peruntukan MARRIS boleh digunakan untuk menyelenggara cerun. Selain daripada itu di bawah garis panduan yang saya nyatakan tadi terdapat empat kategori lain yang harus diberikan maklumat kepada Ahli-ahli Dewan Negeri supaya kita boleh mengoptimalkan penggunaan peruntukan MARRIS ini bukan sekadar untuk penyelenggaraan jalan tetapi skopnya cukup luas yang kita tidak dimaklumkan sebelum ini.

- 1) Penyelenggara *routine* atau pun berjadual iaitu kerja-kerja yang dijalankan mengikut tempuh masa yang telah ditetapkan. Sebagai contoh penyelenggaraan tanpa jalan, kerja-kerja pemotongan rumput dan landskap, pembersihan longkang di tepi jalan dan penyelenggaraan cerun. Semua boleh digunakan peruntukan MARRIS.
- 2) Penyelenggara berkala yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan sebagai contoh, menurap semula jalan, mengganti saliran, membaiki jambatan dan pemetung yang menghubungkan jalan dan menyelenggara lampu jalan dan lampu isyarat.
- 3) Penyelenggara kecemasan yang memerlukan tindakan segera sebagai contoh pokok tumbang, tembok penahan runtuh, jalan mendap, kegagalan benteng, pemetung dan perparitan runtuh.
- 4) Penyelenggara pencegahan yang melibatkan kajian cerun, ketahanan jalan dan lalu lintas.

Skop peruntukan MARRIS ini harus disebarluaskan kepada semua PBT dan saya berharap Ahli-ahli Dewan Negeri dapat menggunakan secara optima bagi menjamin kesejahteraan rakyat di kawasan masing-masing.

Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Kota Damansara mengenai kualiti kerja yang kurang memuaskan Kerajaan Negeri mengambil maklum tentang aduan-aduan yang telah kita terima maka baru-baru ini saya telah memutuskan untuk mengadakan latihan kepada semua agensi pelaksana masuk Jurutera-jurutera Daerah daripada PBT supaya menghadiri satu latihan yang dijalankan bersama dengan pihak Ikram supaya mereka dapat mematuhi spesifikasi yang di kemukakan

oleh pihak JKR dan kerja-kerja yang dijalankan akan lebih efisien dan bertanggungjawab.

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin merujuk kepada Perbahasan Kuala Kubu Baharu berhubung jumlah caruman parit di setiap PBT. Ini juga satu jumlah yang tersimpan dan terkumpul tanpa diberikan maklum balas kepada awam dan juga kepada Ahli-ahli Dewan Negeri dan saya ingin mencadangkan supaya Akaun Caruman Parit ini juga dimanfaatkan sepenuhnya oleh Ahli-ahli Dewan Negeri. Jumlah kutipan Akaun Caruman Parit yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri melalui JPS sehingga setakat ini berjumlah RM66.3 juta yang belum dibelanjakan. Mengikut Akta Tatacara Akaun Amanah Caruman Parit penggunaan peruntukan akaun ini adalah untuk membiayai perbelanjaan bagi kerja-kerja yang berkaitan dengan menaik taraf sistem saliran. Kejuruteraan Sungai Projek Tebatan Banjir, Projek Hidrologi dan Tebatan Banjir, maka ini saya mencadangkan kepada semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang mengenal pasti sistem saliran dan sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik dan menjadi punca masalah banjir kilat boleh memaklumkan segera kepada pihak JPS dan Pejabat Daerah dan saya telah memberikan pengarahannya kepada JPS supaya menggunakan peruntukan ini sepenuhnya iaitu daripada Akaun Amanah Caruman Parit bagi menyelenggara masalah-masalah tersebut.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ya, terima kasih Dato' Menteri Besar. Isu yang dijumpakan ialah ADUN berdepan dengan pengguna dan rakyat. Selalunya aduan terus kepada ADUN apabila kita sampaikan kepada pihak yang bertanggungjawab seperti PBT, JPS dan sebagainya kita tidak ada satu penjelasan tempoh masa tindakan akan diambil. Kadang-kadang 3 bulan, 6 bulan, setahun, dua tahun pun ada. Jadi boleh tak Kerajaan menentukan satu tempoh masa mekanisme yang spesifik sama ada peruntukan MARRIS atau pun Caruman Parit dan tempoh masa yang perlu diambilkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Y.B. Hulu Kelang, saya mengambil perhatian tentang cadangan yang dikemukakan. Ini adalah untuk menambah baik pengurus tadbir khususnya di peringkat PBT dan Agensi serta Jabatan yang berkenaan termasuk JPS supaya langkah-langkah yang proaktif diambil.

Seterusnya, saya juga ingin merujuk kepada Perbahasan yang dibuat oleh Y.B. Kuang, dia tak datang petang ini, dia di PWTC. Dia membangkitkan soal bahawa hasil pasir tiada direkodkan dalam Belanjawan 2015. Saya ingin menjelaskan bahawa semua kerja apabila bahan batuan ini dikeluarkan daripada tanah Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri akan mengenakan royalti. Dalam konteks pasir ini ianya

dikendalikan oleh KSSB dan hasil penjualan pasir ini akan dikutip oleh KSSB. KSSB dan kemudian KSSB akan membayar kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk royalti. Itu yang pertama dan royalti ini akan dimasukkan ke Akaun Hasil Disatukan manakala KSSB akan membayar dividen kepada MBI kerana KSSB ialah Anak Syarikat kepada MBI. Untuk maklumat Y.B. Kuang royalti yang telah dibayar oleh KSSB kepada Negeri daripada tahun 2008 hingga Oktober 2014 berjumlah RM67.7 juta dan dividen yang telah dibayar kepada MBI dari tahun 2009 hingga 2013 berjumlah RM40.5 juta. Y.B. Kuang juga membangkitkan senarai lokasi yang berlaku kecurian pasir. Ramai yang tertanya bagaimana mengetahui kejadian ini berlaku dilokasi-lokasi tersebut. Walau bagaimana pun, kita mengambil maklum tentang senarai yang dikemukakan oleh Kuang dan kita akan meminta pentadbir-pentadbir tanah yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Yang Berhormat Selat Klang ada membangkitkan tentang jeti awam, iaitu jeti awam di lot 7A, saya nak memaklumkan oleh kerana saya turun sendiri ke Pulau Ketam pada 17 Oktober dan kita mengambil tindakan yang segera. Apa yang kita janji kita kotakan tidak seperti Perdana Menteri dijanji nak hapuskan Akta Hasutan tapi dalam Perhimpunan Agung pagi ini dia menolak yang dia janjikan.

Jeti Awam, bila Jeti Awam di Lot 7A akan dibaiki, untuk maklumat Y.B. Selat Kelang pihak Lembaga Pelabuhan Kelang telah pun melantik Syarikat DRA Unit Resources untuk menjalankan kerja membaik dan mengganti struktur di Jeti Awam ke Pulau Ketam bermula 10 November 2014 yang lalu dan dijangka siap pada 29 Mac 2015 *insya-Allah*. Tanah tersebut tanah jeti awam ini telah pun diwartakan dan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah merupakan pegawai pengawal manakala pegawai penyelenggara adalah Lembaga Pelabuhan Kelang. Isu kedua yang besar yang dibangkitkan oleh Y.B. Selat Kelang dan juga menjadi rintihan penduduk-penduduk Pulau Ketam ialah mengenai permohonan hak milik tanah atau pun tol bagi penduduk di Pulau Ketam. Sebelum itu saya juga nak memaklumkan saya pergi ke Pulau Ketam pada 17 Oktober 2014 tak sempat makan ketam kerana saya melihat masalah rakyat, rakyat didahulukan. Saya turun dan bertemu dengan rakyat di Pulau Ketam antara isunya jeti, jeti 7A saya dah sudah sebut apa langkah diambil. Untuk jeti di Pulau Ketam tersebut sekembali daripada Pulau Ketam saya terus ke pejabat dan saya mengutuskan sepucuk surat kepada Menteri Pengangkutan Y.B. Datuk Seri Liow Tiong Lay iaitu keperluan kepada naiktaraf jeti di Pulau Ketam, Pelabuhan Kelang. Saya terus memaklumkan kepada Y.B. Menteri Pengangkutan bahawa terdapat keperluan yang cukup mendesak untuk menaik taraf jeti utama yang sedang digunakan oleh penduduk dan pelancong luar Pulau Ketam Pelabuhan Kelang. Saya memohon supaya Y.B. Menteri dan Kementerian dapat meneliti keperluan ini dengan segera bagi membaik pulih dan taraf jeti di Pulau Ketam. Seperti biasa lebih sebulan berlalu surat pun tidak berjawab.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Yang Berhormat tak salah Kementerian itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tak salah Kementerian?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya tak tahu salah siapa, tapi saya tanya mengapa...

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Kalau ikut saya kefahaman ...saya... Kementerian itu patut di bawah MOA.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tidak salah Kementerian kerana jeti di bawah Kementerian Pengangkutan, saya dah semak. Jadi kita sedang menunggu jawapan daripada Kementerian. Baik berhubung ...ya

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker, boleh saya mencelah. Terima kasih atas penjelasan YAB, keprihatinan, kepantasan tindakan YAB, tapi saya nak sebut sedikit yang saya sebutkan semalam bukanlah tanah TOL tetapi pemilikan tanah yang di peruntukan dalam Kanun Tanah Negara yang boleh diberi oleh Kerajaan Negeri, Tanah Kerajaan kurang daripada 99 tahun. Maknanya hak milik, geran bukan TOL.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB Selat Kelang, perkara itu masih dalam penelitian Kerajaan Negeri tetapi apabila saya berada di atas Pulau itu dan bertemu dengan penduduk mereka mengharapkan sekurang-kurangnya Kerajaan dapat mempertimbangkan untuk ketika ini diberikan hak milik lesen pendudukan sementara. Yang keduanya oleh kerana beberapa perkhidmatan untuk rakyat situ telah pun diberikan oleh Kerajaan Negeri tetapi kita tak mengutip sebarang hasil daripada mereka. Kutipan sampah dan jeti yang sedang kita usahakan ini maka kita bersetuju meneliti semula permohonan hak milik atau pun lesen pendudukan sementara Pulau Ketam. Untuk maklumat Y.B. Selat Kelang MMKN pada 12 November 2014 hanya 2 minggu setelah kita kembali dari Pulau telah meluluskan lesen pendudukan sementara kepada semua bangunan kediaman, perniagaan dan sangkar ikan di Pulau Ketam. Mengikut kadar bayaran di bawah Kaedah 22 Item 1 Kaedah-kaedah Selangor 2003 untuk LPS 2014 selaras dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor bertarikh 7 Jun 2013. Permohonan pembaharuan LPS bagi kediaman perniagaan dan sangkar ikan di Pulau Ketam untuk tahun 2015 akan dikenakan mengikut kadar yang akan ditentukan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor selepas kajian dan pindaan kaedah Tanah Selangor dibuat. Untuk maksud memberikan lesen pendudukan sementara Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM738,500 bagi pembiayaan awal kos bayaran ukur. Bagi 5 kawasan utama penempatan Pulau Ketam dan pengukuran baru bagi kawasan Sg Lima Pulau Ketam. Pada masa ini kerja-kerja pengukuran sedang dilaksanakan dan dijangka akan selesai pada penghubung Disember 2014.

Y.B. Permatang, Y.B. Bukit Melawati adan membangkitkan kedudukan tanah-tanah Kerajaan yang terbiar dan mencadangkan supaya diberikan TOL untuk kerja-kerja Pertanian. Saya mendengar dengan tekun walau pun datang daripada Pembangkang, saya memberi perhatian cadangan yang baik kita boleh mempertimbangkan cadangannya ialah seperti Y.B. Bukit Melawati mencadangkan sekurang-kurangnya kita memberi kebenaran secara bertulis untuk petani-petani ini mengembangkan industri mereka dan bercucuk tanaman, sayuran, ubi dan tanaman kontan, tanaman sementara dan begitu juga dengan Tanjung Sepat, Paya Jaras dan juga Permatang. Saya telah berbincang dengan Dato' Pengarah Tanah dan Galian pagi ini dan kita telah pun mengambil maklum tentang cadangan yang diumumkan dan kita bersetuju supaya perkara ini akan kita lakukan untuk mengenal pasti tanah-tanah Kerajaan yang sesuai untuk tujuan pertanian di mana.

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker,

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sekejap belum habis jawapan, di mana tanah-tanah ini kita akan wartakan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan dikawal selia oleh di Jabatan Pertanian dan kita akan pajak kita sewakan kepada petani-petani ini untuk tanaman-tanaman Kontan seperti pisang, ubi, sayur-sayuran dan ini akan membantu meningkatkan pendapatan mereka bagi keluarga yang berkenaan. Kita juga menimbangakan supaya tanah-tanah rizab TNB dan juga JPS di mana yang bersesuaian untuk maksud yang sama bagi tujuan yang saya nyatakan tadi.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya nak tanya kepada YAB Menteri Besar adakah Kerajaan bersedia untuk memberi kuasa kepada DO meluluskan tanah TOL keluasan lebih kurang 2 ekar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ini juga dalam perkara yang saya sebutkan tadi di mana kita akan mengenal pasti tapak-tapak dan tanah-tanah kerajaan yang bersesuaian untuk tujuan pertanian dan kita akan melihat mekanisme yang sesuai supaya tidak banyak birokrasi menganugerahkan tanah-tanah ini bagi tujuan yang saya nyatakan tadi.

Y.B. dari Bukit Melawati juga ada membangkitkan soal bahawa tidak ada peruntukan bagi perikanan. Saya telah merujuk balik kepada jadual perbelanjaan bagi tahun depan. Untuk maklumat Y.B. bawah Portfolio Infrastruktur Kemudahan Awam Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani ada satu kod projek 020001 Program Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak. Kalau sebelum ini peruntukan yang diberikan adalah jauh lebih kecil untuk tahun 2015 kita telah naikkan kepada RM3.2 juta. Jadi mungkin kita boleh bincang dalam peringkat jawatankuasa besok Y.B. Kemudian Y.B. ada bangkitkan tentang IADA Barat Laut

ini mengapa tidak ada kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, maklumat yang saya terima ialah ini bagi tujuan untuk membina tali air tetapi apa yang berlaku IADA telah memasuki kawasan Hutan dan kita minta perkara ini diselesaikan secara baik supaya ada permohonan yang dikemukakan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor kerana kita di Negeri Selangor kita mengamalkan dasar Pangkalan Hutan Simpan dan kita tidak mahu mana-mana pihak yang mencerooboh tetapi kalau ada permohonan kita boleh mengeluarkan permit penggunaan kepada IADA bagi tujuan yang berkenaan. Jadi saya tidak melihat satu masalah yang besar, itu masalah yang besar kita *friendly* dengan Persekutuan bagi kepentingan rakyat di Selangor. Kemudian ada juga dibangkitkan oleh Y.B. daripada Meru tentang PWB Pusat Wanita Berdaya. Sebahagiannya telah pun diterangkan oleh Y.B. EXCO dan setelah meneliti Perbahasan yang berjalan selama 3 hari ini perkara ini antara perkara yang banyak dibangkitkan oleh kedua-dua pihak dan kita sedia maklum bahawa penubuhan PWB ini amat penting untuk menggalakkan wanita dalam sesebuah komuniti untuk bergiat aktif dan melaksanakan aktiviti yang boleh mendatangkan pendapatan kepada komuniti tersebut. Dan kita juga telah mengenal pasti ada 12 bidang keutamaan yang akan memberi fokus dan akan dilaksanakan oleh PWB. Untuk maksud itu Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melantik seramai 56 orang penyelaras di setiap DUN dengan dibayar secara kontrak *for service* dengan bayaran elaun RM1,500.00 setiap bulan dan ini akan melibatkan kos sebanyak RM1,000,008.00 untuk menambah baik program dan PWB ini prestasi penyelaras akan dipantau dan melalui keaktifan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan kita juga akan melibatkan Pejabat Daerah dan Tanah sebagai agen untuk memantau pelaksana PWB di peringkat DUN. Untuk program dijalankan oleh PWB kita juga telah bersetuju memperuntukkan RM30,000.00 setahun kepada setiap PWB dan ini akan melibatkan kos keseluruhan untuk menjayakan Pusat Wanita berdaya bagi tahun 2015 sebanyak RM2.8 juta.

Saya juga ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Permatang tentang tidak ada kesungguhan untuk menyiasat hasil, dapatan yang dibuat oleh Jawatankuasa Dewan. Saya kira ini satu pandangan yang cukup baik kerana Jawatankuasa Dewan di negeri Selangor ini cukup aktif menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka membentangkan penyata dalam Sidang Dewan tetapi kita sedia maklum tidak ada sebarang usaha untuk melihat langkah-langkah yang perlu diambil hasil daripada dapatan tersebut. Tetapi untuk maklumat Y.B. Permatang peraturan dewan yang telah pun dipinda dan akan dibentangkan dalam sesi kali ini telah pun memberikan penyelesaian kepada perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Permatang di mana sekiranya pindaan ini diluluskan dalam sesi ini semua penyata jawatankuasa Dewan yang dibentangkan dalam Dewan ini akan mendapat maklum balas daripada Kerajaan Negeri dalam sesi yang akan datang. Makna kalau kita bentangkan dalam sesi ini sesi yang akan datang Kerajaan Negeri akan memberi maklum balas sama ada cadangan yang terkandung dalam penyata tersebut diterima atau pun sebaliknya. Inilah penambah baikkan yang kita akan lakukan. Bukan sekadar itu Y.B. Permatang baru-baru ini juga kita telah membincangkan

dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor di mana laporan Ketua Audit Negara dibentangkan setiap tahun tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Seperti yang diamalkan oleh Kajang Persekutuan. Saya telah meminta supaya Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri menulis surat kepada semua Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Negeri Selangor untuk menyemak dan meneliti teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dan mengambil langkah-langkah untuk menjamin urus tadbir yang baik dan berintegriti. Ini telah pun dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat.

Y.B. Dengkil segak pada petang ini mesti baru balik dari PWTC. *Wallahualam* tak apa itu isu di luar, isu dalam Dewan beliau bangkitkan tentang *short-term solution* jambatan yang runtuh di Cyberjaya menuju ke KLIA. Saya sendiri telah turun ke Dengkil dan melihat sendiri kejadian ini dan membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil. Kita perlu menaik taraf jalan alternatif sekarang ini jalan susur untuk ke KLIA. Kita sedia maklum jalan ini juga sedang berlaku mendapan dan sudah tentu menimbulkan kesesakan lalu lintas yang luar biasa bagi pengguna Lebuhraya ke KLIA. Maka untuk maklumat untuk Y.B. Dengkil kerja-kerja menguatkan semula asas jalan atau pun *road base* dan menurap semula akan dimulakan pada 15 Disember ini. Dan ini kosnya dianggarkan RM300,000.00. Kerja-kerja tidak dilakukan serta-merta sebelum ini kerana melibatkan struktur jalan dan utiliti dan kerja-kerja ini akan dijangka siap dalam tempoh dalam 2 minggu pada 30 Disember 2014.

Bagaimana keadaan jambatan yang runtuh, ya. Untuk makluman Y.B. kita telah memutuskan supaya jambatan ini dibina semula sepenuhnya bukan sekadar yang runtuh tetapi dari laporan awal yang kita terima, jambatan yang tidak runtuh juga tidak mempunyai jangka hayat yang panjang dan boleh menimbulkan masalah keselamatan, maka kita telah mengambil keputusan untuk meruntuhkan kesemua struktur jambatan tersebut dan membina semula sepenuhnya. Kita sedang menjalankan siasatan tanah dan sedang berlangsung dan akan selesai pada 15 Disember 2014. Kos siasatan tanah sahaja RM120,000.00 dan setelah selesai siasatan tanah kerja-kerja pengalihan paip air seperti Y.B. Dengkil maklum di atas jambatan ini ada satu paip air yang cukup besar yang membekalkan bekalan air ke Cyberjaya. Jadi kalau kita runtuhkan begitu sahaja tidak ada paip gantian ini akan menimbulkan masalah kepada industri di sana jadi kita akan alihkan paip air dan ianya akan mengambil masa lebih kurang 3 bulan untuk kerja-kerja pengalihan paip dan langkah berikutnya ialah untuk meruntuhkan baki jambatan secara total yang masih berdiri tegak dan *piling* kerja-kerja *piling* akan bermula pada Mac 2015 dan kerja keseluruhan dijangka siap pada September 2016 dan anggaran kos untuk membina semula jambatan ini ialah RM24 juta. Y.B. Dengkil juga ada membangkitkan soal pembangunan semula rumah untuk 400 keluarga bekas pekerja ladang di Taman Permata Dengkil. Untuk makluman Y.B. Dengkil seperti yang saya telah nyatakan dalam ucapan Belanjawan Kerajaan Negeri telah pun mengambil alih tanah daripada Sime Darby dan kita telah membayar pampasan

sebanyak RM12.1 juta pada 18 November baru-baru ini dan surat untuk memaklumkan bahawa tanah telah dibayar pampasan dan menjadi tanah milik Kerajaan dan meminta KP-KP untuk memulakan pembangunan 400 unit rumah ini akan kita hantar esok kepada Menteri KP-KP untuk memaklumkan status tanah tersebut yang telah pun menjadi milik Kerajaan Negeri dan sekarang Kerajaan Persekutuan boleh masuk untuk memulakan pembangunan 400 unit rumah yang berkenaan. Untuk makluman Y.B. juga UPEN dan KP-KP akan mengadakan mesyuarat susulan bagi menjayakan pembangunan 400 unit rumah yang berkenaan. Akhirnya Y.B.

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, sikit nak mencelah. Yang Berhormat saya nak beritahu saya rasa Yang Berhormat Dengkil tak tahu istilah *State list* atau *Federal list*. Hospital, jalan raya, balai polis, sekolah itu adalah di bawah *Federal list* supaya Yang Berhormat Dengkil tidak *miss lead* dalam dewan ini. Saya cadangkan Yang Berhormat Dengkil kena hadir kursus lain supaya faham apa dia *State list* apa dia *Federal list*.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tadi soalan, jawapan pasal kawasan, ini tiba-tiba lain pula perginya tu. Tunggu la MB jawab dulu Yang Berhormat. (sambil ketawa)

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik kena minta penjelasan daripada Menteri Besar bukan *lecture* Dengkil.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Ada satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burong ya, tentang status dan pelaksanaan projek pemuliharaan dan pembangunan sungai Kelang. Secara ringkasnya ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang meneliti semula kebolehpayaan projek ini berdasarkan kemampuan kewangan dan penyertaan sektor swasta kerana pembangunan ini memerlukan satu kos yang amat tinggi dan setelah kita meneliti apabila kerajaan persekutuan menaik taraf sungai *river life* itu di bahagian *up stream*, itu sahaja melibatkan kos empat bilion ringgit. Jadi, kita sedang meneliti kebolehpayaan Kerajaan Negeri dalam meneruskan projek ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, Selangor memang seperti yang saya tegaskan kita bercita-cita untuk menjadi penerajulah kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti kita sedia maklum kita adalah penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia sebanyak 23.7%. Tetapi pada masa yang sama kita juga mahu menjadi pelopor kepada politik demokratik yang lebih terbuka dan yang telus. Sebab itulah Kerajaan Negeri Selangor atas semangat demokrasi ini kita bersetuju untuk memberi pengiktirafan kepada peranan Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang dengan memberikan peruntukan sebanyak RM200 ribu seorang setahun. Ini satu pengiktirafan kerana peranan ketua pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang itu cukup penting bagi Kerajaan Negeri ya. Kita tidak melihat ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang ini sebagai musuh kita, kita melihat ahli-ahli

Pembangking ini sebagai satu komponen dalam sistem demokrasi untuk menyumbang idea yang baik bagi membangunkan negeri Selangor. Maka, untuk maksud itu saya ingin mengumumkan pendirian Kerajaan Negeri adalah kekal. Peruntukan untuk setiap ahli Yang Berhormat Pembangking sebanyak dua ratus ribu ringgit setahun untuk dua belas Adun akan dikekalkan. Hmmm, saya senyum. K k, terimalah. Untuk rakyat, ok. Ini, ini merayu ini. Saya merayu, terimalah. Demi rakyat ya. Baik, sebenarnya saya bukan melihat ini sebagai gimik politik ya, sebab itu apabila saya turun dan terjah ke lapangan ke setiap daerah. Saya telah memberikan maklum kepada Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri dan semua pegawai-pegawai daerah supaya setiap lawatan kerja itu mesti dijemput ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangking. Saya terima kasihlah bila saya turun Kota Damansara, Yang Berhormat Kota Damansara ada. Saya turun Dengkil, Yang Berhormat Dengkil ada. Saya nak turun Sungai Burong, Sungai Burong kenalah ada. Haaa. Kereta dah baru, minyak Kerajaan Negeri bayar, pemandu Kerajaan Negeri bayar, datanglah sambut Menteri Besar. Ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Boleh penjelasan. (Sambil ketawa).

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Nanti kata tak bersambut pula kan. (Sambil ketawa). Ya. Yang pertama sekali tu, ye la. Kita punya kan, kita ucapkan terima kasihlah kerana di atas kemudahan-kemudahan atas dasar pengiktirafan kan. Itu kita *take note* yang pertama pemberian kereta yang telah pun sebenarnya telah dilaksanakan diluluskan di bawah keputusan dewan yang lalu, ok. Saya menyambut baiklah kalau Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar datang ke kawasan Sungai Burong nak tengok masalah kat sana, ya. Boleh, *insya-Allah* saya akan datang sana, kita pun akan tunjukkan mana keperluan-keperluan yang boleh demi untuk kesejahteraan rakyat. Sebab kita pun bekerja untuk rakyat. Cuma saya nak dapatkan penjelasan ini sebagai tanda *liquidation*, kita melihat. Saya sering berasaskan kepada prinsip, ya kalau prinsip kedudukan mengiktiraf wakil rakyat tak kiralah pembangking ataupun ni yang dipilih oleh rakyat, sebenarnya kepentingan tu kena bersama. Kalau misalnya jumlah yang sama diberikan kena beri berterusan. Itu prinsip yang pertamalah atas dasar prinsip. Prinsip yang kedua kalau dah kita iktiraf wakil rakyat kan, mungkin ini suatu reformasi yang baru ataupun transformasi oleh sebab pentadbiran yang baru kan. Tidaklah perlu ada penyelarar DUN, kenapa ada penyelarar DUN sebab wakil rakyatnya ada nanti kalau Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar datang ke Sungai Burong kan. Nanti yang akan mengadu siapa? Adakah wakil rakyat daripada kawasan berkenaan ataupun penyelarar DUN berkenaan. Dan siapa yang nak dengar ya. Ha, kalau didengar dua-dua tu macam berbini dua pula. Ya, ha...ha...ha. Jadi, ini bukan prinsip poligami ya, ini kita prinsip asas tadi pendemokrasian di atas prinsip-prinsip keadilan. Ini yang kita sebenarnya menolak tu atas dasar prinsip. Kalau

ha...ha...ha, kalau benda ini diperbetulkan atas dasar rasa keikhlasan ya. Jadi kita akan bermusyawarah balik lah sesama kita untuk mendapat kaji kedudukan sebenar. Jadi, untuk soal terima lamaran atau tidak pada masa ini ya, itu kita menyatakan pendirian kita. Ok. Minta penjelasan ya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih...

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Tambahan Yang Amat Berhormat, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Hitam, eh Sungai Air Tawar. Maaf-maaf. Maaf-maaf Sungai Air Tawar.

(Semua ahli Dewan ketawa)

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih, Tuan Speaker. Dah petang agaknya, dah nak balik. Saya menyambut baik kehendak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk melawat ke DUN-DUN dan pada yang hari yang lepas cuma setakat di Sabak sahaja tetapi yang sepatutnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar melawat atas sikit, DUN Sungai Air Tawar. Kemudian yang penting cuba Yang Amat Berhormat tengok *billboard*. *Billboard* yang dipasang oleh penyelaras DUN. Saya, saya tak nak sebut apa kekurangannya.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar, ini isu baru kena bangkitkan. Tanya penjelasan isu yang telah dibangkitkan dalam sidang dalam perbahasan....

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Tadi kata, setiap DUN kena hadir, saya mintalah agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar melawat ke atas sikit untuk meneliti apakah kehendak-kehendak saya yang telah pun saya sebut dalam perbahasan. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Air Tawar, saya tidak akan melawat ke atas sikit. Saya akan melawat seluruh pelosok negeri Selangor ini, termasuk Sungai Air Tawar. Cuma yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burong itu, saya nak jelaskan jumlah kekal sama. Ya. Setiap Dun akan mendapat RM700,000.00, ya. Jumlah sama. Tak ada beza. Di Sungai Burong pun RM700,000.00, di Jeram RM700,000.00, di Permatang RM700,000.00. Tetapi kaedah itu sahaja kita bahagi dua ya. Sebahagian diuruskan oleh Yang Berhormat Sungai Burong RM200,000.00, sebahagian diuruskan oleh Penyelaras Dun. Sebab walaupun kami kalah, undi kami besar juga situ. Haha. Jadi kami pun mewakili juga suara rakyat di Sungai Burong. Jadi sekurang-kurangnya ini permulaan yang baik ya. Mungkin ianya membuka hati Yang Berhormat Sungai Burong untuk terima tahun depan, kita boleh pertingkatkan, boleh kita pertimbangkan. Jadi kita mulakan dulu. Setiap sesuatu mula dengan langkah

pertama. Langkah pertama RM200,000.00, langkah seterusnya kalau Yang Berhormat masuk Pakatan Rakyat RM700,000.00. (Dewan bersorak)

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya apa ni Tuan Speaker. Saya memang keikhlasan ni memang sukar nak diukur, itu saya akuilah walaupun ketua pembangkang kata tak ikhlas, saya sendiri pun cari jalan mana nak ukur keikhlasan itu. Saya akui tapi bila Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat nak bagi dua ratus ribu tu saya tengok Kampung Tunku terus bangun. Itu yang saya tak seronok tu. Dia terus bangun, dia kata kat parlimen, kat parlimen pun kena bagi juga kepada ahli-ahli parlimen pembangkang". Jadi kita melihat bahawa keikhlasan itu kita boleh diukurlah bahawa sebenarnya ada udang di sebalik batulah agaknya. Jadi mengharapkan bila di sini dapat peruntukan diberi jadi di parlimen juga akan dituntut perkara yang sama. Jadi, pada-pada kita melihat ini seolah-olah macam gula-gula politiklah. Saya minta maaf. Itu mungkin pandangan kita. Dan yang kedua, mungkin Yang Amat Berhormat mungkin tidak sebut kalau dua belas Adun BN diberi bagaimana sahabat sebelah saya ni tak disebut? Walaupun hari ini tak datang, saya pejuang juga ni sebab jiran. Sekarang dah jadi sebelah sini dah. Ha ha ha.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tak. Yang semenjak bila Yang Berhormat Permatang ni prihatin tentang Pelabuhan Klang ni? (Ahli dewan ketawa)

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Jiran sebelah. Jiran ni.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Barulah. Baru hari ini Yang Berhormat Permatang *concern* dan prihatin tentang Pelabuhan Klang. Ya, baik begini, saya, Pelabuhan Klang juga kita akan beri dua ratus ribu ringgit. Tak ada masalah. Itu prinsipnya. Cuma saya tidak mahu bicara soal apa yang akan dibuat oleh kerajaan persekutuan. Ya, ini adalah hasrat Kerajaan Negeri untuk menyuburkan sistem demokrasi ya. Kami di peringkat persekutuan, Yang Berhormat Kajang semasa menjadi ahli parlimen Permatang Pauh, sengsara dah. Enam belas tahun! Tak di peduli, dianaktirikan, dipijak, dihina, diaibkan, saya sendiri sekarang ahli parlimen Gombak. Tapi tak apa. Itu terpulang kepada kebijaksanaan. Mungkin Yang Berhormat Permatang besok pakai baju Melayu pergi PWTC, bahas, cadangkan "marilah kita suburkan demokrasi dalam UMNO, dalam Barisan Nasional, dalam kerajaan persekutuan" ini cadangan sahaja tapi saya tidak ambil tahu apa masalah berlaku dalam UMNO. Saya hanya pentingkan Kerajaan Negeri sebagai sebuah kerajaan yang termaju di Malaysia dan kita bukan mahu kemajuan dalam konteks fizikal sahaja tapi kita mahu menjadi satu kerajaan yang juga menjamin demokrasi rakyat dan juga negeri Selangor...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Beri penjelasan-penjelasan sedikit.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Akhirnya. Dah lah tu. Dah nak pergi perhimpunan UMNO kan?? Dah lambat dah tu.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak apa, tak apa. Dah habis dah. Saya minta penjelasan sikit. Boleh? (sambil ketawa)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dah malam ni ada jamuan presiden pergi la.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh saya pergi?

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa boleh bagi Permatang?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya nak tutup dah, nak maghrib dah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Satu minit saja kalau boleh.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Akhirnya Yang Berhormat Dato' Tuan Speaker. Saya mengajak supaya dewan ini kita jadikan sebagai wahana lah. Ya. Satu wahana, temu tembung politik. Ya ataupun ya, temu tembung politik yang kondusif. Di mana kita membincangkan kita berdebat dan kita boleh bersetuju atas perkara-perkara demi untuk kepentingan rakyat di Negeri Selangor. Akhirnya Tuan Speaker...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, saya nak mencelah ni bukanlah mengenai isu dua ratus ribu, lain sikit la kalau boleh. Saya nak minta pencerahan sebenarnya. Sebab saya tengok ramai rakan-rakan daripada pihak kerajaan bila bahas yang tadi pun Yang Amat Berhormat ada sebut mengenai sumbangan 23% Kerajaan Negeri Selangor kepada KDNK. Tapi pada sayalah sebenarnya bayaran macam mana yang nak diminta sebab apa yang termaktub dalam perlembagaan tanggungjawab kerajaan persekutuan kepada Kerajaan Negeri telah ditunaikan. Jadi nak bagi bentuk macam mana lagi? Dan saluran kewangan kerajaan persekutuan kepada pembiayaan projek-projek di negeri Selangor masih berjalan cuma diuruskan melalui kementerian-kementerian yang berkaitan yang tidak ada di negeri Selangor. Contoh Kementerian Pelajaran buat sekolah itu sebagainya itu adalah sumbangan, buat hospital dan sebagai itu melalui kementerian. Dia tidak diberi pada Kerajaan Negeri. Jadi rakan-rakan yang lain ini, tak bolehlah kata kerajaan persekutuan tak bagi. Bagi dah apa yang peruntukan perlembagaan yang lima, lapan ratus juta tu bagi dah. Jadi, nak tuntutan yang macam mana? Sebenarnya? Itulah saya nak tanya. Itulah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Pertama, kita pernah bincangkan dalam dewan yang sama, bahawa sumbangan 23.7% kepada KDNK negara itu tidak setimpal dengan bayaran balik yang diterima daripada kerajaan persekutuan. Itu yang pertama. Yang kedua, kalau diberikan dalam bentuk projek yang dicadangkan oleh

kerajaan persekutuan pun, bincanglah dengan Kerajaan Negeri. Kerana kesannya kepada rakyat dalam negeri Selangor. Sebagai contoh nak bangunkan KIDEX, saya tengok, saya tengok Bukit Gasing saya dah tahu dah dia minta saya untuk bercakap pasal KIDEX. Kita tidak menolak pembangunan tetapi pembangunan itu biarlah pembangunan yang dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat dan juga penduduk di kawasan itu. Apa salahnya bincang dengan Kerajaan Negeri. Ini bukan cara lama sepuluh, dua puluh tahun yang dulu di mana kerajaan persekutuan menentukan sesuatu dan paksa kita terima. Dalam abad ke-21 ini rakyat lebih matang, rakyat cerdik, rakyat mahu ada *engagement*. Sebab itu saya gunakan tadi temu tembung politik yang konstruktif supaya kerajaan persekutuan ada peranannya, Kerajaan Negeri ada peranannya. Mari kita duduk dan bincang demi kepentingan rakyat. Itulah, hari dah nak Maghrib dah. Yang Berhormat...

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya bukan, hendak mencelah sikit ajelah. Saya ingat saya rasa dalam konteks tidak ada, tidak ada kerjasama, saya rasa tidak timbul Yang Amat Berhormat. *Because*, kerana setiap apa yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan melalui kementerian-kementerian semuanya mendapat kebenaran merancang. Mesti melalui PBT agensi-agensi kerajaan. Kalau tidak diluluskan, saya percaya termasuk *KIDEX* kalau tidak diluluskan oleh PBT dan sebagainya tidak akan boleh dilaksanakan. Itu dah maklumlah maksudnya tu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Cuma jangan bincang dengan Kerajaan Negeri bila hendak dapat lesen dan kelulusan. Kita nak bincang dari peringkat awal. Sebelum ada perancangan itu. Dewan bertepuk.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itu yang pertama. Yang kedua, nak kata kerajaan Persekutuan tidak ambil, ambil.

Y.B. TUAN NG SUE LIM: Nak penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Nanti jap. Yang kedua sebagai contoh kalau kita dianaktirikan. Lihat jambatan ketiga Kelang. Menteri Kerja Raya dah turun ke tapak dah rasmi dah. Dah potong, dah potong reben dah. Ambil gambar, keluar surat khabar, pecah tanah. Akhirnya bila kalah 2008 satu tiang pun tak naik. Akhirnya Kerajaan Negeri terpaksa tanggung hampir 300 juta ringgit. *Correct that*. Jadi, kalau saya nak bagi senarai panjang senarai. Sebab itu jangan bagi saya bercakap sebab saya nak berhenti dah. Kalau tidak. Okey, jadi sebagai penutupnya Yang Berhormat Tuan Speaker ya. Seperti yang saya nyatakan saya baru sahaja diberikan amanah kepimpinan ini dalam tempoh kurang dua bulan. Lebih kurang dua bulan lah. Hari ini 65 hari. Sungai Burung dikira berapa hari tu. Sebab dia sedang pantau saya. Saya okey. Saya tak apa. Tetapi antara cabaran yang paling besar untuk saya dalam tempoh dalam dua bulan ini adalah untuk menyiapkan Belanjawan 2015. Kerana bagi saya biasanya dalam menggubal belanjawan ini kita

memerlukan masa empat atau lima bulan. Tapi saya ada lebih kurang, kurang daripada dua bulan. Tetapi saya bersyukur akhirnya belanjawan dapat dibentangkan, perbahasan berjalan baik nampaknya kedua-dua pihak menyokong. Kita akan luluskan sebentar lagi. Tetapi saya nak nyatakan dalam dewan yang mulia ini saya bersyukur kerana saya mendapat dukungan yang cukup kuat daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Pegawai-pegawai Kerajaan di negeri Selangor. (Dewan bertepuk).

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai-pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri dan juga Perbendaharaan Negeri yang banyak, dan juga pegawai-pegawai yang terlibat, yang terpaksa bekerja dengan saya di luar waktu pejabat, di hujung minggu dalam tempoh dua bulan ini untuk menggubal satu belanjawan yang dapat memberikan manfaat kepada rakyat. *Insyallah*. Tetapi, saya juga ingin mengingatkan sementara kita bersyukur belanjawan ini telah dapat dibentangkan dengan baik, di bahas dengan bertanggungjawab, cabaran penting kepada Kerajaan Negeri sekarang ialah untuk memastikan dasar belanjawan yang kita telah luluskan ini dapat diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan. Kalau tidak ianya cantik dalam kertas tetapi pelaksanaannya jauh tersasar daripada apa yang telah saya telah katakan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Ya. Batu Tiga.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Penutup dah ini.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tahu. Sebab nak penutup tu saya hendak mencelah. Ah! Terima kasih Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat saya ada mengemukakan satu saranan semalam tentang peruntukan kepada JKKK. Kalau boleh selain daripada elaun yang dinaikkan RM100 saya mencadangkan supaya satu peruntukan khas diberikan kepada JKK iaitu dinaikkan daripada RM10,000.00 ke RM30,000.00. Jadi jawab soalan itu tidak jawab. Itu sahaja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga. Saya faham tujuan murni Yang Berhormat ialah untuk memastikan JKKK ini dapat mengadakan lebih banyak program dan juga projek di kampung yang berkenaan. Tetapi sementara kita boleh meneliti cadangan tersebut untuk waktu ini kita ada banyak program-program yang telah pun kita persetujuan, ya. Yang boleh dimanfaatkan oleh JKKK dan sekarang pun kita dah beri tambahan untuk jalan luar bandar, naik taraf balai raya, jadi banyak projek-projek yang kita telah naikan sebagai, apa, projek program luar bandar. Kita naikan 300%. Jadi saya mencadangkan supaya perkara ini kita manfaatkan dulu kita dapat laksanakan

program. Sebab itu saya katakan tadi sementara dasar belanjawan ini memang cukup cantik dan kemas tetapi saya, cabaran bagi saya ialah bagaimana kita dapat *execute* dan melaksanakan program-program ini secara berkesan dan memberikan kualiti yang terbaik untuk rakyat dan peduli rakyat di negeri Selangor. Dan saya bersama MMKN serta jabatan dan agensi pelaksana akan memantau pelaksanaan program ini secara dekat dan saya mahu memastikan supaya semua program-program ini dapat dijalankan secara efisien dan bertanggungjawab dan mudah-mudahan Allah membantu kita dalam usaha kita yang murni ini dan saya mendoakan agar negeri Selangor akan terus maju, rakyat terus harmoni negara kita aman dan damai. Terima kasih. *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wataala Wabarakatuh*. Dewan bertepuk.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari kumpulan wang disatukan negeri untuk perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menurut Peraturan Tetap 66 (3) setelah dibacakan Rang Undang-undang bagi kali yang kedua maka Rang Undang-undang akan terserah kepada Jawatankuasa Perbekalan. Untuk itu saya menangguhkan penyerahan dan perbahasan peringkat Jawatankuasa Perbekalan sehingga ke hari esok. Dewan akan bersidang semula pada hari esok, Jumaat 28 November jam 9.30 pagi. Bukan 10.00 pagi, ya. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 6.45 petang)